

Sejenak
dengan
Sulaiman
Aias.



'K' PUBLISHING & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

Terbitan:

'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.

No. 7, Jalan 3/82B, Bangsar Utama,

Off Jalan Bangsar,

59000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2307372 (9 talian),

Telex: MA 30226 MAHIR

Fax: 03-2307417

© 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd. 1990.

ISBN 983-852-084-5

Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa kebenaran pihak penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh

YEOHPRINCO SDN. BHD.

60 - 68, Jalan Rengas, Southern Park,

41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 3318046 (4 Lines)

Fax: (03) 3323913

300-9595
JUL
531379

13 APR. 1990

Perpustakaan Negara

KATA PENGANTAR

TAJUK *Sejenak Dengan Sulaiman Alias* ini adalah ciptaan Saudara Mazlan Noordin, bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu.

Semua tajuk rencana dalam ruangan saya dicipta oleh Pengarang Mingguan Malaysia. Selain daripada Saudara Mazlan Noordin, Zainudin Maidin atau Zam, Samad Mahadi, Rosnah Majid dan seorang dua lagi bertugas pada masa-masa yang tertentu.

Tujuan utama saya menulis ialah untuk memberi pandangan dan pendapat dalam semua hal yang menarik perhatian saya. Oleh kerana minat saya banyak tertumpu kepada soal-soal politik dan ekonomi maka banyaklah rencana yang saya tulis berkaitan dua perkara itu.

Saya juga banyak menumpukan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh Bangsa Melayu yang serba kekurangan dan yang sekarang ini sedang pesat maju dalam pelbagai bidang; pelbagai isu yang saya tulis tentangnya.

Menulis setiap minggu memberikan pandangan dan pendapat mempunyai risiko yang besar. Satu daripadanya ialah membuat kesilapan di khalayak ramai; mempamerkan kedanggalan ilmu dan menyangkan emosi yang meluap.

Ada orang yang pandai menulis dan boleh menulis ribuan perkataan dengan tidak menyampaikan apa-apa maksud kepada pembaca. Ada juga penulis yang pintar hinggan tidak seorang pun pembacanya yang terasa tersinggung, bahkan ramai yang merasa puas dan senang hati. Saya tidak termasuk dalam golongan penulis pintar itu.

Saya tidak suka berselindung dan tidak pernah memuji kalau bukan tempatnya. Saya memberikan pendapat dengan tidak banyak memikirkan apakah akibat pendapat saya itu, kerana kalau saya terlalu memikirkan pendapat orang lain akhirnya kita tidak akan dapat memberikan pendapat yang jujur.

Adakalanya saya menulis tentang kisah-kisah lama yang barangkali tidak bersangkutan dengan hal ehwal awam. Saya tulis untuk mengingatkan kembali beberapa peristiwa pahit manis dalam hidup saya. Ada kalanya saya menulis esei sebagai pandangan orang seni sungguhpun saya belum pernah menulis novel atau menerbitkan drama.

Selama hampir empat tahun saya menulis dalam *Mingguan Malaysia*, lebih kurang 200 rencana telah tersiar.

Saya memilih sebahagian besar rencana itu untuk diterbitkan semula dan telah membahagikannya kepada beberapa bahagian. Saya harap rencana-rencana itu dapat diterbitkan dalam tiga jilid mengikut tajuk-tajuk yang tertentu.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengarang-pengarang *Kumpulan Utusan Melayu* yang tersebut namanya di atas dan juga kepada Faridah Itam yang bertanggungjawab menyelenggarakan ruangan saya di *Mingguan Malaysia*.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Saudara Ahmad Mahir Kamaruddin dan Saudari Latifah Kasim dari *K Publishing and Distributors Sdn. Bhd.*

KANDUNGAN

Kata Pengantar

(v)

Sejenak Dengan Sulaiman Alias

- Manusia Melayu yang Punya Pelbagai Paras Rupa 2
- Cita-cita di Tahun 1988 5
- Sumbangan Besar Orang-orang Seni Patut dapat Penghargaan 9
- Syed Hussein Punya Pengalaman Unik Untuk Pimpin UM 15
- Makan Semeja dan Bertegur Sapa Tak Bererti Bersubahat 19
- Prof. Syed Hussein Rakam Dua Pantun Buat Sulaiman 23
- Parti Politik Tak Harus Aktif Dalam Gerakan Koperasi KUB 24
- Tan Sri Senu yang Banyak Berjasa 28
- Yang Penting Semua Peguam Mestilah Fasih Dalam Bahasa Malaysia 32
- Politik dan Sejarah Bagaikan Sandiwara yang Tak Putus-putus 36
- Penerapan Nilai-nilai Islam 39
- Menoleh ke Belakang dan ke Masa Depan 43

UMNO

- Tempoh Jawatan Ketua Pemuda Patut Dihadkan? 48
- Etika Pemilihan Untuk Bendung Politik Wang 52
- Perhimpunan Agung UMNO kali ini Penting dalam Sejarah Parti 55
- Penglibatan Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Politik Perlu dikaji Semula 59
- Khemah kerja Pemuda UMNO di Pinggir Hutan 61
- Keteguhan Parti Lebih Penting dari Kepentingan Pemimpin 63
- Ada Pihak Minta Perlembagaan Dipinda 66
- Datuk Masalah Pemimpin UMNO Pertama Memecah Tradisi 69
- Bukan Melayu Gusar dengan Pergolakan UMNO 75
- Perhimpunan Pemuda UMNO 77
- Tindakan Pulihkan UMNO Terletak Pada Presiden 81
- Kestabilan Negara Bergantung Pada Suasana Politik Yang Tenteram 84
- UMNO punya Bangunan Ibu Pejabat Paling Besar di Dunia 88
- Siapakah Yang Akan Warisi Harta UMNO Lama? 92
- Tidak Ada Pilihan Lain Bagi Tengku Razaleigh Melainkan Undur 96

- Apakah Pilihanraya Kecil akan Berlarut Hingga 1991? 100
- Moga-moga Tun Hussein Onn Berjaya Sebagai 'Orang Tengah' 104
- Selesaikah Krisis UMNO Dengan Kemasukan Semula Datuk Musa? 108
- Kalau Bakar Jambatan Binalah Jambatan Baru 112

Politik dan Ehwal Semasa

- Kemenangan BN Penting 118
- Kali Kelapan Kita Mengundi 121
- Lagi Reaksi Ucapan Datuk Dollah Ahmad 124
- Soal Kebudayaan Negara Masih Belum Selesai 127
- Masih Ada Anak-anak Tak Dapat Bersckolah 130
- Isu Perlembagaan Hangat Sempena 30 Tahun Merdeka 131
- Berapa Lama Ketenteraman Dalam MIC dapat dikekalkan? 135
- Ke Arah Suatu Bangsa Malaysia 139
- Apakah Nasib Institusi Raja Berparlimen di Hari Muka? 143
- Datuk Asri Gagal Perkenalkan HAMIM pada Orang-orang Melayu 148
- Pergeseran MCA - GERAKAN Kian Meruncing 152
- Tak Perlu Dirisaukan Tentang Masa Depan Orang Melayu 157

Ibu Kota Kuala Lumpur

- Wajah Kuala Lumpur Tak Banyak Berubah 162
- Pengangkutan Awam di KL 164
- Perkhidmatan Keretapi Ringan di KL Tidak Menguntungkan 167
- Hapuskan Perjudian di Pesta 'Fun Fair' 169
- Kuala Lumpur Mesti Cerminkan Masyarakat Majmuk 171
- Pengangkutan Awam di KL masih 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu' 174
- Kuala Lumpur: Perlukah Sistem Keretapi Bawah Tanah 177
- Perumahan di Malaysia Antara Paling Baik 180

Sejenak dengan Sulaiman Arias.

Bahagian ini merupakan catatan peribadi. Rencana-rencana ini menimbulkan banyak kisah lama yang ada kala menyinggung perasaan kawan. Dalam banyak rencana yang tersiar, kumpulan inilah yang paling saya suka. Beberapa peristiwa yang saya tulis itu memberi saya ilham untuk menulis dengan lebih panjang lagi, mungkin boleh dijadikan buku. Saya bukanlah rajin malah menulis setiap minggu ini memaksa saya menulis walaupun kadang-kadang tidak ada *mood*. Kalau hendak saya ikutkan hati, saya lebih suka membaca daripada menulis, atau hanya berbual-bual; mungkin omong-omong kosong.

MANUSIA MELAYU YANG PUNYA PELBAGAI PARAS RUPA

ADA tiga bangsa di dunia ini yang terkenal sebagai bangsa-bangsa yang pada keseluruhannya menganut agama Islam. Bangsa-bangsa itu ialah Arab Saudi, Somalia dan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

Ada dua tempat atau kawasan di dunia ini yang hanya boleh diduduki atau ditempuh oleh orang-orang Islam sahaja, iaitu di Mekah dan di Madinah, di Arab Saudi. Di kedua-dua tempat ini ada kawasan yang dilarang dimasuki oleh orang-orang yang bukan beragama Islam. Seseorang yang bukan beragama Islam jika didapati melalui kawasan-kawasan ini akan ditahan dan mungkin dipenjarakan.

Dalam perlembagaan negara kita, salah satu syarat untuk 'menjadi' orang Melayu ialah ia hendaklah beragama Islam. Seseorang orang Melayu di Semenanjung tidak diiktiraf sebagai orang Melayu jika ia tidak beragama Islam.

Barangkali inilah sebabnya maka soal agama kepada bangsa Melayu di Semenanjung atau di Malaysia Barat begitu penting. Soal agama di Semenanjung dikaitkan dengan soal bangsa. "Masuk Islam" disamakan dengan "masuk Melayu".

Oleh sebab keadaan yang agak ganjil ini, maka takrif bangsa Melayu itu agak sukar difahami oleh bangsa-bangsa lain di dunia.

Bolehkah seseorang itu masuk Melayu? Dan siapakah orang Melayu itu? Satu soal yang barangkali tidak patut ditimbulkan. Siapa dia orang Melayu itu? Bagaimanakah rupa parasnya orang Melayu itu? Apakah warna kulitnya? Adakah warna kulit orang Melayu itu hitam? Putih? Atau sawo matang atau kuning langsat?

Hidungnya macam mana? Matanya? Janggutnya? Dan lain-lain lagi.

Saya percaya ramai di antara kita yang pernah keluar negeri sering ditanya “Awak bangsa apa?” Atau “awak dari mana?” atau hanya “awak siapa”?

Saya pernah ditegur sapa oleh seorang orang Burma dalam bahasanya. Rupa-rupanya orang Burma di Burma mirip rupa orang Melayu – orang Melayu yang rupa macam saya.

Orang Melayu macam rupa saya mungkin sama seperti rupa orang Filipina, orang-orang Thai selatan atau orang Gurkha di India. Orang Melayu macam rupa saya sama rupanya seperti orang Melayu di Sarawak atau di Sabah atau di Pulau Cocos.

Di Indonesia memanglah orang Melayu macam rupa saya difikirkan orang Minangkabau, atau orang Bugis dari Sulawesi ataupun seperti orang Jawa sendiri.

Saya pernah ditanya sama ada saya orang Ethiopia atau Habshah semasa menuntut di London dulu dan pada masa itu saya rasa agak tersinggung, maklumlah kita orang Melayu disangkanya Habshi atau Habshah!

Sebab saya rasa tersinggung ialah orang Habshi yang saya kenal kulitnya hitam legam. Orang Habshah yang saya kenal itu ialah seorang wanita yang dibeli oleh seorang Undang Rembau di Arab Saudi – sebelum jual-beli hamba diharamkan. Semasa tuanya orang Habshi itu tinggal di rumah datuk saya sebagai seorang keluarga.

Sekarang baru saya tahu ada orang Habshah yang mirip rupa orang Melayu yang macam rupa saya.

Di Jakarta beberapa tahun dulu, seorang Jeneral Indonesia bertanya pada saya sama ada saya ini keturunan Jawa. Tersentak saya sebentar kerana itulah kali pertama pernah orang menyatakan bahawa saya ada rupa orang Jawa!

Selepas terpegun beberapa saat, saya terkenang akan salasilah keluarga saya. Di sebelah ibu, lima keturunan yang lalu, seorang orang Jawa berkahwin dengan gadis dari Rembau dan saya adalah salah seorang zuriatnya.

Di sebelah ayah, empat keturunan yang lalu seorang orang Bilah dari Sumatera juga berkahwin dengan orang Rembau dan mereka itulah nenek moyang saya.

Jadi, saya menjawab pertanyaan orang Jawa itu bahawa mungkin orang macam saya inilah patut dipanggil orang Indonesia – campuran di antara darah orang Jawa, orang Minangkabau dan orang Melayu asli.

Itulah pengalaman saya secara singkat. Masa kecil dulu yang hitam sedikit, dipanggil 'anak keling' – kerana ramai orang Melayu tidak tahu bahawa di India ramai rakyatnya yang berkulit putih daripada yang berkulit hitam.

Bagaimana pengalaman para pembaca? Adakah saudara pernah ditegur sapa sebagai orang Inggeris? Atau orang Cina, atau Pakistan atau Arab? Pernahkah saudara disangka orang Pathan atau orang Turki?.

Bangsa Melayu di Semenanjung sekarang ini mempunyai paras rupa mirip berbagai bangsa. Kita tidak patut tersinggung jika ada orang yang menyatakan bahawa kita rupa macam orang Benggali atau orang Arab atau Siam.

Barangkali tidak ada orang Cina yang kulitnya hitam legam! Bangsa Melayu ada. Tidak ada orang Inggeris yang kulitnya sawo matang. Orang Melayu ada. Tidak ada orang Afro dari Afrika yang berkulit kuning langsung. Orang Melayu ada. Dan orang Melayu ada yang rupa orang Afro Afrika dan macam orang putih dan pelbagai paras rupa lagi. Manusia Melayu itu pelbagai paras rupa.

Di Semenanjung Tanah Melayu, orang Melayu hendaklah beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengikut adat resam dan kebudayaan Melayu. Orang Melayu beragama Kristian, Hindu atau Buddha tidak diakui sebagai orang Melayu. Definisi Melayu bukan 'ethnic'. Dia berbentuk agama dan kebudayaan.

Itulah sebabnya bangsa Melayu amat kecewa bahkan merasa marah apabila Haji Yusuf Rawa membuat tuduhan bahawa 66,000 orang Melayu telah keluar daripada agama Islam.

Apa telah jadi dengan Haji Yusuf Rawa ini? Haji Yusuf Rawa bukan orang sebarangan. Beliau pernah mengalahkan Datuk Sri Dr. Mahathir dalam pilihanraya tahun 1969.

Apabila PAS menyertai Barisan Nasional dalam tahun 1970/71 Haji Yusuf Rawa menjadi salah seorang orang kuat PAS dalam kerajaan Barisan Nasional. Beliau pernah dilantik sebagai duta kita di Teheran. Dan akhir sekali beliau menggantikan Datuk Asri Muda sebagai Presiden PAS.

Apa telah jadi pada pemimpin PAS ini? Sama-samalah kita tunggu perkembangan selanjutnya.

CITA-CITA DI TAHUN 1988

APAKAH azam dan cita-cita kita dalam tahun 1988 ini? Cita-cita kita patut dibahagikan sekurang-kurangnya kepada tiga bahagian. Cita-cita untuk diri sendiri, untuk keluarga dan untuk bangsa dan negara.

Ramai orang yang hanya bercita-cita untuk dirinya sendiri sahaja dengan tidak langsung mempunyai cita-cita untuk keluarganya. Dan kalau kita tidak memikirkan tentang cita-cita keluarga masakan kita dapat memikirkan tentang cita-cita bangsa dan negara? Ada pula yang membelakangkan cita-cita bangsanya asalkan cita-cita peribadinya berhasil. Tidak kurang pula yang mempunyai cita-cita yang bertentangan ataupun tidak seiring dengan cita-cita bangsanya.

Adalah penting bagi tiap-tiap seorang individu itu mempunyai cita-cita atau rancangan, atau impian ataupun angan-angan. Masyarakat Melayu kadang-kadang mentafsirkan cita-cita ini sama seperti angan-angan dalam ertikata yang negatif.

Sebuah kamus memberi pengertian cita-cita di antara lain, seperti berikut; perasaan, gagasan, hasrat, keinginan, niat dan angan-angan.

Mengikut pendapat mereka yang pakar dalam ilmu jiwa, cita-cita atau angan-angan adalah satu unsur penting untuk kesihatan dan kesejahteraan fizikal dan mental seseorang itu. Ertinya, bukan sahaja kesejahteraan pemikiran yang memerlukan cita-cita atau angan-angan bahkan kesihatan jasmani juga memerlukannya.

Apakah cita-cita anda dalam tahun 1988 ini? Pada pendapat saya tidak ada orang yang mahu memberitahu orang lain akan cita-citanya secara terus terang. Impian seseorang itu akan terpendam di hati sanubarinya; tidak ada insan lain yang akan mengetahuinya.

Ilmu pengurusan moden mengajar kita bahawa sesuatu cita-cita itu hendaklah dituliskan dengan rangka atau garis kasarnya. Cara ini membolehkan seseorang itu menyemak dan mengkaji sejauh manakah cita-citanya telah tercapai.

Barangkali cara ini lebih sesuai untuk sesuatu rancangan yang konkrit tetapi mungkin tidak sesuai untuk satu cita-cita yang abstrak atau satu impian yang hanya sesuai disimpan dalam hati atau otak seseorang itu.

Kepada seseorang pelajar, cita-citanya mungkin tidak banyak. Yang paling penting ialah untuk lulus peperiksaan dengan cemerlang. Umpamanya kepada mereka yang akan menduduki peperiksaan SRP tahun ini, cita-cita mereka tentulah untuk mendapatkan kelulusan terpuji dalam semua mata pelajaran.

Begitu juga kepada mereka yang akan mengambil peperiksaan SPM tahun ini. Di antara kira-kira 20,000 orang mahasiswa Malaysia yang akan mengambil peperiksaan tahun akhir tahun ini, di dalam dan di luar negeri, berapa ramaikah yang akan lulus; di antara yang lulus berapa ramai pula yang mendapat kelulusan cemerlang, berbanding dengan cukup makan sahaja. Dan yang paling penting, berapa ramaikah yang akan memulakan karier mereka sebulan dua selepas mendapat ijazah. Berapa ramaikah di antara mereka yang akan menganggur selama dua, tiga tahun atau terpaksa menjual nasi lemak di tepi jalan?

Cita-cita seseorang wakil rakyat tentulah hendak menjadi menteri atau ahli Exco, walaupun hanya 20 peratus sahaja yang akan mencapai cita-cita mereka itu. Ini bukan kerana mereka tidak layak atau tidak se-pandai yang berjaya, kerana tidak semua wakil rakyat boleh jadi menteri. Dan ini belum lagi ambilkira siapa sokong siapa.

Kepada ahli perniagaan, semua bercita-cita hendak menjadi orang kaya – hendak menjadi jutawan. Tetapi sekarang ini jutawan ada dua golongan, satu jutawan betul dan satu lagi jutawan berhutang.

Nasib ahli perniagaan kurang baik kerana dalam masa dua, tiga tahun ini negara dilanda oleh kemelesetan ekonomi.

Tahun 1988, diramalkan adalah lebih baik daripada dua, tiga tahun yang lalu. Semua harga barangan komoditi Malaysia mendapat harga yang lebih tinggi daripada tahun-tahun kebelakangan ini.

Harga getah, kelapa sawit, kayu-kayan, minyak petroleum, semuanya lebih tinggi daripada tiga tahun yang sudah.

Keadaan ekonomi negara yang semakin baik ini akan dapat menyelamatkan ratusan kalau pun tidak ribuan ahli perniagaan bumiputra yang hampir-hampir tidak berdaya lagi.

Dalam masa suku abad yang lalu, terutama sekali selepas Dasar Ekonomi Baru, masyarakat bumiputera telah mula menunjukkan kemajuan dalam bidang perniagaan, tetapi kemelesetan ekonomi dalam masa tiga tahun ini hampir menghancurkan golongan penting ini.

Masalah penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi ini hendaklah mendapat perhatian yang berat daripada kerajaan.

Memang ada terdapat ahli perniagaan Melayu yang menyalahgunakan wang pinjaman, atau yang mempunyai *life style* yang tidak seimbang dengan pendapatan tetapi jumlah mereka tidaklah membimbangkan.

Saya percaya cita-cita ahli perniagaan bumiputera bagi tahun ini ialah untuk menyelesaikan hutang dan berikrar untuk hidup sederhana. Mungkin masalah rumah besar yang belum habis dibayar atau kereta mewah yang dibeli dengan wang pinjaman akan dapat diselesaikan.

Tidak ada gunanya tinggal di rumah yang akan dilelong atau kereta yang sedang dicari oleh mereka yang akan mengambilnya semula.

Cita-cita hendaklah disertai dengan azam dan azam hendaklah disertai dengan kerja dan kerja hendaklah dijalankan dengan tekun dan bersungguh-sungguh dan yang menentukan hasil ialah Allah Subhanahuwataala.

Tahun 1988 merupakan tahun yang kelapan belas Dasar Ekonomi Baru. Berbagai kejayaan yang telah dicapai oleh bumiputera dalam masa 18 tahun ini. Ada orang tanya saya berapa buahkah kedai Melayu terdapat di ibu kota Kuala Lumpur atau di Pulau Pinang atau di Ipoh dalam masa 20 bulan ini. Saya tidak dapat jawab kerana perangkaan yang tepat tidak ada.

Dalam tahun 1988, saya akan cuba cari maklumat tentang hal ini, tetapi semalam saya berkereta dari Subang Jaya ke Kelab Melawati di Taman Melawati, melalui bandar sejauh hampir 30 kilometer, tidak nampak pula saya kedai kepunyaan orang Melayu; mungkin ada sebuah dua, di celah-celah kedai orang lain, saya tidak nampak.

Kalau dalam masa 18 tahun ada dua, tiga buah kedai, dalam masa sepuluh tahun lagi, berapa banyak akan bertambahnya?

Di zaman negara kita dijajah oleh bangsa Inggeris dulu, ekonomi negara ini adalah dalam tangan mereka; di masa itu tidak ada kelihatan kedai orang Inggeris di Kuala Lumpur. Mungkin mempunyai kedai di Kuala Lumpur tidak begitu penting untuk menguasai ekonomi negara ini.

Tiap-tiap awal tahun saya mempunyai cita-cita dan berazam hendak membuat sesuatu tetapi apabila bulan Disember hampir selesai ke-

banyakan cita-cita saya hanya tinggal cita-cita sahaja.

Bagaimanapun saya masih lagi bercita-cita kerana bercita-cita itu ialah hidup.



Encik Sulaiman Alias

SUMBANGAN BESAR ORANG-ORANG SENI PATUT DAPAT PENGHARGAAN

MINGGU ini saya tidak bercadang hendak menulis tentang UMNO, baik UMNO (baru) atau UMNO (lama); atau tentang kertas putih mengenai penahanan 106 orang di bawah ISA kira-kira enam bulan dulu, ataupun tentang kemungkinan kita semua dapat membaca *The Star* dan *Watan* pada minggu ini. Minggu ini saya tidak mahu menulis tentang hal ehwal semasa, sebagaimana saya berjanji dengan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan hampir dua tahun dulu.

Minggu ini saya hendak menulis tentang filem, bintang-bintangnya, pengarah-pengarahnya dan mereka yang bersangkutan dengannya.

Dalam masa dua minggu ini saya seronok membaca beberapa buah rencana mengenai mereka. Rencana Saudara Ahmad Fauzi di *New Straits Times* mengenai keluarga Kasma Booty menarik perhatian ramai pembaca.

Begitu juga perbincangan di antara Sharifah Aini dengan penerbit *Bacaria* yang sedang berjalan di Mahkamah Tinggi. Rencana dan wawancara mengenai peranan Allahyarham Seniman P. Ramlee tidak habis-habis diperkatakan.

Nampaknya masyarakat Malaysia terutama sekali masyarakat Melayu begitu ghairah dengan seni dan kehidupan seniman dan seni-wati mereka.

Dibandingkan dengan 20 atau 30 tahun dahulu, seniman dan seni-wati dan juga penyanyi dan pelawak kita sekarang ini mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat. Dan barangkali yang paling mengembirakan ialah penghargaan yang diberikan kepada mereka.

Sharifah Aini telah memberikan sebab mengapa bayaran yang lumayan terpaksa dikenakan untuk sesuatu pertunjukannya.

Hampir 25 tahun dulu semasa saya baru berkenalan dengan Allahyarham P. Ramlee dan isterinya Allahyarhamah Saloma, semasa Saloma menyanyi di sebuah hotel di Kuala Lumpur, beliau (Saloma) hanya di bayar \$75 bagi sebuah lagu di piring hitam *single*. Untuk dua belah rekod itu bayarannya ialah \$150 sahaja dan tidak ada royalti yang lain. Masa itu belum ada tape atau kaset.

Dalam tahun-tahun 50an dan 60 P. Ramleelah yang mendapat bayaran yang paling tinggi sekali. Allahyarham dibayar \$15,000 untuk sesebuah filem. Untuk mendapatkan bayaran yang sebanyak ini beliau menulis skrip, mengarahkannya, berlakon, mengarang lagu-lagu dalam filem itu dan menyanyikannya sekali. Beliau menyiapkan sekurang-kurangnya tiga buah filem dalam setahun sungguhpun kontraknya ialah untuk empat buah filem.

Seniman lain hanya mendapat 10-20 peratus sahaja daripada yang diperolehi beliau. Sebenarnya pendapatan sebanyak \$60,000 setahun pada tahun 60an adalah satu pendapatan yang besar, mungkin lebih besar daripada \$200,000 sekarang ini.

Allahyarham tidak meninggalkan harta yang banyak dan tiap-tiap kali filemnya ditunjukkan di TV, waris beliau tidak mendapat apa-apa hasil pun.

Dalam tahun 1964, saya diberitahu bahawa Allahyarham P. Ramlee enggan muncul di kaca TV, baik sebagai seorang pelakon mahupun sebagai seorang penyanyi.

Pada akhir tahun 1964 saya telah memujuk beliau untuk menjadi tetamu saya dalam rancangan *Komentar*. Mula-mula beliau enggan dengan alasan bahawa adalah satu prinsip beliau tidak mahu muncul di kaca TV kerana mungkin akan menjejaskan imejnya dilayar perak.

Saya katakan kepada beliau bahawa saya tidak berhajat hendak suruh beliau berlakon atau menyanyi; tetapi hendak membuat satu wawancara. Saya menganggap beliau seorang *public figure* seperti seorang menteri atau ahli ekonomi dan secara setengah berseloroh (setengah lagi betul) saya nyatakan bahawa orang-orang yang saya interbiu dalam *Komentar* adalah yang penting sahaja; barulah beliau mahu datang ke studio.

Saya sudah lupa apa yang kami perbualkan selama 45 minit dalam rancangan *Komentar* itu; yang saya masih ingat ialah jamuan selepas itu. Allahyarham mengundang saya menghadiri jamuan selesaikan penggambaran (kalau saya tidak silap) filem *Tiga Abdul* di Merdeka

Studio, di Hulu Klang.

Saya duduk semeja dengan P. Ramlee dan Saloma, Sarimah dan suaminya Zulkifli, Jins Shamsudin, A.R. Tompel dan beberapa orang yang lain. Hampir 200 orang hadir pada malam itu dan saya percaya tiga suku daripada mereka masih ada lagi.

Yang tidak dapat saya lupakan ialah ucapan P. Ramlee sendiri. Beliau menasihatkan para pelakon Melayu supaya menjaga maruah mereka dan membawa diri setanding dengan status mereka sebagai seniman dan bintang filem. "Jangan bersiar-siar ditepi-tepi jalan atau berhampiran dengan panggung di mana filem kita sedang ditayangkan," nasihat beliau. "Supaya mereka hanya bertemu kita di layar perak sahaja."

Yang juga saya tak lupa apabila sewaktu makan P. Ramlee seakan-akan memohon maaf memandangkan lauk-pauk dihidangkan. Begitulah nasib seniman-seniman kita 24 tahun dulu.

Ramai kawan saya bertanya, mana lebih hebat P. Ramlee atau Rahim Razali? Aduh! Ini satu pertanyaan sensitif; barangkali sama sensitifnya dengan pertanyaan *You sokong Dr. Mahathir ke, Tengku Razaleigh?*

FINAS terpaksa batalkan rancangan seminar, kerana ada perbahasan dan berlainan pendapat tentang P. Ramlee. Rupanya orang Melayu belum banyak berubah dari zaman Hang Tuah, tidak dapat berbincang dengan tenang... meskipun P. Ramlee sudah menjadi satu tokoh sejarah.

Semasa saya di bangku sekolah, macam orang lain juga, saya tertawa hingga sakit perut apabila melihat telatah P. Ramlee, Aziz Sattar dan S. Shamsudin berlakon dalam filem, tetapi apabila filem yang sama ditayangkan di TV sekarang ini, hendak senyum pun sukar.

Memang lakonan kumpulan yang menjayakan *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* lebih berjaya daripada apa yang pernah dilihat daripada P. Ramlee, Aziz Sattar, Shamsuddin atau Mat Sentul. Adakah Othman Hafsham lebih handal daripada P. Ramlee menulis dan mengarahkan satu lakonan komedi?

Walaupun Rahim Razali dan Othman Hafsham mungkin dapat mengatasi P. Ramlee dalam beberapa bidang tertentu, P. Ramlee akan tetap dikenang sebagai seniman agung. Saya tidak yakin akan timbul lagi seorang seniman seperti P. Ramlee. Beliau serba boleh. Pelakon, pengarah, penyanyi dan komposer; sudah cukup untuk meletakkan beliau di satu tahap yang tidak akan ada pencabarnya. Beliau juga pemuzik dan ahli dalam selok-belok pembikinan filem.

Barangkali ada baiknya jika kita tidak begitu menumpukan perhatian kepada karya Allahyarham yang dibuatnya hampir 40 tahun yang lalu. Saya percaya orang filem sekarang ini mungkin tidak berbuat sesuatu dengan peralatan yang digunakan dalam tahun 50an.

Saya tertarik hati bahawa Rahim Razali sekarang ini sedang membuat sebuah filem yang dibiayai oleh Kerajaan Sarawak. Ini adalah satu cara yang baik untuk membantu perkembangan perfileman Melayu.

Saya percaya jika tiap-tiap sebuah kerajaan negeri membantu menerbitkan sebuah filem, kita akan dapat menyaksikan beberapa buah filem yang bermutu asalkan sahaja jangan dijadikan alat propaganda.

Kerajaan India di bawah arahan mendiang Perdana Menteri Indira Gandhi memberi bantuan kewangan kepada Sir Attenborough, penerbit filem yang memenangi banyak Akademi Award, Gandhi. Khabarnya kerajaan India telah mendapat semula wang yang didahulukannya itu.

Mungkin ramai lagi Ketua Menteri atau Menteri Besar yang mahu menghulurkan bantuan kepada penulis dan pengarah filem Melayu, supaya lebih banyak lagi filem yang bermutu dapat dikeluarkan.

Ada kalanya filem yang bermutu juga tidak menjamin kejayaannya dari segi pulangan modal atau keuntungan. Rahim Razali mempunyai banyak pengalaman tentang menerbitkan filem yang bermutu tetapi menanggung kerugian. Hanya orang-orang yang berjiwa seni sahaja yang mahu berbuat demikian. Nasib baik jugalah ada juga hadiah yang berbentuk wang ringgit.

Bantuan yang mencukupi daripada kerajaan negeri ataupun badan-badan berkanun akan membolehkan seseorang penerbit itu merancang satu penerbitan filem yang bermutu dari segi skrip, lakonan, arahan dan peralatan yang digunakan. Untuk permulaan tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan seperti pembiayaan pengeluaran filem Gandhi.

Penonton filem Melayu di panggung wayang sekarang ini telah merosot jika dibandingkan dengan zaman P. Ramlee, bukan kerana filem P. Ramlee lebih bermutu daripada filem Rahim Razali atau Othman Hafsham, atau filem keluaran Kamarul Ariffin, tetapi kerana sebab-sebab lain.

Membuat filem untuk televisyen hanya untuk cukup makan sahaja, itupun menggunakan video tape dan tidak menggunakan filem. Bagaimanapun bayaran daripada tayangan TV itu dapat juga menampung perbelanjaan. Yang agak malang, ialah bintang filem yang tidak ada lagi hubungan dengan pengeluar filem. Bila baca suratkhbar ternampak gambar sendiri semasa muda berlakon dalam filem yang akan di-

tayangkan di RTM atau TV3. Yang meragut keuntungan ialah wakil pengeluar filem dan selalunya mereka yang mengaturkan penayangan filem itu. Seniman Ahmad Mahmud, Seniwati Saadiah, Latifah Omar semuanya mengalami perkara ini.

Seorang penyanyi, pelawak dan penghibur mempunyai nasib yang agak baik sedikit daripada seorang pelakon. Semasa tidak membuat filem, mereka boleh membuat pertunjukan pentas (sekarang telah banyak menimbulkan masalah), menyanyi di kelab malam, menjadi *recording artist* dan menjadi penghibur di jamuan-jamuan yang diadakan di hotel-hotel besar.

Dan ada kalanya diundang untuk menyerikan majlis perkahwinan. Ada pula *recording artist* yang enggan menyanyi di majlis perkahwinan, kerana kononnya, jatuh standard... maktumlah sudah dua kali menyanyi di TV manakan layak menyanyi di majlis perkahwinan! Tambahan pula, tetamu lebih mengutamakan hidangan di hadapan mereka dan berceloteh sesama sendiri daripada mendengar suara merdu di si-penyanyi.

Namun begitu, nasib mereka jelas lebih baik. Ada penyanyi yang mendapat bayaran \$5,000 untuk semalam dan setelah ditolak semua perbelanjaan mungkin masih ada \$2,000 lagi.

Pelawak-pelawak kita hanya muncul di pertandingan bakat sahaja; jarang-jarang yang tahan lama. Hanya seorang dua sahaja yang dapat bertahan seperti Jamali Shadat atau A.R. Badul.

Orang Malaysia, terutama sekali orang-orang Melayu gemarkan lawak jenaka tetapi sayang, ahli-ahli pelawaknya tidak dapat cari makan. Memang lebih sukar untuk membuat orang ketawa daripada menyanyi dan seseorang pelawak itu hendaklah mempunyai otak yang cerdas dan fikiran yang tajam.

Sepatutnya seorang pelawak hendaklah dibayar lebih lumayan daripada seorang penyanyi. Pelawak Bob Hope ialah di antara orang yang terkaya di Amerika Syarikat, begitu juga Benny Hill di Britain. Pelawak Bill Cosby ialah pelakon TV yang mendapat bayaran yang terbesar sekali dalam sejarah.

Mujurlah sekarang ada TV3. Sekurang-kurangnya ada persaingan. Kalau RTM bayar \$200, TV3 mungkin mahu membayar \$300.

Menyebut tentang bayaran RTM, saya mempunyai banyak pengalaman. Bersama-sama Rahim Razali, saya adalah di antara orang yang mula-mula muncul di kaca TV hampir 25 tahun dulu. Pada suatu hari saya bertemu dengan seorang pembaca warta berita wanita, yang rasanya lebih cantik daripada semua pembaca warta berita wanita yang ada

sekarang ini sama ada di TV3 atau di RTM dan mencadangkan supaya kami berempat atau berlima mengadakan satu persatuan supaya dapat meminta bayaran yang lebih, tetapi rupanya beliau sanggup membaca warta berita di TV dengan percuma. Begitulah halnya untuk muncul di TV pada masa itu.

Persaingan sihat di antara RTM dan TV3 ini adalah satu rahmat kepada orang seni. Begitu juga dengan munculnya beberapa syarikat perfileman dan syarikat rakaman lagu. Kita juga sentiasa membaca berita tentang perselisihan pendapat di antara penyanyi dengan penerbit dan pencipta lagu dan perselisihan faham yang lain.

Saya harap mereka sentiasa sedar bahawa mereka berada dalam satu keluarga seni yang satu memerlukan yang lainnya.



Allahyarham P. Ramlee



Rahim Razali



Othman Hafsham

SYED HUSSEIN PUNYA PENGALAMAN UNIK UNTUK PIMPIN UM

DALAM suasana politik negara yang agak kacau dan tidak menentu sekarang ini, saya berasa gembira Prof. Syed Hussein Al Attas dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaya.

Tahniah saya kepada beliau dan kepada Menteri Pendidikan Saudara Anwar Ibrahim yang mencadangkan perlantikan Prof. Syed Hussein, sungguhpun ada beberapa tentangan daripada pihak-pihak tertentu terhadap pemilihan beliau sebagai pengganti Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz yang mempunyai tali persaudaraan dengan penggantinya itu.

Saya agak terperanjat juga apabila mendengar ada orang-orang Universiti Malaya menganggap Prof. Syed Hussein sebagai orang luar.

Selain daripada pernah menjadi pensyarah di Universiti Malaya suku abad dulu, beliau mengambil peranan penting dalam memperjuangkan kepentingan tenaga pengajar akademik dan memimpin persatuan yang mewakili mereka.

Sekarang, nampaknya persatuan yang beliau pimpin lebih daripada 20 tahun dulu menyifatkan beliau sebagai orang luar! Kalau saya komen panjang-panjang lagi, takut-takut kalau Saudara Mahathir pula yang kecil hati.

Saya mula kenal dengan Prof. Syed Hussein lebih daripada 30 tahun dulu dan dari hari itu sering bertemu dan berbincang dengan beliau hinggalah ke hari ini.

Walaupun pada suatu masa dulu saya bertugas di Ibu Pejabat UMNO dan kemudian menjadi Pengetua Pusat Latihan Tata Negara dan beliau memimpin Parti Gerakan, persahabatan kami sedikitpun tidak terjejas.

Tetapi sekarang ini dunia telah banyak berubah, orang-orang Melayu yang beragama Islam yang berjuang dalam satu parti bermusuhan di antara satu sama lain!

Pada suatu petang kira-kira 32 tahun dulu, Allahyarham Tun Abdul Razak yang pada masa itu menjadi *member* bagi pelajaran memberi ceramah di Malaya Hall di London kepada ahli-ahli *Malaya Society Of Great Britain* atau MSGB, yang sekarang ini dikenali sebagai Kesatuan Melayu United Kingdom atau KMUK.

Allahyarham Tun Abdul Razak bercakap tentang dasar dan rancangan kerajaan terutama sekali mengenai pelajaran.

Apabila sampai masa untuk soal jawab, Saudara Syed Husseinlah yang mula-mula sekali mengemukakan pertanyaan.

Beliau bertanya kepada Allahyarham Tun, apakah tujuan dan matlamat dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan nanti.

Allahyarham pun menerangkan rancangannya untuk mendirikan lebih banyak lagi sekolah dan universiti dan sebagainya. Saudara Syed Hussein tidak puas hati dengan jawapannya itu lalu membuat penjelasan kepada pertanyaannya itu.

Sambil beliau bercakap, Allahyarham Tun berbisik dengan saya yang mempengerusikan majlis itu, bertanya siapakah gerangan orang-orang yang bertanya itu. Saya menjawab, "Namanya Syed Hussein, belajar dan bekerja di Holland dan sepupu Wan Hamid."

Atas cadangan Tun Razak (yang tidak didengar oleh para hadirin yang di bawah) saya hentikan soalan Saudara Syed Hussein dengan alasan untuk memberi peluang kepada orang lain membuat pertanyaan. Sehingga hari ini, peristiwa lucu ini menjadi bahan ketawa di antara kami.

Mungkin pertanyaan yang sama telah dikemukakan kepada Menteri Pendidikan kita yang baru, 32 tahun selepas Prof. Syed Hussein mengemukakan soalnya kepada Allahyarham Tun Abdul Razak. Dan mungkin Saudara Anwar menyatakan, kalau betul Prof. ada idea yang baik cubalah kemukakan.

Barangkali menjadi Naib Canselor Universiti Malaya ini adalah satu peluang keemasan bagi Prof. Syed Hussein untuk mempraktikkan ideanya.

Selain daripada Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz, Prof. Syed Hussein Al-Atas adalah di antara segolongan kecil intelektual kita yang terkenal di dunia. Beliau turut mengharumkan nama Universiti Singapura selama berkhidmat di sana selama lebih daripada 20 tahun.

Beliau memberitahu saya beberapa bulan dulu bahawa dia dan isterinya telahpun membeli sebuah rumah di Johor Bahru sebagai persiapan untuk bersara. Selalu juga saya cadangkan supaya mereka berpindah ke Kuala Lumpur tetapi beliau menjawab "sudah terlambat untuk kita menukar doktor gigi dan mekanik."

Nampaknya sekarang ini terpaksa juga beliau mendapatkan *dentist* dan mekanik baru, tetapi sebagai seorang Naib Canselor, mungkin tidak perlu mencari mekanik baru, kalaupun terpaksa mencari *dentist* baru.

Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz menjadi Naib Canselor selama kira-kira 22 tahun; penggantinya hanya ada lima tahun sahaja, lebih kurang. Saya fikir lima tahun memadai untuk meninggalkan kesan atas sesuatu rancangan. Kita tidak perlu kerja sampai mati.

Saya rasa Prof. Syed Hussein mempunyai pengalaman yang unik untuk memimpin Universiti Malaya dan menyumbangkan fikiran kepada perkembangan pelajaran tinggi di negara kita ini.

Selain daripada seorang cendekiawan beliau juga seorang 'orang politik' dalam ertikata yang luas. Kepada orang kita, orang politik hendaklah menjadi anggota parti, dan sebaik-baiknya menjadi ketua cawangan dan kalau sudah menjadi ketua bahagian mestilah dipandang pakar dalam politik... katak di bawah tempurung.

Prof. Syed Hussein telah menulis buku dan beberapa buah rencana mengenai perbuatan rasuah, dan telah banyak memberi ceramah atas tajuk yang sama. Beliaulah yang paling lantang menentang perbuatan penyelewengan dan perbuatan rasuah. Kita harap akan lebih ramai lagi cendekiawan kita mengambil sikap yang sama.

Ramai orang yang tidak tahu tentang peranan Prof. Syed Hussein dalam menggubal Rukunegara. Beliau dilantik menduduki *Consultative Council* semasa pentadbiran Mageran dulu.

Negara mempunyai tujuh buah universiti sekarang ini dan mengeluarkan kira-kira 10,000 orang siswazah setahun dan angka ini tidak termasuk graduan lulusan ITM. Lebih daripada 5,000 orang siswazah lagi lulus daripada universiti luar negeri.

Sejak daripada tahun 1969 sahaja Malaysia telah mempunyai kira-kira 250,000 orang siswazah, hampir 15 peratus daripadanya masih menganggur.

Bilangan siswazah kita yang ramai ini sepatutnya menjadi satu modal yang besar, satu tenaga penggerak yang penting untuk pembangunan bangsa dan negara. Tetapi malangnya, pada masa ini ia menjadi satu beban kepada ibu bapa dan juga negara.

Para pendidik haruslah memberikan perhatian yang berat terhadap masalah ini. Adalah menjadi satu kerugian besar membiarkan tenaga terpelajar ini membuat kerja-kerja yang tidak sepatutnya.

Kerajaan telah membelanjakan di antara \$50,000 hingga \$120,000 bagi tiap-tiap seorang siswazah. Adalah dianggarkan bahawa kerajaan dan ibu bapa 40,000 orang siswazah yang menganggur sekarang ini telah membelanjakan kira-kira \$2,400 juta.

Adakah munasabah seorang siswazah yang telah membelanjakan \$60,000 wang negara atau wang ibu bapanya membuat kerja yang boleh dibuat oleh seorang yang tidak mesti lulus Sijil Rendah Pelajaran?

Saya telah menyatakan berulang kali dalam ruangan ini bahawa masalah siswazah menganggur ini adalah satu masalah besar dan berat, dan hendaklah mendapat perhatian yang lebih serius lagi daripada yang diberikan sekarang ini.

Tetapi kalau banyak benar tenaga dihabiskan dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah tentulah banyak lagi kerja yang terbengkalai. Kerja kuat sahaja pun tidak memadai; otak dan fikiran hendaklah digunakan selalu.



Prof. Syed Hussein Al-Attas



Prof. Di Raja Ungku Aziz

MAKAN SEMEJA DAN BERTEGUR SAPA TAK BERERTI BERSUBAHAT

BEBERAPA orang kenalan saya bertanya, kenapa saya tidak menulis tentang beberapa peristiwa penting yang berlaku dalam masa sebulan dua ini. Maksud mereka ialah saya tidak mengulas tentang peristiwa yang berlaku di Kelantan dan rapat-rapat umum yang sedang berlangsung di seluruh negara sekarang ini.

Memang benar saya sengaja tidak mahu memperkatakan perkara-perkara itu di khalayak ramai kerana sudah tentu akan disalahertikan oleh semua pihak yang terlibat.

Tidak seperti kebanyakan penulis sekarang ini, melainkan Tunku Abdul Rahman dan Datuk Mohd. Soviee, saya mempunyai hubungan rapat dengan mereka yang sedang berbalah sekarang ini dan apa pun yang saya tulis tidak akan menyenangkan mana-mana pihak.

Hanya tulisan mengenai perkara-perkara lama yang mungkin tidak lagi menjadi isu perbalahan yang boleh saya tulis untuk masa ini.

Pemimpin-pemimpin Melayu selalu menunjukkan prasangka atau dalam bahasa Inggeris *prejudice*. Daripada pemerintahan Melayu Melaka hinggalah sekarang. Cuba kita kaji sejarah kerajaan Melayu Melaka; berapa ramaiakah, pahlawan, kawan dan lawan yang terkorban kerana prasangka.

Dialog yang paling kerap berlaku dalam sejarah Melayu ialah: "Beta fikir dia durhaka," atau, "Aku fikir dia musuh aku," atau, "Aku fikir dia yang mencuri," dan sebagainya. Semuanya menunjukkan prasangka yang amat tebal.

Dan pembunuhanlah mereka; atau dibunuhlah atau dihapuskanlah

mereka. Puaslah hati si pemimpin tadi untuk sementara waktu. Penyelesaian akan hanya datang kemudian kalau dia panjang umur. Ini skrip filem Melayu yang sedikit-sebanyak menggambarkan realiti masyarakatnya.

Hari ini saya catatkan dua peristiwa lama yang tidak lagi menggugat fikiran saya dan begitu jugalah hendaknya mereka yang terlibat, yang masih hidup lagi, kerana kebanyakan mereka telahpun meninggal dunia.

Kira-kira 17 tahun dulu telah berlaku sedikit kekecohan di antara mereka yang memerintah Negeri Sembilan. Dato' Klana Sungei Ujung yang telah meninggal dunia lima enam tahun dahulu dan penggantinya masih belum dilantik, meminta saya berjumpa dengan Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita pada masa itu supaya menggunakan jasa baiknya untuk menyelesaikan masalah itu.

Dengan tidak berfikir panjang (kerana orang muda memang tidak panjang fikiran) saya pun berjumpa dengan Allahyarham Tun dan membincangkan perkara yang berlaku di Negeri Sembilan dan menegaskan kepada beliau bahawa saya tidak ada kena mengena dengan peristiwa ini.

Akhirnya Allahyarham Tun bersetuju bertemu secara tidak rasmi, mereka yang berbalah dan peranan saya hanyalah mempertemukan mereka – tetapi saya enggan hadir dalam jamuan teh di Seri Taman.

Akhirnya satu penyelesaian telah dipersetujui, tetapi saya telah ditohmah sebagai dalang dalam perkara ini. Mujurlah sekarang ini, semua mereka yang terlibat memahami dan saya harap menghargai peranan saya itu.

Peristiwa yang kedua berlaku kira-kira 5 tahun dulu. Sungguhpun semua mereka yang terlibat masih hidup lagi, peristiwa ini makin hari makin luput dari ingatan saya. Tidak ada lagi perasaan marah atau kecil hati di pihak saya.

Sebagaimana para pembaca masih ingat, semasa kekecohan perlembagaan lima tahun dulu, Datuk Senu Abdul Rahman telah menulis sepucuk surat terbuka kepada Datuk Sri Dr. Mahathir, Perdana Menteri, menyatakan kebimbangan beliau tentang cadangan yang sedang dibuat untuk meminda perlembagaan.

Satu sidang akhbar telah diadakan di Kuala Lumpur. Lepas itu Datuk Senu belanja makan di Holiday Inn. Tidak ada satu berita yang

tersiar pada keesokan harinya. Dulu Datuk Senu jadi Menteri Penerangan; masa sidang akhbar ini dia sedang bersara.

Semasa beliau menjadi Menteri Penerangan, sidang akhbarnya akan menjadi berita muka depan; menteri hadir jamuan perkahwinan liputan RTM mengambil masa 5 minit. Menteri Penerangan kadang-kadang jadi penyunting berita, penerbit rancangan, penulis skrip dan macam-macam lagi. Seminggu selepas tak jadi menteri, buatlah ucapan penting, buatlah gotong-royang, tidak akan dapat tempat dalam berita, melainkan melaporkan (itupun belum tahu lagi) kematian bekas menteri itu!

Berbalik kepada peristiwa 'belanja makan' Datuk Senu. Surat Datuk Senu tersebar luas, macam juga surat orang-orang lain kepada Tunku Abdul Rahman dan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak selepas peristiwa 13 Mei.

Rapat umum pun diadakan. Dalam satu rapat umum di Kedah, Datuk Sri Sanusi Junid (masa itu belum menjadi Datuk) menuduh saya dan beberapa orang lagi, membantu Datuk Senu mengarang suratnya kepada Datuk Sri Dr. Mahathir. Saya ada *tapenya*. Tidak sangka Sanusi Junid, dengan suara yang hampir *hysterical*, menuduh saya, yang telah banyak berbudi kepada beliau dan Shamelin, menulis surat Datuk Senu itu.

Pada halnya, saya tidak terlibat langsung dengan perbuatan Datuk Senu itu.

Setelah berfikir sehari dua, saya tulis surat kepada Perdana Menteri. Dalam surat itu, saya nyatakan saya akan kirimkan salinannya kepada empat orang lain; Datuk Musa Hitam, Sanusi Junid, Saudara Anwar Ibrahim dan Tan Sri Ainuddin Wahid.

Akhirnya salinan itu tidak saya kirimkan kepada sesiapa melainkan kepada Datuk Musa Hitam kerana pada masa itu beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Dua hari kemudian Perdana Menteri meminta saya datang berjumpa dengannya di pejabat beliau. Dalam ingatan saya itulah pertemuan saya yang paling tegang dengan Datuk Sri Dr. Mahathir yang saya kenal sebagai teman seperjuangan selama lebih daripada 20 tahun.

Kalau Datuk Sanusi Junid hendak tahu apa yang saya tulis kepada Perdana Menteri, tanyalah beliau, kerana salinan surat saya itupun sudah hilang dari simpanan saya.

Dan Saudara Firdaus Abdullah pun tidak payahlah meminta saya menulis tentang perbualan saya dengan Datuk Sri Dr. Mahathir. Cukuplah saya nyatakan bahawa beliau sedar bahawa makan semeja, dan ber-

tegur sapa sahaja tidak bermakna bersubahat, berkomplot, apatah lagi menjadi 'ghost writer,' penulis hantu kepada seseorang.

Itulah sebabnya ada masanya saya 'malas' untuk mengeluarkan pendapat di khalayak ramai. Mungkin bila bersara nanti saya akan tulis buku, tetapi bukan sebagai penulis upahan.



Allahyarham Tun Razak



Dato' Sri Dr. Mahathir



Datuk Musa Hitam



Dato' Sanusi Junid

PROF. SYED HUSSEIN RAKAM 2 RANGKAP PANTUN BUAT SULAIMAN

BAKAL Naib Canselor Universiti Malaya Prof. Syed Hussein al-Attas sungguh terharu dengan rencana yang ditulis oleh Sulaiman Alias mengenai dirinya di Mingguan Malaysia 10 April (Ahad lalu) atas tajuk "Syed Hussein punya pengalaman unik untuk pimpin UM."

"Saya tidak tahu apa hendak kata cuma ingin membalasnya dengan dua rangkaian pantun sebagai pemanis bahasa menurut kesusilaan orang-orang Melayu," ujarnya.

Pantun-pantun Prof. Syed Hussein itu sebagaimana berikut:-

Andaikata saya seekor lipas,
Ke mana jalan bertunduk paras,
Alangkah untung jiwa dihias,
Oleh penamanya Sulaiman Alias.

Memakan limau elok dikupas,
Jika tidak – pahit membalas,
Biasa gurau sampaikan puas,
Itulah pencak Pak Leman Alias.

PARTI POLITIK TAK HARUS AKTIF DALAM GERAKAN KOPERASI KUB

PERHATIAN orang ramai hari ini akan tertumpu kepada mesyuarat agung tahunan KUB, Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad. Oleh kerana semua para perwakilan adalah terdiri daripada ahli-ahli UMNO semua mesyuarat KUB, sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat pusat, seolah-olah mesyuarat UMNO. Sebelum timbul masalah UMNO (lama) dan UMNO (baru) ini pemilihan dalam KUB telah hampir mencapai taraf pemilihan UMNO sendiri.

Pada bulan Mei tahun lalu, saya telah menimbulkan masalah KUB dan anak syarikatnya KUBB dalam ruangan ini dan kalau para pembaca masih ingat, Dato' Harun Idris telah mengeluarkan satu jawapan kepada tulisan saya itu. Kerana rencana saya itu mengandungi sedikit kesilapan ejaan (yang berlaku dalam percetakan) beliau telah mengambil kesempatan untuk menafikan adanya si anu dan si anu dalam lembaga pengarah.

Saya telah menjawab ulasan beliau dalam tulisan yang berikut dan berhentilah cerita KUB itu.

Beratus orang bertanyakan saya kenapa saya tulis tentang KUB dan membayangkan kemungkinan satu skandal akan berlaku dalam KUB dan anak-anak syarikatnya jika tidak ada tindakan tegas diambil.

Pagi ini saya hendak ceritakan sedikit tentang latar belakang tulisan saya itu. Sebenarnya sebelum rencana itu tersiar saya sempat berbincang dengan Dato' Harun dan menyatakan kepada beliau apa yang saya akan tulis dan saya harap beliau akan dapat memberikan penjelasan

Saya lakukan semua ini, ialah kerana saya memandang tinggi terhadap Dato' Harun Idris dan menghormati beliau sebagai seorang pemimpin.

Saya kenal dengan Dato' Harun di London. Semasa saya baru tiba di London beliau telahpun lulus peperiksaan dan hanya menantikan hendak pulang ke tanahair. Dalam masa sebulan dua itu saya telahpun bersahabat dengannya.

Semasa beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO dan Menteri Besar Selangor, saya dilantik menjadi salah seorang ahli jawatankuasa EXCO Pemuda hinggalah saya meletakkan jawatan untuk berkhidmat semula dengan kerajaan sebagai Pengarah Hal Ehwal Awam RTM di Angkasapuri.

Dato' Harun berasa kecil hati dengan saya sewaktu itu kerana beliau menyangka saya menyokong Tan Sri Ghazali Shafie menentang beliau; secara kebetulan pada masa itu Tan Sri Ghazali Shafie menjadi Menteri Penerangan, dan Datuk Sharif Ahmad menjadi setiausaha parlimennya.

Semasa menunggu perbicaraan beliau di Mahkamah Persekutuan (beberapa jam sebelum beliau menjalani hukuman penjara) sayalah orang yang paling akhir berbicara panjang dengan beliau di kantin mahkamah. Beliau tidak membenarkan anaknya Mazlan dan Onn Ismail (masa itu belum jadi Datuk) dan Mansur Basir untuk minum bersama kami.

Dalam masa lebih dari satu jam menantikan mahkamah bersidang, kami sempat berbicara tentang perbicaraan dan penangkapan beliau, sikap Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn terhadapnya, kenapa saya berhenti daripada Pemuda UMNO dan kenapa beliau mencadangkan Mokhtar Hashim dan bukan saya untuk bertanding di Tampin dan berbagai-bagai lagi.

Satu hari nanti mungkin akan saya catatkan semua ini sebagai satu kajian politik kepada pemuda-pemuda kita.

Kesulitan yang dihadapi oleh Dato' Harun selalunya disebabkan oleh orang-orang di kelilingnya baik penasihatnya mahupun *hangers on* yang tidak ada kerja yang bermanfaat dan selalunya kejatuhan ramai pemimpin ialah disebabkan oleh mereka yang mengelilingi pemimpin-pemimpin ini.

Sebab utama perkara ini terjadi ialah kerana kebanyakan pemimpin suka 'makan diangkat' - bahasa pasar sekarang ialah 'suka diampu'. Dan para pengampu ini terlampau ramai untuk kebaikan bangsa dan negara kita.

Berbalik kepada masalah KUB. Saya bersetuju dengan Dato' Harun dan Syed Hamid Albar (mungkin kerana kami bertiga terlatih sebagai peguam) kalau Datuk Najib dan kawan-kawannya mempunyai bukti bahawa ada penipuan dalam KUB atau dalam anak-anak syarikatnya, buatlah laporan kepada polis kalau tidak, janganlah buat tuduhan yang melulu.

Saya memang tidak bersetuju dengan parti politik mengambil bahagian secara aktif dalam pergerakan koperasi kerana pergerakan koperasi mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu.

Saya bersetuju benar dengan saranan Prof. Ungku Aziz, supaya parti-parti politik mengundurkan diri daripada gerakan koperasi. Lihat apa yang telah terjadi kepada pemimpin-pemimpin MCA yang aktif dalam gerakan koperasi.

Pada pendapat saya masalah KUB mula timbul apabila para pemimpinnya mahu meniru perniagaan ala Tan Koon Swan yang sekarang ini bercuti di Pudu. Ramai orang begitu memandang tinggi pada Encik Tan di zaman kegemilangannya, tetapi saya bukanlah salah seorang daripadanya bahkan saya enggan berkenalan dengan Presiden MCA itu.

Kalau tak percaya tanyalah beliau dan kawan-kawan rapatnya, kerana saya penuh percaya bahawa pada suatu hari nanti penipuan beliau akan dikesan juga. Empayar yang beliau wujudkan pada suatu ketika kononnya bernilai lebih satu ribu juta ringgit sekarang tiada berharga langsung. Ribuan orang telah menanggung kerugian kerana sama-sama tamak seperti beliau.

Bibit-bibit kejatuhan KUB ialah ingin mentauladani Tan Koon Swan. Kenapa saya berani mengatakan demikian? Lihatlah pelaburannya! Falsafahnya senang sekali. Belilah tanah dengan apa sahaja harga yang boleh; kerana ia akan naik harga dan akan menguntungkan. Lagi tinggi harganya lagi banyak komisyennya. Sekiranya kita menguasai institusi kewangan, gunakanlah pengaruh kita. Dan berbagai-bagai lagi.

Dato' Harun dan ramai ahli lembaga pengarahnya mungkin tidak terlibat kerana perkara yang saya sebutkan itu tidak dapat melibatkan lebih daripada seorang dua. Tetapi sebagai pengerusi, walaupun bukan eksekutif, beliau bertanggungjawab atas perjalanan KUB.

Ramai orang yang dekat dengan kerajaan selalu membohongi rakan-rakan mereka dengan berkata 'PM' bersetuju. 'PM' membawa banyak pengertian. Mungkin yang dimaksudkan ialah 'Perdana Menteri' atau '*Prime Minister*'. Mungkin juga 'Pak Mat' atau 'Pak Mertua' dan macam-macam lagi.

Tetapi orang kita jarang yang mahu usul periksa. Kelemahan orang Melayu; pandai sikit jampi serapah dipanggil bomoh, pakai saja serban besar dipanggil haji, pakai kopiah putih dipanggil ustaz, nampak sahaja pergi masjid dua kali Jumaat dianggap warak!

Apa kata Datuk Najib dan kawan-kawan beliau? Tindakan ini tidak ada kena mengena dengan politik. Mungkin beliau bercakap benar, mungkin tidak. Kira-kira 20 orang bertemu di satu tempat – mereka kata, ini secara 'spontan'. 'Spontan' dari bahasa Inggeris; lihat apa maknanya dalam kamus bahasa Inggeris.

Bagaimanapun saya bersetuju bahawa Lembaga Pengarah KUB telah cuai menjalankan tugas selama lebih lapan tahun ini. Kita tunggu-lah keputusan mesyuarat agung ini nanti.

Utusan Malaysia hari Rabu menyatakan bahawa Sulaiman Alias sebagai salah seorang ahli lembaga pengarah KUB. Sebenarnya Sulaiman Aris bukan Sulaiman Alias, dan kalaupun ada Sulaiman Alias yang lain, beliau itu bukanlah saya.

Saya memang jadi pengarah banyak syarikat, di antaranya kumpulan TTDI – SEA Park Dev. Sdn., anak syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional (ASN). Saya terpaksa tulis ini kerana berpuluh orang telefon saya mengatakan yang saya ini pun 'dua kali lima, macam depa juga'. Saya tidak macam itu.

Kira-kira 18 bulan kemudian saya bertugas di Kementerian Penerangan di bawah Tan Sri, sebagai Pengetua Pusat Latihan Tata negara.

Di PLTN inilah diadakan kursus bagi ahli-ahli politik dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai hubungan rapat dengan rakyat. Setiap kali diadakan kursus, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail dan juga Tan Sri Senu bermesra dengan para peserta kursus. Para pensyarahnya terdiri daripada para pemimpin yang terkenal dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan, termasuk Tan Sri Ghazali Shafie, Tun Abdul Rahman Yaacob, Tan Sri Hanif Omar, Tan Sri Rozhan Kuntum, Tan Sri Kamarul Ariffin dan Datuk Paduka Daim Zainuddin.

Seperti biasa dalam UMNO banyaklah fitnah dilemparkan kepada PLTN ini dan saya sebagai pengetuanya terpaksa bertanggungjawab menghadapi berbagai tuduhan dan fitnah ini.

Pada suatu masa Perdana Menteri pada masa itu Tuanku Abdul Rahman Putra mencadangkan Tan Sri Senu supaya saya ditukarkan ke tempat lain, sama ada dalam atau luar negeri. Pada suatu pagi beliau pun memanggil saya ke pejabatnya, barangkali untuk membincangkan kedudukan saya sebagai pengetua.

Apabila kami tinggal berdua dalam pejabat beliau, Tan Sri Senu pun mula hendak menyatakan tujuan saya dipanggil datang ke pejabat. Belumpun sempat beliau menghabiskan cakap, saya telah mencelah dahulu dan menyatakan bahawa saya telahpun mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan dan suratnya telah siap saya buat.

Baru saya hendak memasukkan tangan ke dalam sakû kot saya, apabila Tan Sri Senu menyatakan bahawa tidak perlu saya meletakkan jawatan dan beliau akan berunding dengan Tun Abdul Razak dan berjumpa dengan Tunku mengenai saya dan meminta saya jangan meletakkan jawatan dahulu.

Sebenarnya, tidak ada saya bawa surat itu bersama kerana belum saya siapkan lagi.

Itulah, Tan Sri Senu Abdul Rahman yang sentiasa menolong orang lain walaupun mendatangkan kesulitan kepada beliau. Akhirnya saya tidak meletakkan jawatan dan hanya berbuat demikian setahun kemudian untuk menjadi seorang peguam swasta.

Kira-kira enam bulan kemudian Allahyarham Tun Abdul Razak meminta empat orang rakan saya menemui saya sebagai satu rombongan untuk memujuk saya meletakkan jawatan. Rombongan empat orang itu ialah Mahathir Mohamad, Musa Hitam, Abdullah Ahmad dan Ahmad Mustapha. Lain kali saya akan ceritakan.

Tan Sri Senu Abdul Rahman menjadi kontrovesi sekali lagi apabila kira-kira empat tahun dulu, beliau menulis surat terbuka kepada Perdana Menteri mengenai pindaan perlembagaan. Sungguhpun suratnya itu tidak disiarkan langsung oleh akhbar-akhbar tempatan, ia menjadi tajuk perbincangan dan kerajaan terpaksa mengadakan perhimpunan raksasa di seluruh negara untuk menerangkan pendiriannya dan semua pemimpin UMNO menghentam Tan Sri Senu pada hal sepatah katapun suratnya tidak disiarkan.

Seperti yang saya tulis hampir dua bulan dahulu (17 April), ada orang menuduh saya yang membantu Tan Sri Senu menulis surat terbukanya kepada Datuk Sri. Dr. Mahathir itu.

Pada hari Selasa yang lalu, ada dua orang menteri kabinet, ramai yang menyokong UMNO 46 dan ada pemimpin yang enggan menyertai UMNO (baru) dan beliau memberitahu saya dan orang-orang yang ada di meja kami kenapa beliau berbuat demikian; tetapi saya berasa gembira kerana mereka dapat bertegur sapa, bermesra, sindir-menyindir dan gelak ketawa. Inilah tradisi UMNO yang saya tahu.



Tan Sri Senu Abdul Rahman

YANG PENTING SEMUA PEGUAM MESTILAH FASIH DALAM BAHASA MALAYSIA

SOAL menggunakan bahasa Malaysia di mahkamah telah lama diperkatakan dan hingga hari ini orang ramai tidak puas hati dengan pelaksanaan bahasa Malaysia dalam perundangan.

Dalam rencana saya minggu ini, saya hendak memperkatakan beberapa perkara yang bersangkutan dengan masalah ini dan bukannya hendak membincangkan secara ilmiah tentang soal penggunaan bahasa kita dalam kehakiman kerana soal ini adalah satu soal yang rumit dan bukan hanya soal bahasa sahaja.

Saya harap para pembaca tidak berkecil hati jika saya katakan bahawa kebanyakan perbincangan mengenai soal ini dibuat dalam suasana kekaburan dan tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman lebih-lebih lagi dibuat mengikut sentimen.

Sekurang-kurangnya saya mempunyai pengetahuan dan pengalaman setelah berlatih sebagai seorang peguam hampir 20 tahun dan telah mewakili pelanggan dalam semua mahkamah dari Mahkamah Syariah hinggalah ke Mahkamah Agung.

Saya menyokong penuh penggunaan bahasa Malaysia dalam kehakiman negara kita. Soalnya, bagaimanakah cara menjalankannya dan apakah jadual yang sesuai dan apakah yang perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum rancangan ini dapat dijalankan dengan lancar.

Banyak soal yang perlu diselesaikan sebelum masalah ini ditubuhkan. Soal bahasa adalah soal yang paling kecil sekali. Ambil sahaja bahasa Inggeris. Seseorang yang pakar dalam bahasa Inggeris, kata seorang sarjana, tidak mungkin menjadi peguam sekiranya dia tidak lulus peperiksaan undang-undang.

Tetapi di Malaysia, soal bahasa Malaysia ini pun masih menjadi satu penghalang. Berapa ramaikah orang kita yang boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan betul? Menteri-menteri kabinet bagaimana? Bagaimana tentang para pentadbir di peringkat atasan? Bagaimana bahasa mereka? Dapatkah mereka menulis rencana dalam bahasa Malaysia dengan tidak berfikir dalam bahasa Inggeris atau meminta penolong setiausaha kementeriannya menuliskan untuknya? Berapa cekapkah bahasa Malaysia majistret-majistret kita yang perlu untuk mempelopori penggunaan bahasa itu sebelum ia digunakan sepenuhnya dalam kehakiman?

Peguam-peguam kita pula bagaimana? Saya cadangkan supaya Saudara Zaid Ibrahim menggunakan bahasa Malaysia apabila bertutur dengan semua peguam Melayu yang ditemuinya dalam masa setahun ini.

Kenapa tidak ada seorang pun peguam yang menggunakan bahasa Malaysia dalam mesyuarat mereka? Dan bilakah mereka akan berbuat demikian?

MCA khabarnya akan menggunakan bahasa Malaysia dalam perhimpunan mereka tahun ini. Syabas, saya ucapkan atas langkah mereka itu. Bagaimana pula MIC? Dan bagaimana pula para wartawan yang banyak mengeluarkan pendapat mereka mengenai masalah ini? Adakah keseluruhan persidangan NUJ dijalankan dalam bahasa Malaysia, dan jika tidak, mengapa tidak?

Dan bagaimana pencapaian bahasa dalam angkatan bersenjata kita? Saya sering mendengar siaran RTM mengenai kegiatan angkatan bersenjata. Pencapaian bahasa terutama sekali di peringkat pegawai, pada pendapat saya kurang memuaskan. Ada di antara mereka menjawab soal yang dibuat dalam bahasa Malaysia dalam bahasa Inggeris, seolah-olah mereka bukan berbangsa Melayu.

Banyak kali saya terasa hendak menulis terus kepada Jeneral Tan Sri Hashim Ali yang kebetulan seorang sahabat dan sedarjah dengan saya di bangku sekolah dahulu.

Para pemimpin dan orang-orang atasan seperti pegawai kerajaan hendaklah menunjukkan teladan yang baik dalam menggunakan bahasa kita.

Cuba kita dengar anak-anak muda berbual di kedai kopi atau dipasaraya. Bahasa Melayu mereka lintang pukang, bercampur aduk dengan bahasa Inggeris yang juga tidak betul dan sekiranya aliran ini tidak diperbaiki penggunaan bahasa Malaysia atau bahasa Melayu akan menjadi kucar-kacir dan bahasa kita tidak akan dapat digunakan dalam

membentuk pemikiran yang sihat.

Pengajaran dari penggunaan bahasa Malaysia hendaklah diperbaiki dahulu sebelum kita melangkah kepada soal penggunaannya di bidang-bidang profesional.

Pada pendapat saya bahasa Malaysia boleh digunakan dalam bidang kehakiman dengan jayanya jika kita mengambil keberapa langkah yang positif ke arah itu. Kita tidak boleh menyalahkan sesiapa. Sehingga tahun 1965 tidak sampai sepuluh orangpun peguam Melayu yang bekerja sebagai peguam swasta dari jumlah hampir 200 orang.

Sebahagian besar pegawai kehakiman tidak begitu berminat dengan perkembangan bahasa dan belum ada langkah diambil untuk menggunakan bahasa Malaysia di mahkamah.

Selepas tahun 1965 berapa langkah telah diambil termasuk meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan untuk meluaskan penggunaan bahasa Melayu.

Sekarang ini semua peguam lulusan Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa menguasai bahasa Melayu dan diharapkan merekalah yang akan mempelopori penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah. Penggunaan bahasa Malaysia boleh dimulakan di Mahkamah Majistret dengan sepenuhnya, termasuk pengambilan nota oleh hakim.

Ini boleh berjalan selama dua atau tiga tahun sebelum ia dibenarkan digunakan di Mahkamah Tinggi dalam beberapa jenis jenayah.

Perjanjian jual beli rumah hendaklah dibuat dalam bahasa Malaysia. Jika sekiranya Kementerian Perumahan dan Jabatan Peguam Negara dapat membuat beberapa peruntukan tertentu, dalam masa beberapa bulan sahaja perjanjian jual beli ini dapat dibuat dalam bahasa Malaysia. Begitu juga perjanjian pinjaman bank patut dibuat dalam bahasa Malaysia.

Pada masa ini semua borang yang bersangkutan dengan penjualan dan pemajakan dan lain-lain yang bersangkutan dengan undang-undang tanah dibuat dalam bahasa Malaysia.

Sekiranya semua dokumen yang bersangkutan dengannya dibuat dalam bahasa Malaysia dan perbicaraannya juga dijalankan dalam bahasa Malaysia akan bermulalah proses penggunaan bahasa itu dalam urusan kehakiman.

Perkara yang paling penting sekali ialah semua peguam hendaklah fasih dalam bahasa Malaysia dan kefasihan ini hendaklah dijadikan syarat utama untuk menjadi seorang peguam yang bertauliah.

Apabila peguam Malaysia menggunakan bahasa Malaysia, de-

ngan sendirinya doktor-doktor, jurutera-jurutera dan akauntan-akauntan kita akan fasih berbahasa Malaysia.

Selepas itu semua perbincangan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dijalankan dalam bahasa Malaysia dan semua parti politik menggunakan bahasa Malaysia sahaja.

Sebagai langkah pertama, gunakanlah bahasa Malaysia dengan betul dan jika hendak menggunakan bahasa Inggeris gunakanlah bahasa Inggeris yang betul pula.

POLITIK DAN SEJARAH BAGAIKAN SANDIWARA YANG TAK PUTUS-PUTUS

"HIDUP di dunia ini hanyalah satu sandiwara," demikian seorang pujangga Ingeris menulis lebih 300 tahun dahulu. Kebanyakan opera atau bangsawan atau sandiwara yang sering di pertunjukkan di panggung-panggung di dunia Barat adalah berdasarkan cerita masyarakat dan cerita istana di masa-masa yang tertentu dalam sejarah mereka.

Begitu jugalah cerita bangsawan kita. Mungkin dua tiga puluh tahun yang akan datang penulis-penulis kita akan menulis bangsawan berdasarkan cerita-cerita politik yang sedang berlaku sekarang ini.

Saya tertarik hati membaca berita tentang Prof. Khoo Kay Kim yang sekarang ini menghabiskan masanya membaca suratkhbar yang diterbitkan dalam masa empat lima puluh tahun ini untuk mengetahui cerita dan sejarah negara melalui tulisan dan berita yang tersiar dalam akhbar-akhbar itu.

Suratkhbar ialah sumber '*instant history*' atau 'sejarah segera'. Ia melaporkan dengan serta-merta apa yang sedang berlaku di sekitar masyarakatnya. Dengan membaca suratkhbar yang diterbitkan dalam sesuatu ketika, kita akan dapat mengetahui apa yang sebenarnya sedang berlaku di masa itu.

Ahli-ahli sejarah berasa bimbang kerana para pelajar kita tidak mempunyai minat mendalam terhadap sejarah. Ada pula yang berpendapat bahawa sejarah tidak penting dan kita selalu mendengar orang berkata "Ah, itu semuanya sejarah!"

Kita belajar dari sejarah. Sejarah mengajar kita tentang kesilapan

orang yang terdahulu daripada kita. Sejarah boleh dijadikan panduan atau teladan untuk merancang sesuatu.

Saya berpendapat apa yang berlaku dalam negara kita dalam masa dua tahun kebelakang ini akan menarik perhatian ahli-ahli sejarah dalam masa sepuluh dua tahun lagi.

Berbalik kepada cerita sandiwara. Sandiwara atau bangsawan yang baik mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Lakonannya hendaklah dalam tempoh yang munasabah; barangkali jangka masa yang baik ialah lebih kurang dua jam. Kalau terlalu pendek penonton berasa tidak puas dan kalau terlalu panjang, penonton akan berasa bosan.

Jalan ceritanya hendaklah menarik. Orang Melayu sukakan tragedi daripada komedi; mesti ada tangisan kerana adanya penyeksaan. Mesti ada kekejaman untuk memperlihatkan keadilan, dan yang paling penting mesti ada hero – satu watak yang jujur, berani berkorban dan ciri-ciri keperwiraan yang lain.

Kalau ada hero tentunya mesti ada *villain* atau penjahat, watak yang menunjukkan semua ciri yang dibenci oleh masyarakat, seperti pengecut, penipu, pembohong dan lain-lain lagi.

Dalam bangsawan Melayu yang menjadi hero hendaklah lebih kacak atau lebih tampan daripada yang mengambil peranan jahat.

Di antara satu babak ke satu babak yang lain, bangsawan Melayu mengadakan beberapa selingan yang berupa nyanyian, tarian atau lawak jenaka. Tujuan utama mengadakan selingan ini ialah untuk membolehkan pengarah pentas mengubah hiasan pentas.

Di antara lawak jenaka itu ada yang berkaitan dengan jalan cerita yang sedang dilakonkan dan kadangkala jenaka itu tidak ada kaitannya dengan cerita yang sedang ditonton. Ia hanya sebagai *comic relief* atau selingan sahaja.

Dalam tahun-tahun 1946–48 bangsawan yang popular di Kuala Lumpur bermain di *Lucky World* dan hero yang saya minati ialah Sharif Medan. Beliau mempunyai gaya dan suara yang tersendiri, sehinggalah beliau menceburi lapangan filem.

Pelawak-pelawak yang terkenal pada masa itu, semuanya telah meninggal dunia, antaranya ialah Wak Bondan dan Sulaiman S.S.

Ada masanya, panggung yang boleh muat kira-kira 200 tempat duduk itu penuh sesak dengan penonton dan akan bersemangatlah lakonan yang dipersembahkan.

Ada masanya hanya 20-30 orang sahaja yang datang. Ramai atau kurangnya para penonton bukan kerana cerita yang dipersembahkan, tetapi mengikut masa; panggung akan penuh di awal bulan dan akan

berkurangan di hujung bulan. Orang-orang Melayu pada masa itu rata-rata makan gaji dan tidak ramai yang berniaga.

Ada kalanya pelakon utama atau pelawak yang menyatakan bahawa lakonan mereka kurang memuaskan kerana orang tidak ramai datang menonton.

Ahli-ahli politik kita pun kadang-kadang macam pelakon bangsawan juga, ramai orang datang mendengar ucapan mereka; berapilah pidato mereka. Kurang orang yang datang, kurang pulalah panjangnya ucapan mereka.

Penonton Melayu suka *happy endings* atau cerita yang mempunyai kesudahan yang mengembirakan. "Menangis dulu, ketawa kemudian," adalah resipi penulisan yang digemari oleh orang Melayu.

Minggu ini saya hendak mengingatkan para penulis akhbar supaya melaporkan peristiwa yang sedang berlaku dengan teliti supaya menyenangkan mereka yang akan mengambil tempat Prof. Khoo Kay Kim sepuluh dua puluh tahun lagi untuk menulis sejarah negara kita.

Saya berpendapat semua ahli politik perlu mengambil iktibar daripada apa yang telah terjadi kepada negara-negara asing, baik negara-negara jiran mahupun negara-negara yang jauh dari kita.

Kita sedang mengalami kejutan demi kejutan yang timbul secara mendadak. Ketua Hakim Negara digantung dari jawatannya. Kemudian lima orang hakim yang paling kanan turut digantung jawatan mereka oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dunia luar sudah tentu gempar dengan peristiwa yang sedang berlaku dalam negara kita sekarang ini kerana mereka kurang arif dengan pergolakan yang sedang berlaku.

Doa saya hanyalah satu; semoga Allah Subhanahu Wata'ala melindungi kita semua dari bala bencana. Kepada mereka yang terlibat barangkali keikhlasanlah yang paling penting.

Seperti sandiwara biasa; bilakah penonton boleh meninggalkan panggung?

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

"MENERAPKAN nilai-nilai Islam yang universal." Ayat ini bunyi macam slogan pilihanraya. Perdana Menteri telah menggunakannya. Dua tiga orang menteri lainpun telah menggunakannya. Berapa orang pegawai yang bersangkutan dengan pentadbiran agama Islam juga telah menggunakannya. Siapakah barangkali yang merangka atau memulakan ungkapan ini?

Cuba kita lihat satu lagi ayat yang sering didengar. "Undang-undang sivil patut diselaraskan dengan undang-undang syariah." Inipun slogan baru yang selalu kita baca dalam tiga empat tahun ini. Menteri-menteri menggunakannya; Menteri-menteri Besar menggunakannya apabila diundang untuk membuka sesebuah forum, persidangan, khemah kerja dan sebagainya.

Dan sekarang pun seruan ini dibuat oleh alim ulama dan peguam-peguam Islam. Seruan yang paling menarik perhatian saya ialah yang dibuat oleh Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim yang mendapat anugerah Maal Hijrah bagi tahun ini.

Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, yang mula-mula saya kenali lebih dari suku abad yang lalu, ialah seorang peguam yang terkenal dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam kedua-dua bidang undang-undang, iaitu undang-undang Inggeris dan undang-undang Islam.

Beliau telah banyak mengkaji dan menulis tentang perkara ini. Barangkali tidak ada orang lain di Malaysia dan di Singapura yang

mempunyai pengalaman seluas pengalaman beliau.

Apabila kita memperkatakan tentang undang-undang Islam, atau perundangan Islam di Malaysia kita terpaksa memikirkan pertama: reaksi orang-orang Islam sendiri dan kedua, (mungkin lebih penting lagi) reaksi orang-orang yang bukan beragama Islam. Dan di antara yang bukan beragama Islam itu, terbahagi kepada banyak bahagian. Adakah seseorang itu menganut agama Kristian ataupun agama Hindu, Buddha dan sebagainya?

Ramai sahabat handai saya, termasuk mereka yang menjadi peguam bertanya apakah itu undang-undang Islam yang hendak diselaraskan dengan undang-undang sivil, ataupun dengan undang-undang jenayah? Sebagai seorang peguam, saya dapati sukar untuk menjawab pertanyaan itu; apatah lagi bagi seseorang yang bukan peguam.

Saya boleh terangkan seperti yang selalu diterangkan bahawa sebelum datangnya penjajah Inggeris, beberapa buah negeri Melayu seperti Kelantan dan Terengganu menggunakan undang-undang Islam.

Jawapan yang seperti itu tidak memuaskan, kerana akan ditanya lagi undang-undang Islam yang manakah yang digunakan itu. Jelaslah, terlalu banyak kesamaran dalam menghadapi masalah ini.

Akhbar bahasa Melayu sekarang ini banyak menyiarkan berita tentang Mahkamah Syariah berhubung dengan kesalahan berzina dan berkhawat. Yang didapati bersalah akan dikenakan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya sekali. Hukuman ini berdasarkan rang undang-undang yang diluluskan oleh sesebuah negeri itu.

Ada peguam bangsa Cina yang beragama Kristian bertanyakan saya. Ayat dan surah Al-Quran yang manakah yang dijadikan panduan untuk menjatuhkan hukuman itu. Apakah yang terkandung dalam ayat 15 Surah An Nisaa?

Dan bagaimana pula tentang kesaksian, atau bukti atau *evidence*? Apakah tafsiran "datanglah empat orang saksi di antara kamu" yang digunakan dalam Mahkamah Syariah?

Sambil menulis rencana ini terkenang saya satu peristiwa lucu yang berlaku atas diri saya sendiri. Kira-kira 18 tahun dulu saya mewakili seorang yang dituduh berkhawat di Mahkamah Syariah.

Selepas menyoal semua saksi bagi pihak pendakwa, saya memberitahu yang Dipertua Mahkamah bahawa keterangan yang diberi tidak mencukupi untuk mendapati pelanggan saya bersalah dan memohon supaya beliau dibebaskan.

Beliau telah dibebaskan, tetapi yang Dipertua itu telah memanggil semua saksi ke dalam mahkamahnya dan berkata lebih kurang begini:

"Saya membebaskan yang dituduh kerana beliau mempunyai seorang peguam yang cekap...."

Belumpun sempat beliau habis bercakap, sayapun bangun membantah perbuatan beliau itu dan menyatakan bahawa pelanggan saya dibebaskan kerana tidak ada bukti nyata tentang kesalahannya.

Yang dipertua itu, tidak mengendahkan saya dan terus memberi ucapan dan saya terus membantah. Akhirnya beliau berkata dan memberi nasihat bahawa janganlah saksi-saksi ini serik untuk memberkas orang-orang seperti yang tertuduh!

Saya terperanjat dengan apa yang terjadi di Mahkamah Syariah itu. Dalam hati saya, mujurlah pelanggan saya dibebaskan, kalau tidak saya akan buat rayuan hingga ke Mahkamah Agung.

Sekarang ini, khabarnya prosedur Mahkamah Syariah agak lebih kemas lagi daripada masa saya berlatih dulu. Ada banyak lagi pengalaman saya di Mahkamah Syariah yang meyakinkan saya bahawa mahkamah itu perlu mendapat perhatian pihak-pihak yang berwajib.

Berbalik kepada penyelarasan undang-undang Islam. Orang-orang yang bukan Islam tentulah kluatir dalam perkara ini tambahan pula ramai yang menyangka bahawa ini adalah satu helah sahaja untuk mengislamkan orang yang bukan Islam.

Bagaimana agaknya kita patut menghadapi masalah ini? Pada pendapat saya, yang paling penting ialah memberi penerangan dengan cara sesuai.

Saya hendak beri satu contoh; kita kaji undang-undang keluarga. Masyarakat Cina mempunyai caranya yang tersendiri membahagikan harta pusaka apabila ayahnya meninggal dunia. Begitu juga penganut agama Hindu, ataupun Kristian. Kepada orang-orang Islam, hukum syariah menentukan pembahagian harta si mati (saya tidak mahu sebut tentang pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan).

Dalam perbualan saya dengan rakan-rakan bangsa Cina, mereka lebih suka kalau pembahagian harta mereka mengikut hukum syariah, melainkan anak sulung lelaki mereka. Mereka yang ingin tahu lebih lanjut, tanya kawan-kawan bangsa Cina untuk mendapatkan penerangan mengapa anak lelaki yang sulung tidak bersetuju.

Sekiranya diadakan pungutan suara di antara rakyat Malaysia yang berketurunan Cina, saya percaya lebih daripada tiga suku daripada mereka akan memilih pembahagian harta mengikut undang-undang Islam.

Adakah sarjana Islam pernah bertanyakan hal daripada rakyat

kita yang berketurunan Cina? Tahukan kita pembahagian mengikut cara mereka dan pernahkah kita nyatakan apakah hukum syariah mengenainya? Tak kenal maka tak cinta.

Dalam undang-undang keluarga juga; bagaimana tentang hukum membuat wasiat jika dibuat perbandingan?

Bukankah ini satu usaha dakwah yang lebih berkesan? Atau lebih baikkah kita lari ke dalam hutan, buat perkampungan sendiri, kerana kalau tujuh orang jiran tidak menunaikan sembahyang lima waktu, semua orang berdosa besar?

Ramai rakyat kita yang bukan beragama Islam sekarang ini berada dalam kegelisahan. Apakah langkah kita untuk mengatasi masalah ini?

Satu lagi contoh; kawan-kawan saya bertanya, betulkah jubah hijau itu pakaian pengikut-pengikut Nabi Muhammad S.A.W. yang setia?

Pada satu musim haji, di Masjid Alharram saya melihat dua orang jemaah memakai jubah hijau di antara ratusan ribu (mungkin tiga ratus ribu orang) orang yang sedang duduk menunggu waktu. Kebetulan pula mereka kenal saya dan secara berseloroh saya tanya sama ada mereka berdua sajakah pengikut setia Nabi Muhammad S.A.W.?

Saya ingin bertanya kepada jemaah haji kita yang baru pulang; berapa ramaikah orang yang mereka jumpa di Mekah atau di Madinah yang memakai jubah hijau?

Khabarnya apabila pulang ke tanahair, mereka tidak lagi memakai jubah hijau.

Saya harap para alim ulama tidak berkecil hati dengan saya kerana menulis tentang agama Islam yang mana pengetahuan saya begitu dangkal sekali.

Cuba kita buat kajian; berapa ramaikah yang telah masuk Kristian di antara rakyat kita keturunan Cina dan India dalam masa 50 tahun ini, jika dibandingkan dengan mereka yang memeluk agama Islam. Bukankah mengislamkan yang bukan Islam itu satu pahala besar?

MENOLEH KE BELAKANG DAN KE MASA DEPAN

TAHUN 1988 yang baru sahaja kita tinggalkan sebentar tadi adalah diantara satu-satunya tahun yang bertuah bagi negara kita dalam masa tujuh lapan tahun kebelakangan ini. Tahun 1989 ini mungkin tidak sebaik tahun yang baru kita tinggalkan itu sungguhpun kita semua berharap dan berdoa semoga tahun baru ini juga akan membawa tuah dan kebahagiaan kepada kita semua; Insyallah.

Pertumbuhan ekonomi negara tahun sudah hampir lapan peratus, satu pertumbuhan yang tinggi dalam masa enam tahun kebelakangan ini. Pelaburan asing dan juga pelaburan dalam negeri mulai meningkat daripada tahun 1987 dan akan berterusan ke tahun ini.

Suasana politik dalam negeri pada tahun sudah tidak membimbangkan sungguhpun belum ada tanda-tanda positif yang menunjukkan bahawa kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah akan menerima pelawaan Perdana Menteri untuk menyertai kerajaan dan UMNO.

Perhimpunan Perpaduan Melayu Johor yang telah meluluskan enam resolusi baru-baru ini telahpun mengemukakannya kepada Perdana Menteri dan khabarnya Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin akan membentangkannya dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dua minggu lagi.

Pendapat saya dalam soal ini telahpun saya nyatakan dua minggu dulu dan tidak ada apa-apa yang hendak ditambah melainkan satu ulasan yang barangkali tidak akan menggembirakan Tan Sri Abdul Jalil Hassan, Pengerusi Perhimpunan Perpaduan Melayu Johor itu. Komen

saya ialah, kenapa mereka memilih seorang bekas mufti untuk menyampaikan hajat mereka kepada Perdana Menteri? Takut nanti, ada orang yang menyatakan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir tidak mahu mendengar cakap siapapun, walaupun cakap seorang bekas mufti dan seorang alim ulama! Pergolakan dalam parti-parti Gerakan, MCA dan MIC terus berlaku tetapi saya fikir tidak membimbangkan melainkan mereka yang terlibat.

Sekurang-kurangnya empat orang tokoh politik negara bertukar parti tahun sudah. Datuk Khoo Kay Phor dan Datuk Micheal Chen meninggalkan Gerakan untuk masuk MCA; Datuk Mak Hon Kam meninggalkan MCA untuk masuk PPP dan Datuk Asri Muda meninggalkan HAMIM yang ditubuhkannya untuk masuk UMNO. Ini tidak termasuk Yeoh Poh San dan C.S. Wong, bekas Setiausaha MCA dan setiausaha penerangannya yang "masuk" kumpulan Semangat 46 untuk menolong Dato' Harun Idris bertanding dalam pilihanraya kecil Ampang pada akhir bulan ini.

Dan akhir sekali, saudara G. Pandithan yang masih memegang jawatannya dalam kerajaan telah menyahut cabaran Datuk Samy Vellu untuk bertanding merebut jawatan Presiden MIC dengan berkata lebih kurang begini: "Kasi saya masuk parti balik, nanti saya boleh lawan...."

Tidak ramai pengikut Datuk Asri yang mengikut beliau masuk UMNO. Pimpinan HAMIM yang tinggal pun nampaknya tidak bergerak banyak melainkan menggantikan mereka yang telah masuk UMNO. Tengku Razaleigh telah berucap dalam satu perhimpunan PAS dan Datuk Najib telah mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap Tengku Razaleigh.

Saya tidak ingat siapa yang mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir apabila beliau berucap di satu perhimpunan PAS di Kuala Selangor kira-kira 18 tahun yang lalu? Perdana Menteri pada masa itu tersingkir dari UMNO dan Datuk Asri yang mengundang beliau untuk berpidato. Masa itu Datuk Najib masih dibangku sekolah, mungkin tidak ingat.

Barangkali ramai orang UMNO tidak tahu bahawa Dato' Harun Idrislah yang mencadangkan supaya Dr. Mahathir diterima semula ke dalam UMNO selepas beliau disingkirkan.

Kontroversi mengenai pentadbiran Negeri Kelantan masih berterusan. Untuk hendak meringankan tugas ketua jajahan, kerajaan Kelantan telah memilih beberapa orang anggota Exco dan wakil rakyat untuk mengetuai jajahan. Saya fikir ini adalah satu langkah jangka pen-

dek dan bukan satu langkah yang telah difikirkan dengan mendalam. Malaysia ialah sebuah persekutuan dan apa yang berlaku di sesebuah negeri akan menandatangani akibah kepada negeri-negeri yang lain.

Orang Melayu Terengganu sekarang ini sibuk dengan mendulang emas daripada mendengar ceramah Ustaz Abdul Haji. Khabarnya solat Jumaat di Masjid Rusila tidak berapa ramai lagi sekarang ini, dan begitu juga kuliah subuhnya, ramai jemaah yang asyik mendulang pasir untuk mendapatkan emas. Dan di Besut telah terjumpa pula batu-batu yang boleh diperbuat permata.

Apakah agenda kita dalam tahun 1989 ini?

Rancangan kerajaan yang paling penting barangkali ialah meneruskan usaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang akan berakhir 24 bulan lagi dari sekarang. Sungguhpun hanya tinggal sepuluh peratus sahaja masa yang diperuntukkan, namun banyak perkara yang akan dapat dijalankan dalam masa yang singkat ini. Seperti lumba lari sepuluh kilometer, kita sekarang berada dalam kilometer yang akhir. Kemajuan dalam masa dua tahun yang akan datang ini mungkin menyamai lima tahun yang telah berlaku atau lima tahun yang pertama semasa DEB dilancarkan dalam tahun 1970 dahulu.

Kerajaan khabarnya telah pun melantik lebih daripada seratus orang untuk menganggotai Majlis Perunding Ekonomi Negara selepas 1990. Majlis ini diharapkan untuk menasihatkan kerajaan tentang bentuk dasar ekonomi yang patut dilaksanakan selepas tahun 1990.

Langkah kerajaan ini adalah satu eksperimen yang luar biasa yang belum pernah dibuat di negara-negara lain. Saya kurang pasti bagaimana sebuah majlis yang begitu besar yang dianggotai oleh berbagai manusia yang berlainan kepentingan dapat mencari satu kata muafakat dalam sesuatu perkara.

Barangkali eksperimen ini akan membuahkan sesuatu hasil yang dapat digunakan. Sama-samalah kita tunggu. Bagi diri saya sendiri tidak ada yang tertentu selain daripada hendak membayar hutang cukai pendapatan, hutang bank, dan meminta mereka yang berhutang dengan saya menjelaskan hutang masing-masing!

Tahun 1989 ini adalah tahun penting kepada saya kerana umur telah sampai untuk bersara. Kalau jadi duta belum tahu dapat sambungan, begitu juga kalau jadi KSU. Pada akhir tahun ini hanya ada seorang dua sahaja yang sama-sama masuk sekolah dengan saya yang belum bersara. Yang masih bekerja hanyalah mereka yang bertugas dibidang profesion ataupun ahli perniagaan.

Saya tidak bercadang hendak bersara, hanya hendak kurangkan kerja sahaja. Saya akan banyakkkan pembacaan dan barangkali juga penulisan dan perjalanan.

Ramai di antara kawan-kawan saya yang sekarang ini bertugas dengan "sendirian berehat," patutlah memikirkan sumbangan mereka kepada masyarakat dan janganlah habiskan masa tua kita hanya untuk bersenang-lenang sahaja.

Kepada bangsa Melayu khasnya, tahun-tahun menjelang abad ke-21 ini adalah jangka masa yang paling penting bagi mereka. Sekiranya mereka mencapai matlamat yang dituju dalam masa dua belas tahun yang akan datang ini, akan selamatlah bangsa Melayu ini untuk setiap masa tetapi kalau kita gagal buruklah padahnya.

Saya tidak pernah membuat "resolusi tahun baru" kerana tidak pernah berjaya walau untuk sebulan pun. Azam kita hanyalah untuk meneruskan kerja, itupun kalau umur panjang. Moga-moga bertemu lagi di tahun hadapan.

umno

Sejarah UMNO adalah sebahagian besar daripada sejarah Malaysia Merdeka. Tahun 1946 adalah tahun yang bertuah kepada bangsa Melayu; begitu juga tahun 1957, tahun negara mencapai kemerdekaan. Saya mula bertugas dengan UMNO pada tahun 1964 sebagai pembantu khas kepada Setiausaha Agung UMNO pada waktu itu, Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar yang saya kenali semasa beliau ditugaskan di Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London pada akhir tahun 50-an. Sebagai Pengetua yang pertama Pusat Latihan Tata Negara, saya mengambil peranan dalam latihan dan penyusunan UMNO sejak tahun 1964.

Saya harap dapat menulis dengan lebih panjang lebar lagi tentang UMNO dan mereka yang bersangkutan dengannya. Parti Semangat 46, juga adalah ekoran sejarah UMNO dan sama ada mereka akan menyertai UMNO atau UMNO menyertai mereka, hanya masa sahaja yang menentukannya.

TEMPOH JAWATAN KETUA PEMUDA PATUT DIHADKAN?

MEMBACA tentang pengumuman Haji Suhaimi Kamaruddin hendak menentang Anwar Ibrahim sekali lagi untuk merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, teringat saya beberapa peristiwa mengenai pemilihan ketua-ketua Pemuda UMNO yang lalu.

Pada tahun 1964/5 Allahyarham Tun Sardon Zubir telah memimpin Pemuda UMNO selama kira-kira 15 tahun dan difikirkan telah terlalu lama memimpin Pemuda. Allahyarham Tun Sardon dikenali sebagai *The perpetual youth leader* (Pemimpin Pemuda yang kekal). Allahyarham begitu popular hinggakan tiada siapa yang berani menentang beliau.

Datuk Senu Abdul Rahman yang pada masa itu menjadi Menteri Penerangan telah diminta oleh beberapa orang pemimpin UMNO untuk menentang Allahyarham Tun Sardon. Pada mulanya Datuk Senu enggan tetapi Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, ayah kepada Syed Hamid, calon ketiga dalam pemilihan Ketua Pemuda dua minggu lagi, kuat mendesak beliau. Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar pada masa itu menjadi Setiausaha Agung UMNO dan pengaruhnya besar dalam parti. Tidak salah kalau saya katakan bahawa Datuk Senu menang dengan pertolongan Setiausaha Agung UMNO pada masa itu.

Kekalahan Allahyarham Tun Sardon disambut dengan perasaan sedih oleh para perwakilan dan beberapa orang kelihatan menitiskan air mata selepas mendengar ucapan akhir Tun Sardon. Sayugia diingat ramai juga orang yang mendengar ucapan yang penuh emosi itu yang tidak faham akan kandungannya.

Banyak peristiwa yang manis, yang pahit dan yang lucu masih dalam ingatan saya semasa Datuk Senu memimpin Pemuda UMNO kerana pada masa itu saya bertugas sebagai pembantu khas kepada Allahyarham Syed Jaafar Albar – yang secara rasmi menjadi setiausaha Pemuda UMNO. Saya harap Datuk Senu dan kawan-kawan lain tidak keberatan membaca satu kisah lucu yang saya ceritakan dalam ruangan ini; tujuan saya hanya bergurau senda dalam keadaan *tension* sekarang ini.

Peristiwa itu ialah semasa akhbar *Daily Telegraph* yang diterbitkan di London menyiarkan sebuah rencana yang agak menjatuhkan imej negara. Pemuda UMNO telah bersidang dan membuat keputusan membantah kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur. Perdana Menteri kita pada masa itu ialah Tunku Abdul Rahman yang hingga pada hari ini masih cergas lagi. Tunku mengikuti kata Datuk Nik Hassan, Setiausaha Sulit Perdana Menteri, tidak bersetuju dengan langkah yang diambil oleh Pemuda. Pada pagi yang berkenaan Tunku langsung tidak mahu menemui rombongan Jawatankuasa Pemuda UMNO. Akhirnya dapat juga berjumpa. Saya ikut sama kerana mewakili Tan Sri Syed Jaafar Albar.

Sambil berdiri, Tunku bersalaman dengan Datuk Senu dan ahli-ahli yang lain dan bila sampai pada giliran saya, yang penghabisan, beliau berkata lebih kurang begini: "Aah, Sulaiman pun ada, awak pun sama macam budak-budak ini ya?" "Datuk Albar suruh datang, Tunku," jawab saya.

Saya masih ingat lagi Saudara Melan Abdullah meminta supaya Tunku dan rombongan duduk berbincang tetapi Tunku menjawab bahawa beliau tidak ada masa untuk berbincang.

Semasa Tunku dan rombongan Pemuda UMNO berbincang sambil berdiri saya melihat gambar-gambar di dinding kamar; tidak mahu campur budak-budak UMNO berbincang dengan Bapak Malaysia. Dalam kamar pada masa itu – sayalah yang paling muda, baru berusia 28 tahun.

Sebentar lagi Tunku memanggil saya dan meminta saya memberi penerangan kepada pemberita-pemberita yang menunggu di luar dan berakhirlah perbincangan Presiden UMNO dengan pemimpin Pemuda – kira-kira 5 minit sahaja.

Datuk Senu memimpin Pemuda hinggalah peristiwa 13 Mei 1969. Masyarakat Cina di Kuala Lumpur dan di Singapura mengenali peristiwa ini sebagai 135 (seratus tiga puluh lima, dalam dialek masing-masing).



Allahyarham Tun Sardon



Allahyarham Syed Jaafar Albar



Dato' Suhaimi Kamaruddin



Encik Anwar Ibrahim

Selepas Mei tiga belas, Dato' Harun Idris jadi wira orang-orang Melayu dan beliau telah mengalahkan Datuk Senu dan memimpin Pemuda UMNO dengan berkesan dan berjaya hinggalah beliau dimasukkan ke Istana Pudu. Semasa Dato' Harun memimpin Pemuda, Datuk Musa Hitam menjadi timbalannya.

Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri kita yang ketiga selepas Allahyarham Tun Abdul Razak meninggal dunia. Pada pemilihan Ketua Pemuda semasa Dato' Harun "berehat" di Pudu, Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar bertanding menentang Datuk Mohammad Rahmat yang pada masa itu mendapat banyak pencalonan. Allahyarham Syed Albar menerima hanya satu atau dua pencalonan sahaja, tetapi beliau telah menang dan ini menimbulkan kemarahan Tun Hussein Onn. Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar ialah Ketua Pemuda yang pertama meninggal dunia semasa dalam jawatan dan beliau telah disemadikan di pekarangan Masjid Negara. Begitu juga Tun Sardon Zubir.

Datuk Suhaimi Kamaruddin memangku jawatan dan mengekalkan jawatannya hinggalah dikalahkan oleh Saudara Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim adalah orang luar tetapi mempunyai karisme dan berjaya memimpin ABIM dan selepas menyertai UMNO dan mendapat kepercayaan Perdana Menteri dan bertanding untuk Jawatan Ketua Pemuda telah mengalahkan Datuk Suhaimi dengan hanya 10 undi. Pada kali yang kedua beliau mengalahkan Datuk Suhaimi dengan undi yang banyak.

Pada pendapat saya Pemuda UMNO patut menimbangkan sama ada tempoh jawatan ketua itu dihadkan kepada dua atau tiga penggal sahaja, atau tidak seperti sekarang ini.

Pemuda UMNO ialah tempat latihan, tempat permainan dan tempat bermesra dalam parti. Pemuda UMNO boleh memainkan peranan *pressure group*, boleh mengambil bahagian dalam aktiviti sukan, seni dan lain-lain lagi, dan ketuanya ditukar ganti selepas empat atau enam tahun.

Dalam masa pimpinan Dato' Harun had umur dikenakan kepada ahli-ahli melainkan ketuanya. Mungkin sudah sampai masanya jangka waktu pimpinan seseorang ketua dihadkan supaya Pemuda UMNO tidak menjadi gelanggang permusuhan dalam parti.

Siapa akan menang dalam pemilihan yang akan datang? Itu adalah hak para perwakilan.

ETIKA PEMILIHAN UNTUK BENDUNG POLITIK WANG

MINGGU sudah Majlis Tertinggi UMNO telah meluluskan satu etika pemilihan jawatankuasa. Etika khas pemilihan jawatankuasa UMNO ini mengharapkan beberapa cara kempen yang telah menjadi satu tradisi dalam UMNO dalam masa hampir 10 tahun kebelakangan ini, terutama sekali sejak tahun 1980.

Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir mengumumkan dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan sidang MT UMNO pada hari Isnin yang lepas bahawa semua bentuk jamuan makan belanja kewangan, penerbitan risalah atau manifesto puak dan sikap berpuak-puak, seperti mengadakan regu atau pasukan tertentu semasa mengadakan pemilihan jawatankuasa adalah diharamkan. Etika khas ini ditujukan kepada pemilihan jawatankuasa UMNO dari peringkat cawangan, bahagian dan hinggalah ke peringkat Majlis Tertinggi parti.

Satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd. Khir Johari telahpun dibentuk untuk memastikan bahawa etika pemilihan ini dipatuhi. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang telah bersara yang pernah menjadi menteri-menteri dalam kabinet Tunku, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, bahkan ada juga yang pernah menjadi menteri dalam kabinet Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri.

Pada pendapat saya, politik wang dalam UMNO telah mencapai satu tahap yang membahayakan dan jika tidak dibendung dan dihapuskan dari sekarang, mungkin dalam masa yang singkat, UMNO di semua peringkat akan hanya dianggotai oleh orang-orang yang mempunyai wang yang banyak sahaja.

Dalam ingatan saya, politik wang ini mula timbul dalam perbuatan UMNO dalam tahun 1965. Dalam tahun itu seorang siswazah yang baru pulang dari luar negeri hendak bertanding untuk menjadi ketua cawangan sebuah UMNO di Pahang dan beliau telah membelanjakan minum kopi kepada ahli-ahli jawatankuasa cawangan itu dan juga beberapa orang ahli cawangan yang agak aktif. Tujuan beliau ialah untuk mendapatkan sokongan untuk mengalahkan ketua cawangan yang sedia ada. Ada kemungkinan bahawa ahli-ahli UMNO yang datang minum kopi itu juga dibekalkan dengan sedikit wang saku.

Maka mengadulah ketua cawangan itu (yang telahpun meninggal dunia) kepada Allahyarham Tun Razak, barangkali dengan perantaraan Datuk Abdullah Ahmad ataupun Saudara Khalil Akasah bahawa pencabarnya (yang tidak lagi aktif dalam UMNO) memberi makan suap (rasuah) kepada ahli-ahli UMNO. Pada masa itu orang Pahang akan mengadu kepada Allahyarham Tun Razak apa sahaja yang tak kena dihati.

Dari tarikh itu, mulalah sedikit demi sedikit pemimpin-pemimpin UMNO menggunakan apa yang ada pada mereka untuk sama ada hendak mengekalkan jawatan yang sedia ada atau merebut jawatan yang belum ada ataupun ada kalanya untuk menjatuhkan orang lain.

Yang mempunyai wang akan menggunakan wang dan yang mempunyai kuasa atau pengaruh akan menggunakan kuasa atau pengaruhnya. Dan yang tidak mempunyai wang atau kuasa akan meminta daripada bossnya.

Perbuatan ini memuncak pada tahun 1980 semasa Datuk Musa Hitam bertanding dengan Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Ada beberapa perkara yang terpaksa dibincangkan dengan teliti oleh jawatankuasa khas yang baru dibentuk itu. Saya yakin Pak Khir dan ahli-ahli veteran yang lain akan dapat mencari jalan bagaimana hendak mengawal penggunaan wang dalam parti supaya UMNO tidak hancur.

Dalam kempen untuk menjadi ketua bahagian dalam tahun 1980 ramai orang mengadakan majlis kenduri membaca surah Yassin. Banyak kerbau terkorban, ramai imam yang terpedaya dan selalulah orang UMNO dapat makan gulai kerbau! Bagaimana sekarang?

Bagaimana dengan jamuan buka puasa? Dalam tahun 1980 dan 1983, banyak rombongan ke Indonesia, ke Negeri Thai dan ada juga ke Hong Kong dengan tujuan memancing undi. Ada yang meminta pergi ke Mekah.

Selama kira-kira 20 tahun, iaitu daripada tahun 1946-65, amat sukar untuk mendapatkan ahli-ahli jawatankuasa UMNO di peringkat cawangan dan bahagian. Kebanyakan di antara yang dicalonkan akan menolak. Pada masa itu tidak banyak keistimewaan menjadi pemimpin UMNO.

Selama 20 tahun kebelakangan ini, orang akan berbuat apa saja untuk menjadi pemimpin UMNO.

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai sebuah mahkamah. Ia akan mendengar aduan, akan membicarakan dan akhirnya akan membuat keputusan untuk dirujuk kepada Majlis Tertinggi UMNO.

Tan Sri Hamzah Abu Samah bekas Peguam Negara dan sekarang seorang peguambela dan peguamcara tentu dapat memberi nasihat sebagai seorang ahli jawatankuasa ini.

Satu soal yang paling penting ialah apakah hukuman yang akan dikenakan kepada pihak yang didapati bersalah? Dalam sesuatu perbicaraan yang penting ialah hukuman.

Allah S.W.T. dan juga manusia telah banyak membuat hukuman. Ada hukuman bunuh, hukuman rotan dan hukuman gantirugi. Ada hukuman kifaraf, membebaskan hamba, memberi makan orang miskin, fidiyah atau berpuasa. Ada hukuman denda, buang negeri, buang daerah dan ada hukuman penjara. Ada juga hukuman berkhidmat kepada masyarakat; dan semasa di sekolah, ada hukuman menulis seribu baris atau berdiri di atas meja atau mencabut rumput di padang. Memang banyak hukuman ini menggambarkan kemajuan atau kemunduran manusia.

Ada hukuman-hukuman Allah diubah oleh manusia; atau manusia memandai-mandai sahaja dan banyak lagi.

Sebagai seorang pelajar ilmu kehukuman saya tertarik hati dengan hukuman yang akan dikenakan oleh Pak Khir dan jawatankuasanya terhadap yang bersalah. Dan bagaimana kalau yang bersalah itu yang sama-sama buat peraturan?

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KALI INI PENTING DALAM SEJARAH PARTI

PEMILIHAN pucuk pimpinan UMNO pada bulan April yang akan datang ini adalah di antara yang paling penting dalam sejarah UMNO dalam masa empat puluh tahun ini.

Akhir bulan Februari ini, semua bahagian UMNO dijangka selesai mengadakan mesyuarat agung bahagian masing-masing dan di antara keputusan penting yang akan diambil ialah mencadangkan nama-nama mereka yang akan bertanding dalam Majlis Tertinggi UMNO, termasuklah jawatan presiden, timbalannya dan tiga orang naib presiden.

Hingga hari ini belum ada pemimpin UMNO yang mungkin akan menentang presiden parti dan besar kemungkinan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan kekal memimpin parti.

Beberapa buah akhbar mingguan bebas meramalkan bahawa Datuk Musa dan Tengku Razaleigh mungkin mahu menentang Datuk Sri Dr. Mahathir, bukan untuk mencapai kemenangan tetapi untuk menyatakan tentangan peribadi mereka terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir. Pada pendapat saya perbuatan sedemikian adalah perbuatan membunuh diri dalam arena politik negara.

Datuk Musa Hitam dikatakan akan mempertahankan kedudukannya sebagai timbalan presiden. Beliau telah dua kali mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pertandingan merebut jawatan timbalan presiden.

Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi salah seorang naib presiden telah menyatakan kesanggupan beliau



Dato' Sri Dr Mahathir



Encik Ghaffar Baba



Dato' Musa Hitam



Tengku Razaleigh Hamzah

bertanding merebut jawatan timbalan presiden parti.

Pertandingan di antara Encik Ghafar dengan Datuk Musa ini telah menarik perhatian ramai dan kedua-dua pemimpin UMNO mempunyai sokongan masing-masing.

Inilah kali pertama Encik Ghafar bertanding sebagai timbalan presiden sungguhpun beliau telah menjadi naib presiden parti selama 25 tahun.

Kira-kira 15 tahun dulu, selepas kematian Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn telah dipilih menjadi timbalan presiden dan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Semasa itu Tun Hussein, Allahyarham Tun Saadon Zubir dan Encik Ghafar menjadi Naib Presiden UMNO. Dalam pemilihan sebelumnya Tun Hussein Onn mendapat tempat nombor tiga mengikut jumlah undi yang diperolehinya.

Untuk menggantikan Allahyarham Tun Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Razak telah memilih Tun Hussein Onn dan sebagai suatu tradisi dalam UMNO Tun Hussein pun dilantik menjadi Timbalan Presiden UMNO.

Pada tahun pemilihan selepas itu, Allahyarham Tun Saadon Zubir tidak bertanding kerana beliau dilantik menjadi Gabenor Pulau Pinang selepas beberapa bulan menjadi Ketua Perwakilan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

Sembilan orang telah bertanding jawatan Naib Presiden UMNO dan tiga orang yang menang mengikut undi yang terbanyak ialah Encik Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Kedudukan dalam parti pada masa itu ialah Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Encik Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Datuk Musa Hitam pada masa itu ialah Timbalan Ketua Pemuda UMNO yang dipimpin oleh Dato' Harun Idris.

Apabila Allahyarham Tun Abdul Razak meninggal dunia, Tun Hussein Onn telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong pada masa itu sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

Tugas Tun Hussein pada masa itu ialah untuk melantik Timbalan Perdana Menteri yang baru. Tun Hussein dikatakan hendak melantik Tan Sri Ghazali Shafie untuk membantu beliau mengendalikan hal ehwal luar negeri.

Bagaimanapun tiga orang naib presiden parti, iaitu Encik Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Sri Dr. Mahathir telah

mendesak Tun Hussein supaya melantik salah seorang dari mereka untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga timbalan presiden parti.

Selepas beberapa minggu Tun Hussein pun melantik Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai timbalannya. Encik Ghafar tidak menyertai kerajaan dan Tengku Razaleigh yang pada masa itu menjadi Ketua Bank Bumiputra, Petronas dan Pernas telah menyertai kerajaan sebagai Menteri Kewangan, menandakan kedudukannya yang penting dalam parti.

Pemerhati politik meramalkan bahawa pada masa yang genting itu ada pakatan di antara ketiga-tiga naib presiden itu bahawa apabila Datuk Sri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, Tengku Razaleigh atau Encik Ghafar akan menjadi timbalannya.

Semasa Tun Hussein meletakkan jawatannya sebagai Presiden Parti dalam perhimpunan agung UMNO (dan kemudian meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri) Datuk Musa dan Tengku Razaleigh bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO. Datuk Musa menewaskan Tengku Razaleigh dan beliau pun dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pergolakan dalam UMNO sekarang ini timbul kerana Datuk Musa meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sepuluh tahun selepas Encik Ghafar keluar dari kabinet, Datuk Sri Dr. Mahathir telah melantik beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Akan berjayakah Datuk Musa mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO dalam bulan April yang akan datang? Oleh kerana belum pernah berlaku dalam sejarah UMNO perkara yang semacam ini, agak sukar untuk membuat perbandingan.

Satu perkara yang mungkin akan membantu Encik Ghafar ialah jawatannya sekarang ini. Ramai penyokong Datuk Musa mungkin tidak menjadi wakil dalam perhimpunan agung yang akan datang.

Pada pendapat saya faktor yang paling penting ialah, sejauh manakah para perwakilan akan mengundi seorang pemimpin yang tidak mempunyai jawatan dalam kerajaan?

Kali ini saya tidak memperkatakan tentang pertandingan jawatan tiga orang naib presiden parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir dan Encik Ghafar telah berumur 62 tahun dan pengganti mereka mungkin datangnya daripada naib presiden yang akan terpilih dalam bulan April nanti.

PENGLIBATAN PEGAWAI- PEGAWAI KERAJAAN DALAM POLITIK PERLU DIKAJI SEMULA

GENERAL ORDERS atau perintah am, iaitu peraturan-peraturan yang dikenakan kepada semua kakitangan kerajaan, tidak membenarkan pegawai-pegawai kerajaan dalam kategori "A" dan ke atas mengambil bahagian dalam politik berparti.

Pegawai-pegawai dalam kategori B dan C boleh mengambil bahagian jika sekiranya mendapat kebenaran daripada ketua jabatannya.

Biasanya pegawai-pegawai yang diberi kebenaran itu terdiri dari mereka yang menjalankan tugas-tugas teknikal yang tidak melibatkan perhubungan dengan orang ramai. Sebagai contoh seorang yang bertugas dalam makmal atau pemandu keretapi atau seorang pembantu teknik dalam bengkel Jabatan Kerja Raya.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini garis panduan ini nampaknya tidak digunakan oleh ketua-ketua jabatan atau kementerian semasa menimbangkan permohonan daripada pegawai-pegawai dalam kategori B dan C untuk bergerak cergas dalam parti-parti politik.

"Patutkah seorang penolong pegawai daerah dalam kategori B bertanding untuk merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO berlawanan dengan seorang penghulu di bawah kelolaannya?"

Atau patutkah seorang guru besar bertanding melawan seorang guru biasa di bawah jagaannya untuk merebut jawatan ketua bahagian UMNO dalam kawasan tempat mereka bertugas?

Bagaimanakah tindakan seorang penghulu atau peggawa semasa berhadapan dengan permohonan rakyat yang menjadi ahli parti lawan?

Pada pendapat saya seorang penolong pegawai daerah atau seorang penghulu atau penggawa tidak sepatutnya dibenarkan bergerak cergas dalam parti politik. Mereka ini ialah tempat rakyat mengadu.

Seorang guru besar tidak patut memimpin cawangan atau bahagian sesebuah parti politik. Begitu juga seorang kadi ataupun pegawai penerangan.

Bagaimana tentang seorang imam masjid? Saya berpendapat mereka ini juga tidak sepatutnya mengambil bahagian dalam politik parti. Masalah dua imam di Pantai Timur tidak akan timbul jika sekiranya imam-imam masjid tidak cergas dalam parti-parti politik.

Pada pendapat saya masanya telah tiba untuk kerajaan mengkaji semula soal membenarkan pegawai-pegawai kerajaan berkecimpung dalam politik. Mereka yang ingin menceburkan diri dalam politik hendaklah meletakkan jawatan atau yang sampai masanya bolehlah bersara.

Tiga empat tahun dulu parti-parti politik seperti UMNO dan PAS bergantung kepada tenaga guru-guru untuk menggerakkan jentera parti-parti mereka. Tetapi sekarang keadaan masyarakat telah banyak berubah. Kaum guru atau penghulu bukanlah kaum terpelajar bangsa Melayu ataupun kaum-kaum asing. Ramai orang kampung yang setaraf dengan mereka.

Sekarang ini masyarakat kita terlalu banyak berpolitik. Tambahan pula dalam suasana di mana pemimpin-pemimpin UMNO sedang berkempen untuk menghadapi perhimpunan agungnya pada bulan April yang akan datang.

Kita telah merdeka hampir 30 tahun dan tugas yang penting sekarang ini telah membangunkan satu bangsa yang maju dalam berbagai bidang dan adakalanya politik berparti menjadi penghalang kepada tujuan itu.

Ramai juga pemimpin yang berasa kecewa memikirkan sebilangan besar belia-belia kita tidak menceburkan diri dalam parti-parti politik. Pada pendapat saya perkara ini bukanlah satu kerugian bahkan mungkin satu kebaikan.

KHEMAH KERJA PEMUDA UMNO DI PINGGIR HUTAN

SAYA tertarik hati membaca laporan akhbar *The Star* yang ditulis oleh Saudara Rusdi Mustapha yang menceritakan tentang khemah kerja Pemuda UMNO di pinggir hutan di Hulu Klang.

Secara kebetulan saya bertemu dengan Saudara Rusdi pada hari Isnin yang lalu iaitu pada hari berita itu disiarkan. Tepat seperti telahan saya, tentu ramai pemimpin UMNO yang tidak tahukan tentang penubuhan Pusat Latihan Pemuda UMNO di Hulu Klang itu.

Datuk Rais Yatim, Datuk Shahrir dan Datin Paduka Rafidah Aziz adalah di antara mereka yang tidak tahu tentang adanya Pusat Latihan Pemuda UMNO itu.

Saya percaya ramai lagi ahli Majlis Tertinggi UMNO yang tidak sedar tentang khemah kerja itu. Eneik Sulaiman Muhammad, penganjur khemah kerja itu dilaporkan berkata bahawa khemah kerja itu diadakan untuk mencegah *unhealthy trend* atau aliran yang tidak sihat dalam parti. Tidak pula dinyatakan apakah aliran atau *trend* yang tidak sihat itu.

Juga dinyatakan bahawa khemah ini bukanlah bertujuan menyokong atau menentang sesiapa dalam parti. Nampaknya penjelasan daripada mereka yang mengelolakan khemah Ghafar Baba ini lebih banyak menimbulkan pertanyaan daripada jawapan.

Khemah kerja dalam UMNO bermula dalam tahun 1964. Semua wakil Pemuda dari negeri-negeri dibawa berunding sebelum khemah kerja dilancarkan. Berbagai-bagai pendapat telah ditimbulkan. Sebagai satu eksperimen Pemuda UMNO mengadakan khemah kerja di Kuala

Selangor pada akhir tahun 1964 atau awal 1965 selama dua hari dalam kawasan Parlimen Allahyarham Hamzah Alang.

Selepas itu diadakan di Labu, Negeri Sembilan di mana sebagai satu sumbangan kepada masyarakat setempat, peserta-peserta mengambil bahagian telah membersihkan kawasan sebuah kampung yang berhampiran.

Perkataan "khemah kerja" dipopularkan oleh Pemuda UMNO. Tujuan mengadakan persahabatan di kalangan ahli-ahli parti dan sedikit sebanyak menimba pengetahuan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Beberapa masalah semasa dibincangkan dan penceramah diundang untuk mendengar pendapat-pendapat mereka. Tidak ada latihan ala tentera atau seni mempertahankan diri. Otak lebih diutamakan daripada otot dan persahabatan lebih diutamakan daripada perbalahan.

KETEGUHAN PARTI LEBIH PENTING DARI KEPENTINGAN PEMIMPIN

PEMILIHAN pucuk pimpinan UMNO telah selesai. Kurang daripada dua peratus undi yang memisahkan di antara yang menang dengan yang kalah.

Perdana Menteri telahpun mengumumkan fasa pertama rombakan kabinetnya dengan menggugurkan semua mereka yang secara terang-terang memihak kepada kem Tengku Razaleigh – Musa semasa kempen dahulu.

Semasa saya menulis ini, pengganti mereka belum lagi diumumkan. Tengku Razaleigh dan Datuk Rais yang mula-mula mengirinkan surat perletakan jawatan mereka pada pagi Rabu.

Tindakan Datuk Rais adalah wajar selepas beliau membuat ucapan “membakar jambatan”nya di Terengganu pada 19 Mac yang lalu. Barangkali Perdana Menteri sendiri agak terperanjat membaca laporan ucapan Datuk Rais itu pada keesokan harinya.

Tengku Razaleigh pun wajar meletakkan jawatan kerana sebagai pencabar Dr. Mahathir beliau tidak sepatutnya berada dalam kabinet.

Penyokong Tengku Razaleigh yang lain semuanya menang bertanding dalam Majlis Tertinggi dan begitu juga Datuk Abdullah Badawi. Perdana Menteri mempunyai hak yang mutlak untuk menyusun kabinet barunya selepas menang dalam pertandingan yang begitu sengit dalam sejarah UMNO.

Tindakan Perdana Menteri menyusun anggota-anggota kabinetnya dalam masa dua tiga tahun kebelakangan ini, terutama sekali selepas Datuk Musa Hitam meletakkan jawatannya sebagai Timbalan

Perdana Menteri, menunjukkan kematangan dan kesabaran beliau yang amat sangat.

Pelbagai tuduhan telah dilemparkan terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir tentang cara beliau mengendalikan kerajaannya; tetapi satu perkara yang jelas ialah sikap liberal beliau dalam menghadapi tentangan daripada ahli-ahli kabinetnya sendiri.

Setahu saya, beliauah Perdana Menteri yang pertama menggunakan *Androcles and the lion* untuk menjawab pelbagai kecaman yang dibuat terhadap diri beliau sendiri.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang baru berlangsung, parti itu telah mencatat banyak sejarah baru. Banyak adat resam, sekarang dipanggil "tradisi" yang tidak diikuti. Apakah baik-buruknya pemecahan tradisi ini, hanya sejarah sahaja yang akan membuat pertimbangan yang saksama. Pelakon-pelakon drama ini sendiri tidak dapat menilai kebijaksanaan ataupun sebaliknya tindakan mereka itu.

Kata Presiden UMNO, keteguhan parti adalah lebih penting daripada kepentingan sebarang pemimpin. Jikalau inilah dasar perjuangan pemimpin-pemimpin UMNO, saya percaya UMNO akan tetap teguh dan akan memerintah negara ini untuk beberapa dekad lagi.

Pesanan Datuk Musa Hitam juga patut diambil perhatian, "jagalah UMNO baik-baik" katanya sebagai amanat terakhir selepas dikalahkan oleh Encik Ghafar Baba dalam pertandingan merebut jawatan timbalan presiden yang telah disandanginya selama dua penggal.

Kepada Encik Ghafar Baba, selepas menyandang jawatan naib presiden parti selama suku abad, menjadi timbalan presiden ini adalah satu proses naik pangkat yang sewajarnya berlaku. Adakah Encik Ghafar akan mengetuai parti sebelum bersara? Inilah perbualan ahli-ahli UMNO sekarang ini.

Dalam masa dua tiga tahun yang akan datang ini UMNO hendaklah menumpukan tenaganya untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru amnya dan meninggikan taraf ekonomi kaum bumiputera khususnya.

Ekonomi bumiputera hanya akan berkembang jika ekonomi negara terus berkembang dan meningkat maju.

Pembahagian kekayaan negara yang adil dan saksama di antara kaum, hendaklah berjalan dalam suasana ekonomi yang berkembang. Kaum bukan bumiputera yang lain janganlah terasa *deprived* atau "terhilang hak" kerana perasaan yang demikian akan menyulitkan lagi pembentukan sebuah negara yang bersatu padu.

Semua tanda ekonomi dalam masa empat bulan yang pertama tahun ini menunjukkan bahawa Malaysia akan berkembang lebih pesat

daripada yang diramalkan setahun dahulu.

Harga barangan keluaran negara terutama sekali harga minyak petroleum telah meningkat naik jika dibandingkan dengan pertengahan tahun dulu.

Defisit akaun semasa negara mungkin tidak sampai \$400 juta bagi tahun ini, berbanding dengan \$1,300 juta yang diramalkan oleh Kementerian Kewangan sembilan bulan dulu.

Harga saham di BSKL telah mulai meningkat dan pelaburan asing juga telah mula datang ke Kuala Lumpur.

Soal-soal politik tidak menjadi tajuk utama akhbar-akhbar dan pagedaran mingguan bahasa Melayu yang banyak diterbitkan di ibu-kota telah mula menurun.

Kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO yang baru lalu telah banyak menyiarkan berita-berita yang tidak tepat yang telah menjejaskan imej ekonomi negara.

Saya harap cerdik pandai kita, terutama sekali yang tidak terlampau emosi akan membincangkan soal-soal lain yang tidak kurang pentingnya kepada pembangunan bangsa dan negara. Ada eloknya kalau ramai ahli politik akan mengambil cuti rehat dalam bulan puasa yang penuh berkat ini menumpukan banyak masa kepada beramal dan beribadat. Lebih baik, ikut contoh Datuk Musa, belanjakan wang yang banyak itu untuk mengerjakan ibadat umrah dan haji.

Dato' Rais Yatim



Dato' Abdullah Badawi



ADA PIHAK MINTA PERLEMBAGAAN DIPINDA

FIKIRAN saya agak bercelaru minggu ini. Saya berasa tidak tenteram untuk memilih sesuatu tajuk untuk mengisi ruangan ini. Tambahan pula ramai benar kawan yang memberikan cadangan dan pendapat.

Ada sahabat yang meminta saya menulis tentang perlembagaan Negara memandangkan bahawa Aliran telah mengadakan satu persidangan mengenai perlembagaan selepas 30 tahun negara merdeka. Universiti Malaya pula akan menganjurkan satu seminar mengenai perlembagaan hujung minggu ini.

Ada pula kawan yang meminta saya memberi ulasan tentang ucapan Tunku Abdul Rahman Putra supaya perlembagaan dipinda untuk membolehkan Majlis Raja-Raja menubuhkan sebuah tribunal atau mahkamah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang mungkin dilakukan oleh Raja-Raja Melayu.

Akhbar tempatan juga menyiarkan sedutan kertas kerja Saudara Kassim Ahmad yang mahukan perlembagaan diubahsuai supaya menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup rakyat Malaysia. Tidak pula dilaporkan sama ada hadis nabi patut dijadikan panduan. Buku kecil Saudara Kassim Ahmad mengenai hadis telah pun diharamkan oleh Majlis Agama Islam.

Saudara Kassim Ahmad sedang melalui pelbagai liku-liku hidup dan perubahan sikap. Semasa di London, 30 tahun dulu Saudara Kassim seorang penyokong Mao Tse Tung, pemimpin besar Komunis China dan saya pernah menyatakan kepada beliau bahawa sikapnya itu satu kesilapan besar.

Pulang ke tanahair, Saudara Kassim Ahmad memimpin Parti

Rakyat, saya bertugas di Ibu Pejabat UMNO dan setiap kali berjumpa kami akan "tidak sependapat". Pernah saya nyatakan kepada beliau bahawa beliau tidak akan kekal dalam Parti Rakyat tetapi beliau membantah.

Kawan-kawan kami menyifatkan Kassim Ahmad seorang revolusioner dan saya seorang konservatif. Dari London, saya terus bertugas di Ibu Pejabat UMNO, parti orang kampung, kata kawan-kawan yang radikal.

Khabarnya Kassim Ahmad telah masuk UMNO, entah betulkah entah tidak. Kassim Ahmad telah baca Al-Quran selalu, bahasa Arabnya masih di peringkat rendah. Sudah berani menulis tentang agama Islam sungguhpun syarat-syarat untuk menjadi orang alim belum ada. Moga-moga Allah Taala memberi beliau taufik dan hidayah.

Saudara Kassim Ahmad adalah satu-satunya sebab mengapa fikiran saya bercelaru.

Dalam tahun 1979 atau 1980, pengasas-pengasas Aliran telah mengirim surat kepada saya dan pada beratus orang lagi mempelawa kami menyertai Aliran. Kerana saya menyertai perkhidmatan kerajaan dalam tahun 1980 tidaklah timbul minat untuk menyertai Aliran. Dalam tahun 1981, kalau tidak silap, Chandra Muzaffar mengambil bahagian dalam satu forum di Universiti Malaya.

Saya begitu terpegun mendengar ucapan beliau – lebih-lebih lagi apabila mengetahui bahawa beliau seorang yang lumpuh, dan terpaksa menggunakan kereta sorong untuk naik ke pentas. Saya kagum dengan kebolehan Dr. Chandra Muzaffar.

Beliau juga membuat hati saya tidak tenteram. Dr. Muzaffar sebagai Presiden Aliran akan mengemukakan satu memorandum kepada Perdana Menteri supaya perlembagaan negara dikaji semula. Mengikut Aliran, perlembagaan negara tidak lagi mencerminkan realiti politik negara. Perlembagaan Negara, menurut Aliran tidak lagi sesuai, terutama sekali kepada rakyat Malaysia yang berketurunan bukan bumiputera.

Dengan perkataan lain perlembagaan negara tidak adil kepada rakyat bukan bumiputra.

Tun Suffian, bekas Ketua Hakim Negara dan seorang sahabat yang saya hormati dan pandang tinggi telah membuat satu cadangan yang radikal mengenai keluarga diraja. Beliau mencadangkan supaya dihadkan mereka yang dianggap sebagai keluarga diraja. Mereka yang berbau bacang, tidak perlu dipanggil Raja atau Tengku atau Ungku.

Orang Melayu, saya rasa, akan berasa hairan dengan cadangan

Tun Suffian itu. Sistem yang dicadangkan oleh Tun Suffian itu telah lama diamalkan di Britain. Yang bergelar "prince" atau "princess" (Putera dan Puteri) terhad kepada siapa yang diiktiraf oleh Ratu Elizabeth. Anak raja yang lain tidak menggunakan gelaran mereka. Gelaran Putera dan Puteri adalah anugerah raja yang memerintah. Saya percaya cadangan Tun Suffian tidak akan diterima buat masa ini, kerana masanya belum sampai.

Menyebut cadangan Tun Suffian, saya hendak buat satu cadangan kecil dan memohon ampun kepada Raja-Raja Melayu sekiranya cadangan ini tidak diresutui. Cadangan saya ialah mengubah sedikit bahasa yang digunakan di antara Raja dan rakyat jelata. Biarlah perkataan "patek" itu digunakan hanya kepada Raja yang bergelar sahaja. Dan kepada sahabat-sahabat saya di Kedah dan di Johor, tidak payahlah berpatik dengan yang bergelar Syed.

Ini pun membuatkan hati saya tidak tenteram.

Dan akhir sekali saya hendak mengulas sedikit tentang apa yang berlaku di Seremban minggu sudah.

Jawatan Pusaka Datuk Kelana Sungai Ujung masih tidak berganti. Empat tahun adalah satu masa yang lama untuk mengisi jawatan Datuk Kelana, Undang Luak Sungai Ujung itu. Takrif Raja di Negeri Sembilan ialah Yang Dipertuan Besar dan Undang Yang Empat.

Orang Negeri Sembilan di Kuala Lumpur termasuk saya, sekarang ini menjadi bahan gurau senda oleh kawan-kawan yang lain. Mereka tidak peduli sama ada orang-orang Negeri Sembilan ini datangnya dari Kuala Pilah, Jelebu, Tampin atau Rembau, yang menjadi ejekan mereka bahawa kami ini orang adat Perpatih.

Saya percaya jika semua pihak mengambil perhatian yang berat dalam masalah ini, Datuk Kelana, Undang Luak Sungai Ujung yang baru akan dapat dibentuk dalam masa sebulan dua lagi. Tetapi sebaliknya, jika perhatian serius tidak diberikan, 10 tahun lagi perkara ini tidak akan selesai.

Kerana memikirkan Undang Luak Sungai Ujung ialah sebahagian Raja di Negeri Sembilan, saya berasa begitu tidak tenteram menulis ruangan ini. Dan ini tidak menyentuh saranan Pak Khir supaya orang Melayu yang telah menunaikan fardhu haji, jangan menggunakan perkataan haji di pangkal namanya.

Seperti Pak Khir, saya telah naik haji dua kali, tapi tidak pernah menggunakan haji di pangkal nama saya – tetapi tidak pula pernah menghalang atau membantah apabila orang lain panggil saya Haji Sulaiman. Saudara Zam, bagaimana?

DATUK MUSALAH PEMIMPIN UMNO PERTAMA MEMECAHKAN TRADISI

PERLANTIKAN satu jawatankuasa khas oleh Majlis Tertinggi UMNO minggu sudah untuk mencari satu penyelesaian di luar mahkamah mengenai tuntutan 12 orang ahlinya adalah satu langkah bijak yang patut ditubuhkan sebulan dua dulu.

Sayugia diingat 12 orang ahli parti telah membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi supaya mengisytiharkan Perhimpunan Agung UMNO pada bulan April yang lalu tidak sah dengan alasan bahawa beberapa orang para perwakilan yang hadir di perhimpunan agung itu tidak layak menghadirinya disebabkan oleh beberapa peruntukan perlembagaan parti yang tidak dipatuhi.

Pada hari Rabu yang lalu, Mahkamah Tinggi telah menangguhkan perbicaraan perkara ini selama dua minggu dengan harapan satu penyelesaian dapat dicari di antara 12 orang ini dengan parti.

Beberapa orang di antara kumpulan 12 ini telahpun menyatakan kesanggupan mereka untuk menemui jawatankuasa khas ini dengan harapan tuntutan mereka kepada Mahkamah Tinggi dapat ditarik balik dan masalah parti dapat diselesaikan oleh parti dan bukan dengan perintah mahkamah.

Beberapa orang daripada mereka nampaknya telahpun memberitahu akhbar tentang beberapa syarat yang hendak mereka kenakan sebelum bersetuju menarik balik permohonan mereka di Mahkamah Tinggi.

Saya tidak bercadang hendak mengulas tentang tuntutan kumpulan 12 ini kerana perkara itu adalah *sub-judice*.

Nampaknya jawatankuasa khas ini terpaksa bekerja keras untuk mencari penyelesaian dalam masa seminggu lagi – iaitu sebelum 13 Oktober ini.

Jikalau masa dua minggu yang diberikan oleh Hakim Harun Hashim itu tidak mencukupi, pihak defenden atau mereka yang kena tuntutan hendaklah membuat permohonan kepada Hakim Harun Hashim untuk melanjutkan lagi masa – mungkin selama empat minggu lagi.

Sekiranya permohonan ini tidak mendapat bantahan daripada *plaintif* atau mereka yang menuntut, permohonan lanjutan masa akan diluluskan.

Kita semua berharap kumpulan 12 ini akan memikirkan kepentingan parti lebih daripada kepentingan kumpulan ataupun kepentingan diri.

Salah satu sebab orang ramai berpendapat bahawa kestabilan politik di Malaysia tidak begitu mantap ialah kerana adanya perselisihan dalam parti di antara mereka yang menyokong Perdana Menteri dengan mereka yang menyokong Tengku Razaleigh Hamzah yang mencabar Datuk Sri Dr. Mahathir dalam pemilihan presiden parti pada bulan April yang lalu.

Sungguhpun nampaknya pertentangan di antara Presiden UMNO dengan Tengku Razaleigh ini telah agak reda sedikit namun masih terdapat lagi kesan-kesan pertarungan yang lalu.

Datuk Musa Hitam sekarang ini berada di Amerika Syarikat menjadi seorang fellow di salah sebuah universiti yang terkemuka di sana dan pemergian Datuk Musa ini juga dapat mententeramkan suasana politik tanahair.

Datuk Abdullah Badawi yang telah disingkirkan oleh Perdana Menteri, walaupun telah mengekalkan jawatan Naib Presiden parti dalam pemilihan bulan April dulu, adalah salah seorang yang menganggotai jawatankuasa khas ini.

Dalam masa 30 tahun negara merdeka, kita mempunyai enam regu Perdana Menteri dan Timbalannya. Mereka ialah regu Tunku Abdul Rahman Putra – Tun Abdul Razak, regu Tun Abdul Razak – Tun Ismail Abdul Rahman, regu Tun Abdul Razak – Tun Hussein Onn, regu Tun Hussein Onn – Datuk Sri Dr. Mahathir, regu Datuk Sri Dr. Mahathir – Datuk Musa Hitam dan regu Datuk Sri Dr. Mahathir – Encik Ghaffar Baba yang ada sekarang.

Saya percaya ahli-ahli sejarah dan pengulas-pengulas politik akan mengkaji dan membuat ulasan dan pendapat masing-masing mengenai kerjasama di antara seorang Perdana Menteri dengan timbalannya –

Regu Pertama
Tengku Abdul Rahman
- Tun Razak



Regu Kedua
Tun Razak
- Tun Dr Ismail

Regu Ketiga
Tun Razak
- Dato' Hussein Onn





Regu Keempat
Dato' Hussein Onn
- Dato' Dr Mahathir



Regu Kelima
Dato' Sri Dr. Mahathir
- Dato' Musa Hitam



Regu Keenam
Dato' Sri Dr Mahathir
- En Ghaffar Baba

dan kejayaan atau kegagalan regu-regu ini.

Satu perkara yang ketara dalam semua regu itu ialah yang menjadi Perdana Menteri ialah Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri ialah Timbalan Presiden UMNO.

Pada pendapat saya regu yang paling berjaya ialah regu Tunku Abdul Rahman Putra dengan Tun Abdul Razak, sebelum mengambil kira regu Mahathir – Ghafar Baba yang masih berjalan sekarang ini.

Pada pendapat Datuk Musa Hitam regu Datuk Sri Dr. Mahathir dan beliauah yang paling berjaya – di peringkat awal semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Memang ketika itu menjadi harapan saya dan harapan ribuan orang Melayu yang lain agar Dr. Mahathir – dan Datuk Musa dapat memberikan khidmat yang cemerlang kepada bangsa, agama dan negara kita.

Datuk Musa memberitahu saya dalam tahun 1982 bahawa beliau sangat rapat dengan Perdana Menteri dan sekurang-kurangnya berhubung dua kali sehari. Pengakuan beliau itu kepada saya seolah-olah hendak meyakinkan saya bahawa tidak ada *problem* di antara mereka berdua yang saya kenali rapat sejak tahun 1964. Nyatalah sekarang ini bahawa pengakuan Datuk Musa itu tidak tepat.

Perdana Menteri juga ada menyatakan kepada saya pendapatnya terhadap Datuk Musa Hitam satu minggu sebelum 24 April 1987; buat masa ini biarlah pendapat Perdana Menteri itu saya simpan sebagai satu kenyataan sulit.

Apa yang saya harapkan dengan regu Mahathir – Musa ini nampaknya tidak terlaksana. Manusia hanya dapat merancang dan berikhtiar.

Datuk Musa jugalah pemimpin UMNO yang pertama memecahkan tradisi parti dan akibatnya adalah merugikan parti.

Barangkali pucuk pimpinan UMNO harus meneliti semula dan mengkaji sedalam-dalamnya sejarah parti dalam masa 40 tahun ini dan mengambil iktibar dan pelajaran daripada fakta-fakta sejarah UMNO.

Satu perkara yang amat jelas dalam pergaulan pucuk pimpinan UMNO selepas era Datuk Onn dan sebelum era Mahathir – Musa ialah kemesraan. Dan satu perkara yang lain ialah ketiadaan komplot atau kumpulan untuk kepentingan diri atau sesuatu kumpulan. Tidak ada parti dalam parti.

Allahyarham Tun Dr. Ismail pernah mengingatkan Pemuda UMNO supaya tidak berlagak seperti sebuah parti lain dalam Parti UMNO.

Majlis Kerja Tertinggi pada masa yang lampau ialah tempat berunding, bermesyuarah dan bermuafakat – dan bukan tempat konfrontasi.

Sungguhpun kuasa presiden begitu luas dan digunakan dengan berkesan, namun sumbangan ahli-ahli yang lain diambil kira setiap masa.

Yang paling penting ialah timbalan presiden sentiasa menyokong presiden walaupun ada masanya pendapat kedua pemimpin itu agak bertentangan. Dalam keadaan yang seperti itu mereka berdua akan membincangkannya terlebih dahulu. Penentangan timbalan presiden terhadap presiden tidak pernah timbul hinggalah Datuk Musa Hitam menjadi timbalan kepada rakan seperjuangannya dalam parti.

Pemimpin-pemimpin UMNO yang ada sekarang ini patut memikirkan cara yang mana yang dapat menyelamatkan parti dan seterusnya menyelamatkan bangsa Melayu seluruhnya.

BUKAN MELAYU GUSAR DENGAN PERGOLAKAN UMNO

RENCANA saya minggu sudah telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan kawan-kawan saya.

Ada dua reaksi yang saya rasa patut mendapat jawapan saya di ruangan ini. Pertama ada kawan-kawan yang menyatakan bahawa tulisan saya itu menyalahkan Datuk Musa Hitam dalam krisis UMNO sekarang ini dan saya tidak mengemukakan alasan-alasan Datuk Musa meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam tulisan yang ringkas tentulah tidak ada ruangan untuk memberi analisa yang lengkap. Memang benar saya berpendapat bahawa punca utama krisis UMNO sekarang ini berpunca dari perbuatan dan sikap Datuk Musa Hitam.

Yang kedua, ada yang bertanya kepada saya apakah pendapat Datuk Sri Dr. Mahathir tentang Datuk Musa. Buat masa ini tak payahlah saya nyatakan. Yang penting ialah pergeseran dalam UMNO ini banyak berkisar kepada perhubungan peribadi dan bukan tentang soal-soal pokok.

Yang menggelikan hati saya (yang melucukan saya) ialah memerhatikan telatah mereka yang menentang Dr. Mahathir yang menimbulkan beberapa isu seperti, peruntukan bagi pembangunan luar bandar, Proton Saga, Jambatan Pulau Pinang dan Dayabumi.

Seperti saya nyatakan minggu lalu soal yang paling penting, yang patut difikirkan oleh semua pihak ialah soal perpaduan UMNO dan bukan soal 'personaliti.'

Seseorang pemimpin itu hendaklah berjiwa besar. Kita boleh bersahabat sungguhpun tidak sependapat dalam sesuatu isu.

Dalam UMNO rasa persahabatan di antara ahli nampaknya semakin tipis – persahabatan hanya berasaskan kepentingan. Perkataan “komplot” mungkin menggambarkan persahabatan yang ada sekarang ini.

Jawatankuasa khas yang dibentuk oleh Majlis Tertinggi untuk menyelesaikan tuntutan kumpulan 12 ini mungkin titik pertama untuk menjalin kerjasama erat di antara puak-puak yang bersengketa.

Perpecahan dalam UMNO akan membawa akibat buruk kepada perpaduan bangsa Melayu.

Bangsa Melayu hendaklah bersatu padu supaya dapat memberi pimpinan kepada masyarakat kita yang berbilang kaum.

Belum sampai masanya parti-parti lain yang tidak berteraskan bangsa Melayu memimpin negara kita. Pada pendapat saya Malaysia akan terus memerlukan pimpinan UMNO dalam masa dua tiga puluh tahun yang akan datang.

Rakyat kita yang bukan berketurunan Melayu sekarang ini berasa agak gusar memandangkan pergolakan dalam UMNO.

Adalah menjadi tugas utama pucuk pimpinan UMNO menyatakan dengan tegas kepada semua rakyat bahawa parti itu sedang memperkukuhkan perpaduan di antara mereka dan siapa sahaja yang memimpin UMNO mereka akan menjaga kepentingan semua kaum.

Soal-soal yang memecah-belahkan rakyat hendaklah dihindarkan.

Musyawarah dan Barisan Nasional hendaklah diadakan setiap masa.

Rakyat kita yang berbilang kaum hendaklah mempunyai keyakinan terhadap keadilan dan sikap sederhana pimpinan bangsa Melayu. Di mana-mana terdapat ketidakadilan, atau sikap yang melampau – tindakan untuk menghapuskannya hendaklah diambil dengan segera. Kepercayaan orang kepada pimpinan kita hendaklah dikekalkan setiap masa.

PERHIMPUNAN PEMUDA UMNO

PETANG hari Sabtu minggu sudah Pemuda UMNO mengadakan rapat raksasanya di Padang TPCA, Kuala Lumpur dalam hujan ribut yang menyebabkan banjir di banyak tempat di Kuala Lumpur.

Kira-kira 15,000 orang Melayu, hampir semuanya ahli UMNO hadir tegak dalam hujan ribut itu. Ada yang mengatakan bahawa inilah satu tanda semangat yang cekal. Ada pula yang mengatakan bahawa mereka hadir dalam hujan lebat ini adalah kerana terpaksa kerana tidak ada tempat untuk berteduh bagi 15,000 orang.

Datuk Sri Najib Tun Razak dilaporkan sebagai berkata bahawa perhimpunan itu adalah untuk melepaskan geram (*to let off steam*) dan lepas itu akan legalah perasaan dan akan tenanglah jiwa.

Mengikut mereka yang arif dalam ilmu jiwa *to let off steam* atau melepaskan geram memang satu cara *therapy* atau satu cara perubahan kepada mereka yang mengalami tekanan jiwa.

Saya percaya ramai daripada kita mengalami suasana ini. Di antara kita ada yang pernah menangis seorang diri dan melepas tangis adalah melegakan perasaan. Ada yang mengambil bahagian dalam sukan yang memerlukan tenaga fizikal yang kuat seperti main ragbi atau memanjat gunung. Ada yang hanya memerlukan pengeluaran peluh seperti membasuh kereta sendiri atau menyangkut rumput.

Pendek kata banyak cara untuk mengurangkan *tension* atau ketegangan – mengeluarkan peluh dan air mata hanya satu di antara cara-cara yang selalu digunakan. Gelak ketawa yang terbahak-bahak juga



Dato Sri Najib Tun Razak

boleh mengendurkan ketegangan, tetapi senyum simpul – sama ada ikhlas atau tidak – tidak dapat mengurangkan ketegangan.

Menjerit sekuat hati seperti yang berlaku di padang TPCA tentu dapat mengurangkan ketegangan.

Menonton permainan bola juga satu terapi yang baik. Cuba kita perhatikan mereka menjerit di Stadium Negara tiap kali diadakan perlawanan bola. Menonton wrestling di TV elok juga untuk menghilangkan ketegangan

Saya harap pekikan dan jeritan yang kedengaran di Padang TPCA itu hanyalah untuk melepaskan geram sahaja dan tidak lebih dari itu. Mereka yang hadir tentu faham apa yang saya maksudkan ini.

Sehari selepas perhimpunan di Padang TPCA muncul pula Prebet Adam di kawasan Chow Kit. Cerita Prebet Adam selanjutnya akan dapat kita ikuti apabila beliau dihadapkan ke mahkamah nanti.

Yang telah menjadi kenyataan ialah Prebet Adam telah mengamuk dan macam orang yang mengamuk tidak ada sasaran yang tertentu. Pada masa orang mengamuk, mangsa pertama ialah orang yang berada dekat dengannya. Kita bersimpati dengan mereka yang menjadi mangsa dan keluarga mereka.

Dengan tidak cukup usul periksa, telefon pun mulalah berbunyi daripada pukul 2 pagi hinggalah hari siang. Prebet Adam telah memecahkan ketegangan. Ramai orang Kuala Lumpur yang tidak datang kerja pada hari Isnin. Yang nyata ialah perhubungan rapat di antara rakan sejawat tidak terjejas. Mereka menyatakan pengalaman masing-masing pada hari Isnin.

Peristiwa Prebet Adam di Chow Kit ini juga akan dikenang buat seketika dan patut dijadikan pengajaran bahawa kita semua hendaklah berhati-hati dalam masyarakat berbilang kaum.

Minggu ini perhatian orang ramai akan tertumpu kepada kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur dan bursa-bursa saham lain di dunia yang telah mengalami kejatuhan yang teruk hari Isnin lalu. Di Kuala Lumpur peristiwa Prebet Adam mungkin satu faktor yang diambil kira.

Minggu ini juga Encik Daim Zainuddin membentangkan belanjawan bagi tahun 1988.

Keadaan ekonomi negara adalah lebih baik jika dibandingkan dengan tahun 1985 dan 1986. Harga barangan mentah Malaysia semuanya lebih tinggi sekarang jika dibandingkan dengan tahun 1986.

Pemulihan ekonomi negara ini akan memberi peluang kepada kerajaan untuk terus membangunkan negara dan memberi peluang pcker-

jaan kepada pemuda-pemudi kita.

Pengangguran di kalangan siswazah masih tinggi dan membimbangkan.

Hanya dalam suasana ekonomi berkembang sahaja, masalah pengangguran ini dapat diatasi. Sebahagian besar di antara siswazah penganggur ini terdiri daripada siswazah Melayu dan juga yang berke-lulusan universiti luar negeri. Mereka datang dari keluarga yang tidak mempunyai perniagaan untuk diserapkan. Mahasiswa Cina agak ber-untung kerana ramai keluarga mereka terdiri daripada orang perniaga-an.

Lima enam tahun dulu kita sering mendengar alasan bahawa tidak cukup bilangan tenaga pekerja bumiputera untuk mengisi kekosongan ataupun untuk memenuhi kuota bumiputera. Sekarang ini tiada siapa yang boleh menggunakan alasan itu lagi.

Langkah-langkah yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan dalam belanjawannya untuk tahun depan mungkin akan dapat mem-beri harapan baru kepada siswazah-siswazah kita yang sedang mengang-gur.

Saya fikir soal siswazah menganggur ini adalah satu masalah besar yang perlu mendapat perhatian yang serius - barangkali lebih penting daripada soal guru besar sekolah rendah kebangsaan Cina yang hangat diperkatakan sekarang.

Pengangguran mereka ini juga patut dijadikan peluang untuk mendapatkan tenaga mahir. Pada masa ini siswazah-siswazah mengang-gur ini hanya memerlukan pendapatan yang sederhana untuk menyara kehidupan mereka.

Oleh kerana negara kita tidak mempunyai sistem pembayaran pampasan pengangguran, seperti di banyak negara yang maju, siswa-zah-siswazah kita tidak akan dapat menghadapi keadaan ini lebih lama lagi.

TINDAKAN PULIHKAN UMNO TERLETAK PADA PRESIDEN

SEPERTI anak raja, UMNO Jahir dalam istana – di Istana Besar Johor Bahru hampir 42 tahun lalu. Seperti orang salah, UMNO diheret ke mahkamah dan minggu sudah Yang Arif Hakim Harun Hashim mengisytiharkan bahawa UMNO tidak sah mengikut undang-undang apabila 11 orang ahli UMNO meminta Mahkamah Tinggi supaya mengeluarkan perintah bahawa Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April yang lalu tidak sah di sisi undang-undang.

Siapapun yang menjadi hakim pada hari itu akan memberikan perintah yang sama, iaitu mengikut undang-undang yang ada sekarang ini UMNO adalah satu pertubuhan yang tidak sah. Perkara yang sama mungkin berlaku kepada parti-parti yang lain jika pergolakan berlaku seperti yang berlaku dalam UMNO pada tahun lalu.

Ada kemungkinannya pindaan yang dibuat ke atas Akta Pertubuhan itu ialah untuk membendung perkembangan yang tidak sihat di kalangan parti-parti lain; tetapi macam orang memasang jerat, ada kalanya dia sendiri yang terjat.

Saya berpendapat Akta Pertubuhan ini patut dikaji semula dan pertubuhan-pertubuhan yang bercorak politik patutlah diasingkan dengan pertubuhan sukarela biasa.

Khabarnya Pendaftar Pertubuhan telahpun mengirim surat *show cause* atau 'tunjuk sebab' kepada UMNO, meminta UMNO memberi penjelasan atau alasan mengapa ia tidak patut dimansuhkan pendafatarannya. UMNO diberi beberapa hari yang tertentu untuk memberi jawapan atau penjelasan.

Dan hanya selepas menerima surat dari pucuk pimpinan UMNO

itu sahaja barulah pihak pendaftar mengambil tindakan ke atas UMNO sama ada hendak membatalkan pendaftarannya ataupun mengambil tindakan lain yang difikirkannya munasabah.

Hukuman yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi itu akan menjadi panduan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam menjalankan tugasnya. UMNO bukan satu pertubuhan haram, ia hanya dipandang tidak sah kerana telah melanggar beberapa peruntukan dalam Akta Pertubuhan apabila Mahkamah Tinggi diminta membuat sesuatu hukuman.

Siapakah yang akan mengambil inisiatif atau tindakan untuk membetulkan kedudukan yang agak pincang ini? Tentunya bukan sebarang ahli UMNO. Inisiatif ini tidak terletak kepada Tunku Abdul Rahman Putra, Presiden Kedua UMNO dan Bapa Kemerdekaan atau Tengku Razaleigh Hamzah yang tewas dalam pemilihan Presiden UMNO menentang Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tahun lalu. Dan tugas ini juga tidak terletak kepada Puan Marina Yusof atau sesiapa juga ahli UMNO yang lain.

Tugas ini terletak kepada Presiden UMNO yang ada sekarang, yang belum pun dianggap tidak sah oleh Pendaftar Pertubuhan. Beliau boleh mengarahkan Sanusi Junid atau siapa sahaja yang difikirkannya perlu untuk menyelesaikan masalah teknik itu. Tidak perlu diadakan UMNO Malaysia '88 atau apa sahaja.

Saya percaya dalam minggu ini juga Perdana Menteri akan mengumumkan langkahnya untuk menyelesaikan masalah ini. Ahli-ahli UMNO yang lain, baik yang tua mahupun yang muda, tidak payahlah mencurahkan air mata banyak-banyak kerana kalau selalu benar menangis, nanti orang lain tidak tahu sama ada kita benar-benar bersedih ataupun tidak.

Masalah UMNO ini perlu diselesaikan dengan segera oleh kerana sistem pentadbiran negara kita berlandaskan pemerintahan demokrasi berparlimen. Pemerintahan cara ini memerlukan parti-parti politik, yang sentiasa meminta sokongan rakyat untuk mentadbirkan negara.

Sungguhpun tidak ada kesan-kesan yang negara tidak stabil disebabkan oleh masalah ini, tetapi kita semua sedar bahawa rakyat tidak berasa senang hati memikirkan perkara ini.

Dan barangkali tidak kurang pentingnya ialah reaksi negara-negara luar terhadap kita. Ulasan-ulasan media asing terhadap Malaysia dalam masa beberapa hari ini paling tidak menyenangkan. Ulasan-ulasan yang seperti ini akan menyulitkan lagi usaha kita untuk mendapatkan pelaburan asing.

Negara kita baru sahaja berjaya mengatasi pelbagai masalah dalam masa dua tiga tahun ini. Sepatutnya tahun 1988 ini adalah satu tahun yang cerah bagi Malaysia.

Beberapa masalah besar dapat diatasi dalam masa dua tiga tahun ini. Umpamanya, masalah Koperasi Pengambil Deposit telah hampir selesai dan masalah ini tidak akan timbul lagi untuk mengeruhkan suasana ekonomi negara.

Pemilihan pucuk pimpinan UMNO juga telah selesai, sungguhpun bahang-bahangnya masih terasa lagi; dan kalau tidak dibendung dengan rapi bara yang ada akan menyemarak semula.

Masalah ekonomi yang paling teruk sekali ialah kejatuhan harga barang mentah keluaran negara.

Sejak awal tahun 1987 lagi harga barang-barang mentah ini telah meningkat naik dan sekarang telah mencapai satu tahap yang mengembirakan. Harga getah dan harga minyak kelapa sawit sekarang ini berada pada tahap yang tertinggi dalam masa lima tahun ini. Begitu juga harga kayu balak keluaran negara.

Harga minyak petroleum juga memuaskan seperti yang dirangka oleh negara-negara OPEC.

Hanya kejatuhan harga di pasaran saham sahaja yang agak mengeruhkan suasana ekonomi, tetapi bagi rakyat biasa kejatuhan harga saham ini tidak memberi sebarang kesan buruk terhadapnya.

Dalam masa negara berjaya memulihkan keadaan politik dan ekonomi, timbul pula soal 'UMNO tidak sah' ini.

Mengulas tentang peristiwa 11 orang ahli UMNO membawa kes mereka ke mahkamah kira-kira empat bulan dulu, saya menyatakan bahawa "kalah menjadi arang, menang menjadi abu".

Siapa yang menang dalam perbicaraan yang baru lalu itu? Mengikut Perdana Menteri, UMNO menang, kerana Hakim Harun Hashim menolak (*dismiss*) permohonan 11 orang yang menuntut.

Kumpulan 11 ini tentu mendakwa bahawa mereka yang menang kerana disebabkan oleh merekalah maka UMNO pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir sekarang didapati tidak sah.

Pada pendapat saya tiada siapa yang menang, yang kalah sahaja yang ada. Dan saya berharap benar supaya Bapa Malaysia tidak akan meneruskan usaha beliau. Begitu juga kepada dua orang sahabat ikrab saya, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Manan Othman. Kita semua berharap UMNO akan bergerak seperti sediakala tidak berapa lama lagi supaya orang Melayu dapat meneruskan perjuangan mereka dan negara kita akan aman dan makmur berterusan, Insya-Allah.

KESTABILAN NEGARA BERGANTUNG PADA SUASANA POLITIK YANG TENTERAM

PADA dasarnya krisis dalam UMNO telahpun selesai. Cara penyelesaiannya tidak diduga oleh mereka yang berbalah.

UMNO yang ditubuhkan di Istana Besar Johor Bahru hampir 42 tahun dulu tidak ada lagi di sisi undang-undang.

Presiden UMNO yang terakhir beserta dengan timbalannya dan beberapa orang pemimpin lain yang menjadi anggota Majlis Tertinggi parti itu telah mendaftarkan UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (baru) dan menganggotai semula Barisan Nasional.

Ada dua tajuk berita yang tersiar di akhbar keluaran hari Rabu. "UMNO (baru) tajaan Datuk Sri Dr. Mahathir" dan "UMNO sah kembali". Saya berpendapat kedua tajuk berita itu benar belaka; yang pertama menceritakan hal yang sebenar mengikut undang-undang dan tajuk yang kedua, menggambarkan hakikat yang sebenar.

Pendaftar Pertubuhan akan menolak sebarang percubaan lain untuk menubuhkan sesebuah parti politik yang menggunakan perkataan UMNO atau perkataan-perkataan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Kemasukan UMNO dalam Barisan Nasional dan pemilihan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai pengerusinya menandakan bahawa UMNO sah semula.

Jawatankuasa UMNO ini akan menggerakkan semula UMNO di peringkat cawangan dan bahagian dengan cara menubuhkan jawatankuasa bahagian sementara. Perdana Menteri telahpun menyatakan bahawa bukan semua orang akan diterima untuk masuk UMNO. Ini

bermakna bahawa sebahagian kecil daripada bekas-bekas ahli UMNO yang dulu tidak akan diterima oleh parti baru ini.

Pucuk pimpinan UMNO yang baru ini mempunyai kira-kira 18 bulan untuk mengadakan perhimpunan agungnya. Besar kemungkinannya UMNO (baru) ini akan mengadakan perhimpunan agungnya yang pertama pada pertengahan tahun 1989.

Dalam masa sebulan dua ini kita akan mengetahui apakah tindakan yang akan diambil oleh mereka yang tidak diterima oleh pucuk pimpinan UMNO yang baru ini.

Dalam masa sebulan dua ini kita akan mengetahui tidak akan diterima oleh pucuk pimpinan UMNO yang baru ini.

Buat masa ini, saya tidak bercadang untuk mengulas suasana politik UMNO sehingga beberapa petanda besar timbul yang akan menunjukkan haluan perjuangan politik orang-orang UMNO yang menentang pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Negara telah merdeka lebih daripada 30 tahun. Mereka yang berumur bawah daripada 40 tahun tidak mempunyai pengalaman dengan penjajahan dan mereka ini berjumlah hampir tiga suku daripada penduduk negara.

Hari demi hari perjuangan kemerdekaan akan luput dari ingatan sebahagian besar penduduk negara kita dan barangkali dalam abad yang kedua puluh satu, iaitu hanya 12 tahun sahaja lagi, sambutan 31 Ogos akan bertukar corak.

Saya percaya rakyat Malaysia sekarang ini adalah lebih matang daripada mereka yang hidup dalam suasana penjajahan.

Yang penting ialah kepercayaan rakyat terhadap pemerintahan demokrasi berparlimen.

Dalam masa pucuk pimpinan UMNO (baru) ini menggerakkan semula jentera yang dulunya begitu di atas nama UMNO, mungkin ada di antara wakil rakyat yang tidak akan diterima, atau yang tidak mahu memohon untuk menjadi ahli parti. Dalam keadaan yang sedemikian akan timbullah beberapa soal perlembagaan.

Saya percaya semua anggota Parlimen akan menyatakan pendirian mereka sebelum Parlimen bersidang. Begitu juga halnya tentang kedudukan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Apa pun yang akan berlaku dalam memulihkan UMNO seperti sediakala, keadaan politik negara akan bertambah stabil dan orang ramai tidak akan tertanya-tanya lagi tentang pergolakan dalam UMNO.

Pentadbiran negara ini terletak kepada parti yang mewakili bangsa Melayu dan selagi parti itu tergugat selama itulah pula kestabilan negara akan tergugat sama.

Suasana politik yang tenteram adalah perkara pokok untuk kemajuan sesebuah negara.

Saya fikir ramai pelabur asing teragak-agak untuk melabur di Malaysia dalam masa setahun dua ini, disebabkan oleh pergolakan dalam UMNO. Selagi UMNO tidak menunjukkan kestabilannya, selama itu pulalah pelabur asing tidak akan menunjukkan minat untuk melabur di negara kita ini.

Selain daripada negeri Jepun, ada empat buah negara lain di Asia yang mencapai kemajuan yang cemerlang dalam masa dua puluh tahun ini. Negara-negara itu ialah Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura.

Malaysia mempunyai banyak lagi kemudahan daripada negara-negara yang disebutkan itu. Kekayaan hasil bumi Malaysia melebihi mereka. Tanah Malaysia lebih subur.

Korea Selatan sentiasa berwaspada tentang ancaman pemerintahan komunis Korea Utara. Begitu juga Taiwan; ia mempunyai angkatan tentera yang kuat untuk menghadapi bahaya ancaman daripada pemerintahan komunis China. Hong Kong ialah sebuah pulau yang tidak mempunyai apa-apa keistimewaan melainkan pelabuhan yang baik. Dan begitu juga Singapura.

Negara-negara itu tidak mengeluarkan minyak petroleum ataupun gas asli.

Kita hendaklah mengkaji kenapa sebuah negara yang begitu kaya tidak dapat menandingi negara-negara yang saya sebutkan itu.

Memanglah negara kita tidak akan ke mana-mana, atau akan mencapai kemajuan jika tujuan utama dalam hidup bangsa ialah untuk menjadi ketua bahagian UMNO; dan selepas itu memohon kawasan balak, atau tanah lombong atau tanah kerajaan yang lain dan selepas itu dijual kepada orang lain dan terus beli kereta mewah dan melahu di *coffee house* di hotel-hotel mewah di Kuala Lumpur.

Yang mempunyai wang yang lebih akan bercuti pula keluar negeri.

Dan kenapakah kita mempunyai 40,000 siswazah menganggur? Negeri Jepun mengeluarkan lebih daripada 600,000 orang siswazah pada tiap-tiap tahun dan tidak ada masalah pengangguran di kalangan mereka.

Empat tahun dulu, pendapatan per kapita kita melebihi Korea Selatan, tetapi sekarang mereka telah jauh lebih ke hadapan. Adalah dianggarkan pendapatan per kapita Korea Selatan akan melebihi kita dua kali ganda dalam masa sepuluh tahun lagi.

Begitu juga Taiwan. Lapan tahun dulu, pendapatan per kapitanya kurang daripada kita, tetapi sekarang mereka telah meninggalkan kita jauh ke belakang.

Inilah masalah yang patut mendapat perhatian yang serius. Dan kita tidak akan dapat memberi perhatian yang serius jika terlampau banyak berpolitik, terutama sekali politik parti.

Terlampau ramai orang kita membicarakan tentang politik parti, hinggalah kita tidak ada masa untuk memikirkan perkara-perkara yang lain.

Saya harap pucuk pimpinan UMNO (baru) ini tidak menghabiskan terlalu banyak masa untuk menggerakkan semula UMNO. Datuk Sri Dr. Mahathir mempunyai 18 bulan untuk berbuat demikian. Saya percaya Perdana Menteri akan dapat menumpukan masa yang lebih kepada soal-soal pembangunan negara untuk menjamin masa depan yang lebih cerah kepada bangsa dan negara kita.

UMNO PUNYA BANGUNAN IBU PEJABAT PALING BESAR DI DUNIA

SEBELUM UMNO diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi beberapa bulan dulu, ia mempunyai bangunan yang menjadi ibu pejabatnya, yang terbesar sekali di antara parti-parti politik di dunia. Kenyataan ini barangkali memeranjatkan kita, tetapi ia adalah satu kenyataan yang benar.

Ibu pejabat Parti Republikan ataupun Parti Demokratik di Amerika Syarikat tidak sebesar *Putra World Trade Centre* di mana terletaknya Ibu Pejabat UMNO. Ibu pejabat Parti Konservatif atau Parti Buruh di Britain tidak sebesar Ibu Pejabat UMNO. Kongres Parti di India atau Parti Golkar di Indonesia pun tidak sehebat Ibu Pejabat UMNO. Rasanya tidak perlulah saya bandingkan dengan pejabat parti-parti politik di Sri Lanka, atau Kenya atau di Sweden.

Kenapa UMNO membina sebuah bangunan yang paling besar di Kuala Lumpur untuk menempatkan ibu pejabatnya?

Ada banyak sebabnya dan di antaranya ialah untuk membuat kenyataan ataupun pengakuan bahawa ia sebuah parti yang terbesar dalam negeri ini dan parti yang berkuasa. Satu sebab yang lain ialah untuk melabur dan mengharapkan pulangan yang munasabah daripada pelaburan itu. Dan barangkali juga sebagai parti yang mewakili orang-orang Melayu, untuk menaikkan semangat dan menjadikan perangsang menandakan kebangkitan bangsa Melayu dalam bidang perniagaan. Dan mungkin ada lagi sebab yang mendorongkan pemimpin-pemimpin UMNO merancang dan membina PWTC ini hingga menjadi satu kenyataan.

Semua ahli UMNO berasa bangga melihat bangunan UMNO ini, sungguhpun agak payah juga untuk melawat ibu pejabat partinya disebabkan kawalan keselamatan yang begitu ketat.

Sekarang ini, disebabkan oleh perintah Mahkamah Tinggi bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah, maka hartanya ditadbirkan oleh Pejabat Official Assinee.

Mengikut peraturan yang ada UMNO (baru) hendaklah dianggotai oleh lebih daripada 50 peratus daripada ahli UMNO yang tidak sah sebelum dapat membuat permohonan kepada mahkamah untuk memindahkan harta UMNO kepadanya. Mungkinkah ia dapat berbuat demikian dalam masa setahun masih lagi menjadi tanda tanya.

Apa yang saya hendak perkatakan di sini ialah tentang soal sama ada sesebuah parti politik di sini atau di mana saja mengumpulkan harta yang banyak dan apakah akibatnya kepada ahli dan masyarakat seluruhnya.

UMNO mempunyai sejarah yang luar biasa. Lahir dalam istana, menentang penjajahan sambil mempertahankan kedaulatan Raja-Raja dan akhirnya bekerjasama dengan kuasa Inggeris untuk mendapatkan kemerdekaan daripada mereka.

Dari segi undang-undang beberapa negeri Melayu tidak pernah pun dijajah, hanya mendapat 'perlindungan' dan nasihat sahaja daripada Kerajaan British sungguhpun pada praktiknya, perlindungan itu adalah penjajahan.

UMNO mewakili bangsa Melayu yang begitu miskin dan apabila memegang tampuk pemerintahan, mereka sedar bahawa kekayaan negara berada di tangan orang lain dan kebanyakannya dipunyai oleh syarikat-syarikat yang dijalankan dari London.

Daripada tahun '57 hingga tahun '65, Parti UMNO tidak mempunyai kewangan yang kukuh hingggakan hendak membayar gaji kaki-tangan ibu pejabatnya pun kadang-kadang mempunyai masalah.

Dua tiga tahun selepas merdeka, pemimpin-pemimpin UMNO telah memutuskan supaya tiap-tiap bahagian UMNO mendirikan bangunan masing-masing dan tiap-tiap buah negeri membina sebuah bangunan UMNO yang boleh menjadi lambang kepada kekuatan parti.

Dari tahun '59 hingga ke tahun '65 hampir semua bahagian UMNO telah berjaya mendirikan bangunan masing-masing. Ada juga bahagian yang tidak berjaya mendirikan bangunan masing-masing pada tahun '65, tetapi hingga akhir tahun 1970, rasa saya tidak ada bahagian UMNO yang tidak mempunyai bangunannya sendiri.

Dan setelah mengumpulkan pelbagai pelaburan UMNO pun

mendirikan ibu pejabatnya dalam tahun 1980. Tetapi malangnya apabila bangunan ini siap tiga tahun kemudian, kota Kuala Lumpur telah mempunyai ruang pejabat yang berlebihan dan negara sendiri mengalami kemerosotan ekonomi.

Dalam tahun 1982 sewa pejabat dalam satu bangunan mewah ialah \$4 bagi satu kaki persegi, sekarang ini telah turun tidak sampai \$2; dan itupun tidak cukup orang yang hendak menyewa.

Banyak di antara rumah-rumah UMNO bahagian yang telah jelas pembayarannya dan ada yang hanya tinggal sedikit sahaja lagi tetapi masih ada lagi yang terhutang dengan banyaknya.

Dalam penjagaan OA masalah ini akan merumitkan lagi. Sekarang ini bangsa Melayu telah banyak berubah. Dalam masa 20 tahun ini sahaja pelbagai perubahan telah menimpa bangsa Melayu, bukan semuanya menggembirakan.

Yang jelas ialah ahli-ahli UMNO telah berubah corak. Mereka yang menghadiri persidangan atau perhimpunan agung UMNO akan merasai perubahan ini. Bandingkan mereka yang hadir pada tahun 1960 dengan mereka yang hadir dalam perhimpunan yang terakhir dulu.

Yang hadir dalam tahun '60 banyak yang naik motosikal, atau bas sewa khas, atau tumpang kereta Mini Minor atau Ford Prefect kepunyaan ketua perwakilan dan menginap di rumah saudara mara di kampung Baru atau di hotel-hotel Jalan Tuanku Abdul Rahman. Dan bandingkan dengan mereka yang datang keperhimpunan tahun sudah. Sebahagian kecil di antara mereka menghadiri kedua-dua perhimpunan itu.

Perlukah sesebuah parti politik itu mempunyai ibu pejabat, atau di peringkat bahagian, bangunan yang besar?

Adakah harta yang banyak ini menjadi punca perbalahan? Patutkah sesebuah parti politik, yang mungkin berkuasa atau yang akan berkuasa melibatkan parti itu dalam perniagaan? Adakah jalan lain untuk mendapatkan sumbangan daripada ahli ataupun daripada orang ramai, untuk membiayai perbelanjaan sesebuah parti itu?

Soal ini saya kemukakan sambil kita menyambut perayaan Aidilfitri yang selalunya diambil kesempatan untuk membuat seruan supaya mereka yang berbalah akan berbaik semula. Barangkali kepada orang-orang UMNO yang sedang berbalah sekarang ini seruan saya itu tidak akan memberi apa-apa kesan.

Saya percaya semua mereka yang berbalah ini menyatakan bahawa mereka berbuat demikian untuk kebaikan bangsa dan negara. Biarlah Allah S.W.T. sahaja yang membalasnya.

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada saudara mara dan sahabat handai dan para pembaca semua, terutama sekali saya dalam masa dua tiga tahun ini tidak lagi mengirinkan kad Selamat Hari Raya kepada sesiapapun, hanya isteri saya sahaja yang kadang-kadang menjawab kad-kad yang saya terima. Kepada mereka saya ucapkan terima kasih.

Kepada para pembaca, terutama sekali yang berpendapat bahawa saya selalu terkasar bahasa dan selalu membangkitkan isu-isu yang kontroversial, saya juga minta maaf kerana semua tulisan saya selama ini adalah dibuat dengan jujur dan ikhlas. Saya berdoa semoga kita semua diberkati Allah dan akan dapat berpuasa setahun lagi pada tahun hadapan.

SIAPAKAH YANG AKAN WARISI HARTA UMNO LAMA?

MINGGU sudah saya menulis tentang Ibu Pejabat UMNO, dan mengemukakan soalan sama ada sesebuah parti politik itu patut mengumpulkan harta yang banyak dan apakah akibatnya kepada ahli dan masyarakat seluruhnya.

Pada keseluruhannya kebanyakan ahli UMNO yang saya temui dalam perayaan Hari Raya minggu sudah bertanyakan kepada saya berapa banyakkah agaknya harta UMNO yang sekarang ditadbirkan oleh Official Assignee, dan tidak ada yang mahu memikirkan masalah yang saya timbulkan itu.

Barangkali disebabkan oleh kerana kita sedang menyambut Hari Raya, maka kita tidak bersedia berfikir panjang; lagipun majlis seperti itu adalah untuk bermaaf-maafan, sekurang-kurangnya dosa yang tidak berkait dengan UMNO.

Tentang soal UMNO ini, nampaknya belum ada banyak maaf-maafan. Dan agak sukar juga untuk meminta maaf kerana tidak sempat hendak bertemu di antara satu sama lain.

Berbalik kepada soalan; berapa banyakkah harta UMNO yang dikatakan tidak sah itu?

Pelbagai telahan telah dibuat. Saya percaya kesemuanya tidak betul, atau tidak tepat. Mungkin UMNO sendiripun tidak tahu dengan tepat berapa banyakkah jumlah hartanya.

Beberapa majalah asing telah membuat liputan tentang harta UMNO berdasarkan beberapa maklumat yang didapati di Pejabat Pendaftaran Syarikat dan berita yang disebarkan oleh orang-orang tertentu.

Ada laporan yang menyatakan bahawa sesebuah syarikat itu dipunyai oleh UMNO tetapi sebenarnya dipunyai oleh ahli-ahli parti secara individu. Koperasi Usaha Bersatu Malaysia umpamanya dimiliki oleh ahli UMNO bukan oleh parti dan begitu juga Malaysia General Investment Corporation Berhad, tidak ada kena mengena dengan UMNO.

Sebaliknya ada juga orang perseorangan yang mempunyai saham dalam sesebuah syarikat yang dipegang untuk UMNO, baik UMNO pusat mahupun UMNO bahagian, tetapi telahpun menjalankan urusan perniagaan seolah-olah saham itu kepunyaannya sendiri!

Oleh kerana UMNO adalah sebuah parti politik, kebanyakan urusan perniagaannya dijalankan oleh pemegang-pemegang amanah parti itu.

Sebuah lagi majalah asing telah menganggarkan harta UMNO pusat berjumlah kira-kira \$1,000 juta dan UMNO bahagian, \$250 juta. Ini bermakna tiap-tiap ahli UMNO mempunyai harta kira-kira \$900 seorang. Saya tolong buat kira-kira ini kerana di kampung-kampung ada orang menyatakan bahawa kalau harta UMNO lama dibahagi-bahagikan maka seseorang itu akan dapat di antara \$7,000 hingga \$10,000!

Saya sendiri tidak fikir UMNO mempunyai harta seperti yang disebut-sebutkan itu. Mungkin angka itu betul sebelum ditolak dengan hutang UMNO. Bagaimanapun, bagi sesebuah parti politik mempunyai harta yang bernilai beratus juta ringgit pun akan menimbulkan masalah.

Dalam masa beberapa bulan lagi Pejabat Official Assignee akan mengetahui kedudukan yang sebenar mengenai harta yang dimiliki oleh UMNO dan kalau sekiranya pejabat OA mengenakan bayaran komisyen biasanya, pendapatannya bagi tahun '88 dan '89 ini akan mencatatkan satu rekod baru.

Siapakah yang akan mewarisi harta UMNO ini? Megikut peraturan Akta Pertubuhan yang baru dipinda, parti yang baru yang menggantikan UMNO yang diisytiharkan tidak sah itu hendaklah dianggotai lebih daripada setengah daripada anggota parti yang lama yang mempunyai harta itu, barulah ia berhak mewarisinya.

Sebagai contoh UMNO lama dikatakan mempunyai ahli seramai 1,400,000 orang; parti yang baru ini hendaklah menunjukkan bahawa lebih daripada 700,000 orang ahli partinya terdiri daripada ahli Parti UMNO lama. Ahli-ahli dari Parti PAS atau HAMIM dan DAP tidak diambil kira.

Permohonan ini hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi dan mendapat sokongan daripada Pendaftar Pertubuhan dan Official Assignee, (sekurang-kurangnya OA tidak menentang).

Besar kemungkinannya permohonan yang sedemikian rupa akan mendapat bantahan daripada golongan yang membantah pucuk pimpinan sekarang ini. Saya fikir permohonan ini hanya akan selamat jika UMNO (baru) mendapat lebih daripada 60 peratus daripada ahli UMNO lama menyertai UMNO baru iaitu kira-kira 850,000 orang.

Ada dua lagi jalan lain yang boleh diambil oleh mahkamah untuk menyelesaikan perkara harta UMNO ini. Saya belum mahu lagi berfikir ke arah itu. Pertama, ialah membahagi-bahagikan harta ini kepada ahli-ahlinya. Mungkin tiap-tiap ahli UMNO akan dapat \$200 seorang; dan jika difikirkan ini terlalu rumit kerana anggota UMNO terlampau ramai ia boleh dimasukkan dalam kumpulan *Consolidated Account* (kumpulan wang yang disatukan) kerajaan ataupun didermakan kepada mereka yang berhak menerimanya, seperti anak yatim dan fakir miskin.

Apabila saya nyatakan kemungkinan ini kepada seorang tokoh veteran UMNO yang belum lagi mengisi borang UMNO (baru), beliau tertawa besar sambil berkata: "Itulah yang sebaiknya; semoga Tuhan akan ampunkan dosa mereka dan dosa kita semua."

Mungkin ini satu cadangan yang radikal tetapi kalau kita percayakan pada hari akhirat ia akan menjadi satu cadangan yang membina dan menggalakkan pula.

Perdana Menteri bersama-sama Tengku Razaleigh dengan restu Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Hussein Onn membuat permohonan ke mahkamah supaya menjualkan semua harta UMNO lama dan kemudian bayar semua hutang UMNO dan bakinya didermakan kepada mereka yang patut menerimanya.

Sebaik-baiknya permohonan kepada mahkamah ini hendaklah dibuat oleh semua Presiden, timbalan, naib-naib presiden, bendahari, Setiausaha UMNO dan mereka yang pernah memegang jawatan-jawatan itu yang masih hidup lagi.

Untuk mengelakkan daripada kejatuhan harga semua harta UMNO dengan mendadak, satu yayasan patutlah dibentuk untuk menguruskan semua aset UMNO ini dan yayasan ini akan menguruskan harta-benda UMNO ini dengan cara yang cekap dan profesional.

PWTC dan pelbagai lagi harta yang lain boleh ditadbirkan oleh yayasan ini untuk kepentingan bangsa Melayu khasnya dan rakyat Malaysia lain amnya.

UMNO baru boleh menaikkan yuran tahunannya kepada \$5 setahun dan mula memungut derma baru; dan kalau Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya ingin menubuhkan satu parti baru (apabila semua kes di mahkamah selesai) beliau juga terpaksa cari duit baru dan kenaikan yuran tahunan yang lebih tinggi daripada UMNO lama.

Kalau kena muafakatnya, kedua-dua belah pihak bolehlah diberi wang pelancaran sebanyak sepuluh atau 20 juta bagi satu pihak.

Derma daripada harta UMNO ini mungkin akan diberi ganjaran dan pahala oleh Allah S.W.T. kepada para penderma yang dulu, para pemimpin UMNO yang telah meninggal dunia dan yang masih hidup lagi. Bagaimana?

TIDAK ADA PILIHAN LAIN LAGI BAGI TENGGU RAZALEIGH MELAINKAN UNDUR

SEMUA langkah untuk menghidupkaan UMNO melalui mahkamah telah berakhir dan sesiapa sahaja yang masih bergerak di bawah panji-panji UMNO 46 adalah dianggap menyalahi undang-undang.

Tengku Razaleigh Hamzah yang mengetuai gerakan ini pernah menyatakan bahawa beliau dan penyokong-penyokong akan meneruskan perjuangan mereka ke Parlimen pula. Saya tidak nampak jalan bagaimana mereka dapat berbuat demikian.

Memanglah seseorang anggota Parlimen itu bebas membawa sebarang usul seperti yang selalu dibawa oleh pihak pembangkang tetapi semua usul yang seperti itu telah ditolak di peringkat Tuan Speaker lagi. Dan Tengku Razaleigh tentulah faham bahawa sebarang langkah beliau untuk menghidupkan UMNO lama atau UMNO 46 tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat sokongan Perdana Menteri dan anggota UMNO (baru).

Apakah barangkali yang akan berlaku di kalangan penyokong-penyokong UMNO 46 atau lebih tepat kalau saya katakan di kalangan penentang Perdana Menteri.

Semua penyokong kerajaan, termasuk mereka yang dahulunya penyokong Tengku Razaleigh telah membuat seruan supaya orang-orang UMNO bersatu semula. Seruan ini nampaknya senang dibuat daripada dijalankan.

Tengku Razaleigh tidak mempunyai banyak pilihan. Presiden UMNO (baru) telah menyatakan dengan lantang bahawa Tengku Ra-

zaleigh dan kira-kira seratus orang penyokong beliau tidak akan diterima oleh UMNO (baru).

Jelaslah bahawa mereka tidak dapat memohon untuk menyertai UMNO (baru) walaupun jika mereka mahu UMNO (baru) ialah untuk 99.9 peratus untuk ahli-ahli UMNO lama, tetapi bukan untuk Tengku Razaleigh dan penyokong-penyokongnya.

Beliau boleh menjadi anggota Parlimen Bebas seperti yang dibuat oleh Datuk Shahrir Samad dan diikuti oleh Encik Taufik Tun Ismail. Jalan ini adalah jalan kehancuran politiknya dan saya tidak fikir Tengku Razaleigh akan berbuat demikian.

Beliau juga boleh memasuki salah sebuah parti pembangkang tetapi perbuatan ini akan ditertawakan oleh kawan dan lawan.

Nampaknya beliau tidak ada pilihan lain selain daripada menuhkan sebuah parti politik yang baru dan yang tidak menyamai dan menyerupai nama UMNO kerana nama itu telah digunakan oleh Umno (baru).

Beliau hendaklah sentiasa sedar bahawa apa sahaja pertubuhan politik yang akan didaftarkan, ia hendaklah mendapat kelulusan dari Pendaftar Pertubuhan.

Buat masa ini Tengku Razaleigh tidak mempunyai pilihan lain, melainkan beliau hendak berundur daripada arena politik, tetapi politik ini adakalanya seperti najis dadah; apabila seseorang itu telah 'gian' paling sukar hendak berhenti; dan tidak ada pula di negara kita ini pusat pemulihan orang-orang yang 'giankan' politik. Yang terpaksa berhenti nampaknya terpaksa ke Pudu atau ke Taiping, tetapi apabila keluar nanti belum pulih!

Bilakah agaknya Tengku Razaleigh akan membuat pengumuman ini? Inilah yang sedang difikirkan oleh penyokong-penyokong beliau sekarang ini.

Pilihanraya kecil Johor Baharu yang akan berlangsung pada 25 Ogos ini akan menjadi satu petanda, kerana Datuk Shahrir yang bertanding sebagai seorang calon Bebas mendapat sokongan daripada kumpulan Tengku Razaleigh.

Datuk Radzi Sheikh Ahmad mungkin meletakkan jawatan sebagai seorang ahli Parlimen Kangar dan akan bertanding lagi sebagai seorang calon Bebas, seperti yang dibuat oleh Datuk Shahrir. Ramai orang yang tidak faham tentang strategi yang mungkin diambil oleh beberapa orang penyokong Tengku Razaleigh.

Sekiranya Tengku Razaleigh mengumumkan penubuhan sebuah parti baru (itu pun kalau mendapat kelulusan daripada Pendaftar Per-

tubuhan) beberapa anggota Parlimen dan anggota Dewan Negeri akan membuat pilihan sama ada akan menyokong beliau atau pun akan memberikan sokongan yang bulat kepada UMNO (baru) pimpinan Perdana Menteri.

Beberapa penyokong kuat Tengku Razaleigh semasa pilihan pucuk pimpinan UMNO dalam tahun 1986 dulu telah pun meninggalkannya. Ada yang menyokong Perdana Menteri, seperti Datuk Abdullah Badawi dan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Datuk Musa Hitam, sungguhpun enggan menyertai UMNO (baru) nampaknya tidak menyokong penuh perjuangan Tengku Razaleigh. Beberapa orang yang lain belum lagi menampakkan pendirian yang tertentu.

Lebih lama lagi Tengku Razaleigh menangguhkan keputusannya menubuhkan sebuah parti baru, lebih ramai lagilah penyokong beliau yang akan menyertai UMNO (baru).

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai banyak alasan untuk meyakinkan bekas ahli-ahli UMNO bahawa UMNO (baru) inilah yang mewarisi perjuangan UMNO yang ditubuhkan oleh Datuk Onn Jaffar dan diikuti pimpinan Tengku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Semestinyalah sebarang penubuhan parti lain yang akan dianggotai oleh ahli-ahli UMNO lama akan membawa kepada perpecahan dikalangan pemimpin-pemimpin Melayu yang akan merugikan bangsa Melayu sendiri. Oleh sebab itu penubuhan parti baru ini hendaklah dielakkan.

Persatuan di antara orang-orang Melayu memanglah satu keadaan yang ideal, yang menjadi idaman tetapi yang menjadi idaman atau impian itu memang sukar untuk dicapai. Dalam situasi atau keadaan yang demikian, barangkali kurang adil untuk seseorang itu menuduh seseorang yang tidak bersetuju dengan pendapatnya sebagai musuh bangsa dan negara.

Sistem pemerintahan demokrasi berparlimen membolehkan bahkan menggalakkan perbezaan pendapat dalam mencapai cita-cita masing-masing. Semua orang ingin menggambarkan cita-cita dirinya sama atau selari dengan cita-cita bangsanya.

Saya tidak yakin bahawa seseorang bangsa kita berniat jahat terhadap negara bangsanya. Adakalanya perbuatan seseorang itu kelihatan sebagai memusuhi bangsanya sendiri, tetapi itu hanyalah dipandang dari kaca mata seseorang itu.

Rakyat Malaysia, terutama sekali bangsa Melayu telah melalui liku-liku sejarah yang panjang dan dalam masa tiga puluh tahun ini telah banyak menunjukkan kematangan yang diharapkan daripada satu bangsa

yang merdeka dan sekarang berpelajaran tinggi.

Perpecahan pendapat di antara mereka yang mengaku menjadi pemimpin, sepatutnyalah tidak membimbangkan para pengikut mereka. Malah, perbezaan pendapat ini dianggap sihat dalam satu pemerintahan, terbuka seperti di negara kita ini.

Barangkali "nasib" kita telah ditakdirkan, ramai benar yang ingin menjadi Perdana Menteri, apalagi yang ingin menjadi Menteri Besar dan menjadi menteri kabinet. Asalkan pertandingan ini tidak melibatkan kekerasan atau menyalahgunakan kuasa atau fitnah-memfitnah, ia tidak perlu dibimbangkan.

Rakyat Malaysia, dari semua keturunan berhak mendapatkan pimpinan yang jujur dan ikhlas dan kepada mereka yang tidak dapat berbuat demikian patutlah mengundurkan diri.

Saya tidak bercadang untuk meramalkan siapa yang akan menang dalam pilihanraya kecil Johor Bahru hujung bulan ini. Kemenangan calon manapun ialah satu kemenangan pengundi-pengundi di Johor Bahru. Tidak ada siapa yang patut berkecil hati apabila menerima kekalahan nanti, kerana yang pasti menang ialah rakyat sendiri.

Dengan itu saya ucapkan selamat berkempen kepada ketiga-tiga calon yang sedang bertanding dan kepada para pengundi buatlah pilihan sendiri, walaupun pergi mengundi naik kereta-kereta yang tertentu.

Dan kalau dapat nasi bungkus atau belanja makan anggaplah itu satu ganti rugi kerana meninggalkan tugas untuk mencari rezeki. Saya dapati sukar untuk memberi terjemahan yang tepat untuk ungkapan bahasa Inggeris '*we do not live by bread alone.*'



APAKAH PILIHANRAYA KECIL AKAN BERLARUT HINGGA 1991?

MINGGU sudah Datuk Rais Yatim, bekas Menteri Luar dan jurucakap kepada kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah memberitahu satu sidang akhbar di pejabatnya bahawa 13 orang anggota Dewan Rakyat dari UMNO lama yang enggan menyertai ataupun yang tidak diterima oleh UMNO (baru) telah meminta Speaker Dewan Rakyat supaya menukarkan tempat duduk mereka kepada tempat duduk pembangkang.

Tiga belas orang ini akan menyertai Datuk Shahrir Samad dan Encik Tawfik Tun Dr. Ismail di tempat duduk pembangkang. Datuk Musa Hitam dan Datuk Adib Adam belum lagi berbuat sesuatu kerana mereka tidak menghadiri perjumpaan di antara mereka yang menyokong Tengku Razaleigh.

Jikalau Datuk Musa dan Datuk Adib tidak menyertai UMNO pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir, mereka juga dijangka bertukar tempat duduk.

Permohonan untuk bertukar tempat duduk juga akan dibuat oleh beberapa ahli Dewan Undangan Negeri dalam masa dua tiga minggu yang akan datang ini.

Jelaslah sekarang ini bahawa satu kumpulan ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Negeri akan terbentuk di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah; satu kumpulan yang akan menentang UMNO di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Selepas ini satu parti politik baru mungkin ditubuhkan untuk menyatukan mereka ini. Penubuhan parti baru ini akan dibuat hanya se-

lepas semua perbicaraan yang sedang ditangguhkan di Mahkamah Agung selesai, mungkin dalam masa satu atau dua bulan lagi.

Memanglah berat hati mereka menubuhkan satu parti baru dan meninggalkan UMNO, dan seterusnya menentang UMNO pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Tetapi mereka tiada mempunyai pilihan lain.

Apakah kemungkinan Perdana Menteri dan kumpulan Tengku Razaleigh mengadakan rundingan untuk mencari jalan bagi mengelakkan perpecahan di antara mereka ini? Banyak seruan yang telah dibuat supaya Perdana Menteri dan timbalannya Encik Ghafar Baba berunding dengan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam.

Saya tidak fikir perundingan dapat diadakan. Ada beberapa sebab kenapa saya berpendapat demikian. Pertama, undangan ini hendaklah datangnya daripada Perdana Menteri dan beliau tidak akan berbuat sesuatu.

Kedua, sebelum perundingan dapat diadakan, semua kecaman dan tuduhan serta sindiran hendaklah dihentikan, dan tidak ada tanda-tanda ini akan berlaku.

Ketiga, pemimpin-pemimpin di peringkat negeri (yang barangkali tidak tahu menahu tentang perselisihan di antara Perdana Menteri dengan Tengku Razaleigh) hendaklah menghentikan campurtangan mereka dalam perselisihan ini, tetapi mereka masih lagi mengeluarkan pendapat masing-masing.

Sepatutnya mereka hendaklah menumpukan tugas masing-masing, seperti mentadbirkan negeri masing-masing dengan cekap.

Dan keempat, adalah pendapat saya bahawa perpecahan di kalangan mereka begitu mendalam, hinggakan tidak ada jalan lain, selain daripada kumpulan Tengku Razaleigh menubuhkan sebuah parti baru.

Semua pemerhati politik berpendapat, ketidakstabilan suasana politik di negeri kita ini sekarang adalah berpunca daripada perpecahan UMNO. Dunia asing berpendapat bahawa orang-orang Melayu hendaklah bersatu-padu untuk keutuhan negara.

Yang makin mengeruhkan suasana ialah ketidaktentuan arah politik negara sekarang ini. Lebih cepat keadaan yang tidak menentu ini dihapuskan, lebih baiklah keadaan negara kita.

Saya percaya perpecahan di antara UMNO pimpinan Perdana Menteri dengan kumpulan yang menyokong Tengku Razaleigh tidak akan memberi kesan yang buruk kepada negara kita. Pelabur asing

tidak memberikan terlalu banyak pertimbangan kepada perpecahan ini.

Andainya kumpulan Tengku Razaleigh akan menubuhkan sebuah parti baru, dan sebelum ia terlaksana, beliau akan memberi tentangan kepada pimpinan Perdana Menteri, rakyat negara ini, terutama sekali orang Melayu yang akan menjadi hakim kepada perselisihan mereka.

Bulan depan akan diadakan pula pilihanraya kecil peringkat negeri di Johor. Pemimpin-pemimpin UMNO (baru) seperti biasa, meramalkan bahawa calon Barisan Nasional dari UMNO baru akan memenangi kawasan ini.

Dan sekiranya mereka kalah di tangan calon bebas sokongan puak Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam, harapan UMNO (baru) hendak bertapak di Johor akan menjadi pudar.

Sekiranya calon Barisan Nasional menang, harapan UMNO (baru) di Johor akan bertambah cerah lagi; dan bolehlah mereka menyatakan bahawa kemenangan Datuk Shahrir tidak boleh dijadikan kayu pengukur kepada pimpinan Perdana Menteri.

Kawasan Parlimen tempat yang berkenaan dulunya diwakili oleh Tun Hussein Onn, bekas Perdana Menteri dan sekarang diwakili oleh Encik Mustaffa Mohamad, Menteri Kebajikan.

Khabarnya terdapat sedikit kekecohan di antara penyokong-penyokong Tengku Razaleigh dengan penyokong-penyokong Datuk Musa atau Datuk Shahrir Samad dalam menempatkan seorang calon bebas yang direstui bersama.

Minggu ini kita akan tahu siapakah yang menjadi calon Barisan Nasional dan calon bebas yang akan mewakili kumpulan pembangkang. Parti PAS dan DAP telahpun menyatakan bahawa mereka tidak akan meletakkan sebarang calon. Besar kemungkinannya bahawa penyokong-penyokong mereka akan memberikan undi mereka kepada calon bebas.

Kira-kira 80 peratus pengundi di kawasan Parit Raja ini terdiri daripada orang-orang Melayu (sama ada Jawa ataupun dari suku-suku lain).

Selepas Parit Raja, di mana pula pilihanraya kecil akan diadakan? Saya percaya, kumpulan Tengku Razaleigh akan mengambil langkah untuk mengadakan satu lagi pilihanraya kecil, kawasan Parlimen, tidak kira sama ada calon Bebas menang ataupun kalah.

Sekiranya calon Bebas menang di Parit Raja, kumpulan Tengku Razaleigh akan mengadakan satu lagi pilihanraya kawasan Parlimen untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa pimpinan Perdana Menteri

tidak lagi diterima. Kalau calon Bebas kalah, mereka juga akan mencuba sekali lagi.

Besar kemungkinannya dari sekarang hinggalah tahun 1991, kita akan melihat beberapa pilihanraya kecil baik untuk Parlimen mahupun untuk kawasan pilihanraya negeri, untuk menggugat pimpinan Perdana Menteri.

Kita semua berharap, dalam keghairahan pilihanraya ini, Dasar Ekonomi Baru akan mendapat perhatian yang sewajarnya. Jangan jadi seperti pak kaduk, menang sorak kampung tergadai.

Tan Sri Abdul Samad Idris ada membuat beberapa cadangan untuk mendamaikan mereka yang sedang berkelahi ini; tetapi nampaknya cadangan beliau itu tidak mendapat sambutan dari pihak-pihak yang bersengketa.

Ramai di antara orang-orang Melayu yang tidak terlibat dalam persengketaan ini gelisah melihatkan telatah pemimpin mereka. Kita hanyalah dapat berdoa dan memohon kepada Allah S.W.T. supaya memberi rahmat dan hidayah kepada kita semua.

MOGA-MOGA TUN HUSSEIN ONN BERJAYA SEBAGAI “ORANG TENGAH”

MAKIN hari makin sukar hendak memahami percaturan politik negara terutama sekali tentang perpecahan dalam UMNO. Atau adakah fikiran saya yang buntu? Saya kurang faham apa yang telah berlaku di Perhimpunan Melayu Negeri Johor di Johor Bahru minggu sudah. Saya juga kurang pasti siapakah yang menganjurkan perhimpunan itu dan juga kurang faham akan tujuan dan maksud enam resolusi yang telah diluluskan dengan sebulat suara itu.

Pertama, siapakah yang menganjurkan Perhimpunan Melayu Johor itu? Pertanyaan yang senang seperti ini pun mendapat jawapan yang berlainan. Ada yang menyatakan bahawa ia dianjurkan oleh UMNO yang ada sekarang ini dan di Johor UMNO ini dipimpin oleh Menteri Besar Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kehadiran Tan Sri Muhyiddin dan Datuk Mohamed Rahmat yang juga menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Ada pula yang menyatakan bahawa perhimpunan dirancang oleh Datuk Musa Hitam dengan kerjasama Menteri Besar Johor selepas dua kali berbincang, sekali di Singapura dan sekali lagi di rumah Datuk Musa di Kuala Lumpur.

Dan ramai yang berpendapat bahawa yang menganjurkannya ialah Tan Sri Jalil Hassan, bekas Mufti Johor dan Datuk Lokman Musa, bekas Pengarah ITM dan bekas wakil Malaysia di UNESCO di Paris.

Dan yang akhir sekali, ada juga yang berpendapat bahawa perhimpunan ini dirancang untuk melumpuhkan kedudukan Tengku Razaleigh

Hamzah dan untuk membolehkan Datuk Musa masuk UMNO dan mendapat tempat yang utama, barangkali lebih penting daripada Datuk Abdullah Badawi tetapi belum tahu sama ada lebih penting daripada Saudara Anwar Ibrahim.

Pada saya, tidak begitu penting siapakah yang menganjurkan perhimpunan itu. Yang penting ialah, satu perhimpunan dapat diadakan di mana sebahagian besar daripada mereka yang pernah memimpin UMNO di masa lampau dan memimpin UMNO sekarang dapat bersua muka, kalau pun tidak banyak memperkatakan resolusi atau usul-usul yang telah diterima dengan sebulat suara itu.

Semestinya mereka yang memajukan keenam-enam resolusi itu telah membuat banyak perbincangan sesama mereka dan perhimpunan itu adalah sebagai satu pengesahan atau rubber-stamp sahaja. Kehadiran Tun Hussein Onn, Toh Puan Hajah Rahah dan Toh Puan Hajah Norashikin mungkin penting untuk mendapatkan sokongan anak-anak dan anak saudara mereka, Najib, Tawfik dan Shahrir.

Boleh dikatakan semua orang Johor yang bergelar Datuk ke atas hadir sama dan menjadi penganjur. Hanya Tan Sri Haji Othman Saat dan penyokong-penyokong beliau sahaja yang nampaknya tidak hadir.

Bagaimana tentang enam buah resolusi yang telah diterima oleh Perhimpunan Melayu Johor itu?

Dalam bahasa Inggeris, saya menggambarkannya sebagai *neither here nor there*. Saudari Adibah Amin (yang patut menjadi seorang penganjur) mungkin dapat menterjemahkannya ke bahasa Melayu dengan lebih tepat lagi daripada terjemahan saya sebagai "sana tidak sini pun tidak". Atau mungkin lebih tepat kalau ikut Othman Hafsham dengan "Pi Mai Pi Mai Tang Tu"nya.

Kalau kita kaji dengan mendalam, kita akan dapati bahawa resolusi satu, dua, tiga dan empat bermaksud mengembalikan UMNO yang ada sekarang kepada UMNO yang asal dan pimpinan UMNO hendaklah berdasarkan mereka yang telah dipilih pada Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987 dulu, dan begitu juga di peringkat cawangan dan bahagian.

Resolusi lima tidak membawa erti melainkan dalam sinario UMNO sekarang dan Semangat 46.

Resolusi yang keenam, meminta semua pihak memberhentikan perang dingin di antara mereka yang masih berjalan dengan rancaknya sekarang ini. Tiada ada *Glasnost* di Malaysia!

Ramai di antara mereka yang berbalah telah memberikan sambutan yang positif, melainkan kumpulan Tengku Razaleigh, Datuk Sri

Najib, Datuk Shahrir Samad dan Saudara Tawfik Tun Dr. Ismail semuanya menyambut baik perhimpunan itu kerana keluarga mereka semuanya hadir.

Datuk Musa dan Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menyokong kerana mereka yang menganjurkan perhimpunan. Perdana Menteri menyatakan bahawa Majlis Tertinggi UMNO akan dibawa berunding dan terpulanglah kepada mereka sama ada hendak menerimanya ataupun tidak.

Hari ini, hari Jum'at (hari saya menulis) enam orang di antara mereka menemui Perdana Menteri di Sri Perdana untuk menyerahkan resolusi yang telah diluluskan itu.

Saya kira sukar untuk Perdana Menteri menerima usul nombor satu hingga empat kerana ia akan merombak semua kerja yang telah dibuat untuk mendaftarkan UMNO (baru) dan membatalkan semua persidangan yang telah dibuat di Kuala Lumpur. Kalau diterima, berakhirilah krisis yang ada sekarang ini dan tersisirlah kumpulan serpihan pimpinan Tengku Razaleigh melainkan beliau juga menerima resolusi-resolusi itu.

Apa yang akan terjadi kepada mereka yang telah mengambil alih tempat mereka yang dikenali sebagai Team B? Buntu fikiran saya untuk berfikir lanjut.

Resolusi nombor lima tidak mempunyai erti apa-apa melainkan dalam konteks Semangat 46, yang tidak pun disebut langsung dalam Perhimpunan Melayu Johor itu.

Resolusi nombor enam (apa yang saya selalu sifatkan sebagai) ialah "resolusi masjid" iaitu semua orang menghindarkan daripada kemungkaran. Tetapi berapa orangkah yang hadir solat Jumaat dan terus melakukan kemungkaran? Apa telah jadi kepada Jabatan Agama Johor yang mengutip wang zakat dan fitrah?

Tun Hussein dilaporkan akan menemui sahabat karibnya Tengku Razaleigh dan lepas itu akan menemui Perdana Menteri untuk menjadi "orang tengah" dalam mencari penyelesaian ini. Kalau Tun Hussein berbuat demikian semasa perbalahan ini mula-mula berlaku dahulu, besar harapannya untuk berjaya, tetapi sekarang ini barangkali sulit sedikit.

Apa yang dianggap krisis atau perpecahan orang Melayu sekarang ini sebenarnya ialah perpecahan di antara tiga orang pemimpin, iaitu Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam.

Pada saya tidak perlu mengadakan perhimpunan, forum atau per-

sidangan yang melibatkan orang Melayu lain, kerana kebanyakan mereka tidak tahu punca yang sebenar perbalahan ini. Yang penting ialah rundingan di antara ketiga tokoh ini, seorang Perdana Menteri dan yang dua lagi yang ingin menjadi Perdana Menteri.

Jikalau Tun Hussein atau siapa juga yang hendak menjadi pendamai atau orang tengah, beliau atau siapa juga hendaklah menemui ketiga-tiga mereka ini.

Memanglah Tengku Razaleigh dan Datuk Musa pernah menyatakan bahawa bukan mereka saja yang berbalah dengan Datuk Sri Dr. Mahathir tetapi juga penyokong-penyokong mereka yang lain, tetapi saya berpendapat perbalahan ini ialah di antara mereka bertiga. Yang lain seperti pak pacak dalam bangsawan sahaja.

Pada satu masa iaitu antara 1980 dan 1982 Datuk Musa dan Tengku Razaleigh menerima pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir dan yang menjadi rebutan ialah tempat nombor dua dan ramai yang menyangka bahawa Tengku Razaleigh akan mengalahkan Datuk Musa dalam pemilihan Timbalan Presiden dalam tahun 1981 dulu tetapi pada saat-saat genting Perdana Menteri telah memberikan sokongan beliau kepada Datuk Musa.

Akhirnya 2M menjadi Mahathir Mohamad dan bukan Mahathir - Musa dan dalam tahun 1987 Datuk Musa bergabung tenaga dengan musuh ketatnya Tengku Razaleigh untuk menumbangkan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Sinario ini hendaklah difahami dan diingati selalu semasa hendak berbuat sesuatu untuk mendamaikan mereka. Bagaimanapun saya ucapkan selamat mencuba kepada Tun Hussein Onn, moga-moga beliau mencapai kejayaan.

SELESAIKAH KRISIS UMNO DENGAN KEMASUKAN SEMULA DATUK MUSA?

DATUK Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Timbalan Presiden UMNO telah 'membaharui' keahliannya dalam UMNO. Perkataan 'membaharui' itu telah digunakannya dalam satu sidang akhbar di Kuala Lumpur pada hari Selasa minggu lalu semasa mengumumkan kemasukan beliau dalam UMNO.

Beliau juga mengumumkan kemasukan empat orang lagi penyokong kuat beliau di Johor termasuk Encik Tawfik Tun Ismail, anggota Parlimen Sungai Benut, dua orang ahli Dewan Undangan Negeri, Haji Adam Abdul Hamid dan Encik Kadri Sabran, serta Haji Hamdan Yahya, bekas calon Bebas yang mewakili Semangat '46 dalam pilihanraya kecil Parit Raja bulan Oktober tahun lalu.

Barangkali Datuk Musa dan rakan-rakannya itu juga akan mengisi borang UMNO dan membayar \$1 yuran setahun. Penurunan yuran ini telah diumumkan oleh Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat. Ada juga orang yang bertanya, kenapa yuran UMNO tidak diturunkan kepada sepuluh sen setahun kalau sekiranya \$2 itu terlalu mahal!

Datuk Musa berharap supaya keputusan beliau ini akan disambut baik oleh mereka yang cintakan UMNO.

Sudah selesaiakah krisis UMNO yang disebabkan oleh perletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Datuk Musa Hitam dengan penyertaan semula beliau ke dalam UMNO?

Inilah yang menjadi tandatanya kepada mereka yang cintakan UMNO atau adakah langkah Datuk Musa dan penyokong-penyokong beliau ini akan merumitkan lagi keadaan parti?

Krisis UMNO bermula dengan perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri oleh Datuk Musa Hitam yang tidak pula meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Krisis ini kian meruncing apabila beliau bersatu tenaga dengan Tengku Razaleigh Hamzah untuk menentang pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad.

Keputusan pemilihan pucuk pimpinan UMNO dalam tahun 1987 telah menampakkan perpecahan di antara para perwakilan hinggalah kumpulan yang sekarang dipanggil kumpulan serpihan hampir menewaskan pimpinan yang ada dengan memenangi lebih daripada 49 peratus daripada undi para perwakilan.

Datuk Musa membaharui keahliannya dalam UMNO, berdasarkan penerimaan oleh Majlis Tertinggi UMNO akan kesemua enam resolusi yang telah diluluskan oleh Perhimpunan Melayu Johor pada 18 Disember tahun lalu.

Salah satu daripada enam resolusi itu mendesak supaya UMNO Johor di peringkat bahagian hendaklah mengekalkan pimpinan yang dipilih dalam pemilihan tahun 1987 dan ini mungkin menimbulkan beberapa masalah.

Bagaimanapun hanya empat atau lima bahagian sahaja yang menjadi masalah di mana ketua bahagiannya yang lama telah digantikan oleh yang baru dan di antaranya termasuklah bahagian-bahagian yang dulunya dipimpin oleh Datuk Musa dan Datuk Shahrir Abdul Samad.

Datuk Shahrir yang juga hadir dalam sidang akhbar Datuk Musa minggu sudah sebagai seorang pemerhati sahaja belum lagi menyatakan sama ada beliau juga akan membaharui keahliannya. Sayugia diingat Datuk Shahrir mengambil bahagian yang cergas dalam Perhimpunan Melayu Johor. Ramai yang meramalkan bahawa beliau akan menyertai UMNO sebelum akhir bulan ini. Kepada Datuk Shahrir masih ada kesamaran dalam penerimaan MT UMNO terhadap enam resolusi Johor itu.

Apakah peranan Datuk Musa dalam UMNO? Pada masa beliau memberi ucapan kepada Perhimpunan Agung UMNO yang memilih pucuk pimpinan yang baru, beliau memberikan amanat supaya 'jagalah UMNO dengan baik' dalam sepeninggalan beliau, seolah-olah beliau tahu bahawa Kumpulan Tengku Razaleigh - Musa Hitam akan gagal menumbangkan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau tidak memegang apa-apa jawatan dalam UMNO pusat dan untuk mengambil bahagian yang cergas, seseorang itu hendaklah menjadi seorang anggota Majlis Tertinggi. Tidak mungkin beliau ditawarkan

kan salah satu jawatan Naib Presiden UMNO sebelum pemilihan dibuat.

Adakah Datuk Musa akan ditawarkan jawatan kabinet untuk membolehkan beliau mengambil bahagian yang aktif dalam jentera kerajaan dan parti? Ini pun satu tandatanya. Sekiranya beliau ditawarkan satu jawatan kabinet, bagaimana pula kedudukan Datuk Abdullah Badawi, Datuk Ajib Ahmad, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan beberapa orang lagi yang disingkirkan selepas pemilihan tahun 1987?

Satu lagi teka-teki dalam UMNO ialah penerimaan oleh pucuk pimpinan dan beberapa orang penyokong kuat mereka.

Semasa Datuk Musa meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dulu beliau menyatakan bahawa beliau berbuat demikian ialah kerana tidak bersetuju dengan cara Perdana Menteri menjalankan peranannya sebagai Perdana Menteri.

Kita semua tidak diberitahu sama ada Datuk Musa juga tidak bersetuju dengan beberapa orang tokoh kabinet yang menyokong Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba tidak terlibat kerana beliau tidak menyertai kabinet pada masa itu. Soalnya adakah Datuk Musa menghadapi masalah yang sama pada masa sekarang ini?

Oleh sebab kesihatan Perdana Menteri terganggu pada masa ini, saya percaya semua soal-soal penting hanya akan diselesaikan selepas beliau bertugas semula dalam masa dua tiga bulan yang akan datang ini. Saya fikir tidak ada keputusan-keputusan penting akan diambil mengenai perjalanan UMNO sehingga Perdana Menteri menjalankan tugas.

Bagaimana pula tentang kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah? Ulasan-ulasan awal daripada penyokong-penyokong beliau dibuat secara sinis dan membayangkan perasaan hampa.

Datuk Musa, tatkala menjawab satu pertanyaan dalam sidang akhbarinya telah menyatakan bahawa satu perkara pokok dalam 'dilema Musa' ini dengan menyatakan bahawa beliau 'tidak diterima sepenuhnya oleh Semangat 46'.

Dan mungkingah di sini letaknya keputusan beliau membaharui keahliannya dalam UMNO?

Dalam sebuah parti yang sebesar UMNO yang lebih merupakan satu gerakan atau perkumpulan orang Melayu tentulah terdapat beberapa *faction* atau kumpulan kecil. Perkara seperti ini berlaku di beberapa buah parti-parti besar yang memerintah negara-negara lain, seperti Parti Liberal di Jepun ataupun Parti Kongres di India.

Mungkinkah UMNO akan mengamalkan kebiasaan seperti ini? Sebagai contoh, satu *faction* menyokong Datuk Musa Hitam, satu lagi menyokong Anwar Ibrahim ataupun *faction* yang dikepalai oleh Datuk Abdullah Badawi atau Datuk Sanusi Joned.

Asalkan UMNO mengamalkan demokrasi tulen yang mempunyai tradisi yang liberal, kumpulan-kumpulan seperti ini tidak membahayakan parti bahkan mungkin menjadi satu unsur kekuatan.

Perpaduan orang Melayu yang diharapkan itu akan tercapai sekiranya mereka yang mengaku pemimpin meletakkan kepentingan bangsa lebih daripada kepentingan kumpulan atau diri sendiri. Terlalu banyak perbuatan mereka yang dapat disifatkan oleh pepatah Melayu moden sebagai 'cakap tak serupa bikin.'

Kemasukan Datuk Musa Hitam dan penyokong-penyokongnya dari Johor mungkin memberikan nafas baru kepada UMNO dan dapat menyelesaikan beberapa masalah rumit yang sedang dihadapi oleh negara dan bangsa kita sekarang ini. Satu pelajaran dan pengalaman yang berguna kepada kita semua dalam masa dua tahun kebelakangan ini.

KALAU BAKAR JAMBATAN BINALAH JAMBATAN BARU

AKHIRNYA Datuk Shahrir Abdul Samad telah membaharui keanggotaannya dalam UMNO. Mengikuti kata Datuk Shahrir, lebih daripada 3,000 orang pengikut setianya juga telah berbuat demikian.

Datuk Shahrir tidak menyertai Datuk Musa Hitam semasa Datuk Musa mengumumkan penyertaannya dalam UMNO sebulan dulu sungguhpun beliau hadir dalam sidang akhbar itu dan ramai orang menyangka bahawa ada sesuatu yang dinantikan oleh Datuk Shahrir sebelum membuat keputusan untuk menyertai semula UMNO.

Saya tidak nampak apa-apa perubahan atau perkembangan baru dalam UMNO sejak Datuk Musa Hitam membuat pengumuman beliau itu. Mungkin perubahan berlaku dalam puak Datuk Shahrir sendiri.

Kemasukan semula Datuk Shahrir dan pengikut-pengikutnya ke dalam UMNO ini ada pentingnya dan memberi kesan yang baik kepada pergolakan UMNO Johor dan pada pendapat saya adalah satu kejayaan kepada pimpinan Menteri Besarnya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pergeseran dalam UMNO Johor semakin meruncing apabila Datuk Shahrir meletakkan jawatan sebagai wakil rakyat Johor Bahru dan kemudian bertanding semula sebagai calon bebas yang disokong oleh kumpulan yang menentang pimpinan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Suatu kempen yang sengit telah berlaku di mana pemimpin-pemimpin UMNO dari kedua-dua pihak telah mengecam di antara satu sama lain.

Suasana politik telah bertambah kusut lagi apabila Datuk Shahrir memenangi pilihanraya kecil itu dengan majoriti yang besar.

Kemenangan Datuk Shahrir telah memberi semangat baru kepada kumpulan yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam yang menentang pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Selepas Johor Bahru UMNO terpaksa pula berhadapan dengan semangat 46 di Parit Raja, Johor dan akhir sekali di Ampang Jaya.

Sungguhpun kemenangan yang dicapai oleh UMNO boleh dikatakan kecil dan kumpulan serpihan mendapat sokongan yang membanggakan mereka, namun kemenangan ini menunjukkan bahawa para pengundi masih mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap pimpinan yang ada sekarang ini.

Sebelum Datuk Shahrir membuat pengumuman, beberapa tokoh penting semangat 46 telah juga membaharui keanggotaan mereka. Ada yang mengadakan sidang akhbar, ada yang membuat kenyataan akhbar dan ada pula yang mengisi borang ahli secara senyap-senyap, semuanya membayangkan kemungkinan pemulihan UMNO di seluruh negara.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah komen atau ulasan yang diberikan oleh penyokong-penyokong kumpulan Tengku Razaleigh. Mereka menyifatkan orang-orang yang masuk UMNO ini sebagai tidak penting, bahkan memberi kekuatan baru kepada kumpulan itu.

Jika kita buat perhitungan, Tengku Razaleigh mendapat hampir setengah daripada undi semasa merebut jawatan Presiden melawan Datuk Sri Dr. Mahathir dan pada masa yang sama hampir 40 peratus daripada ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Negeri.

Tidak lama selepas pemilihan pucuk pimpinan parti, Perdana Menteri telah menyingkirkan kesemua di antara mereka yang menyokong Tengku Razaleigh (satu tindakan politik yang tidak dapat dielakkan). Yang lain semuanya telah menjadi sejarah, termasuklah pengharaman UMNO.

Pada masa ini sokongan kepada Tengku Razaleigh makin hari semakin merosot. Saya fikir, penarikan sokongan mereka itu bukan kerana tidak sayangkan Tengku Razaleigh tetapi memandangkan realiti politik masa kini.

Semasa Parlimen bersidang tahun lalu, 17 orang anggota Dewan Rakyat bertukar tempat, duduk sebaris dengan pihak pembangkang. Esok (Isnin) apabila Dewan bersidang lagi, angka ini akan menurun hampir separuh.

Bagaimanakah reaksi Tengku Razaleigh Hamzah tentang semua

perkembangan baru ini? Saya belum mahu hendak memperkatakan soal ini kerana saya sudah lama tidak bertemu dengan beliau; mungkin akan membuat ulasan selepas berbual-bual dengannya. Saya mempunyai perhubungan persahabatan yang rapat dengan Tengku Razaleigh dan kami pernah tinggal bersama semasa menuntut di London hampir 30 tahun lalu.

Yang ingin saya perkatakan dalam ruangan ini ialah tentang sambutan pucuk pimpinan UMNO terhadap mereka yang pada satu masa dulu menyokong Tengku Razaleigh. Barangkali pimpinan kerajaan sekarang ini memerlukan masa untuk memberikan peranan kepada mereka.

Dua minggu dulu Datuk Musa Hitam menyatakan kepada saya bahawa media kerajaan iaitu RTM seolah-olah memulaukan beliau. Datuk Musa ingin tahu adakah perkara ini mendapat sokongan daripada pucuk pimpinan. Begitu juga katanya tentang satu kumpulan akhbar (bukan kumpulan Utusan) yang nampaknya sengaja tidak menghiraukan sebarang berita yang bersangkutan dengannya.

Kemasukan Datuk Musa Hitam, Datuk Shahrir dan mereka yang dulunya menentang pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir tentulah sedikit sebanyak akan membawa perubahan dalam UMNO.

Beberapa orang di antara mereka akan menjadi ketua bahagian yang akan mengambil peranan yang cergas dalam parti. Mungkin juga mereka akan diberi tempat oleh pimpinan parti dalam beberapa badan berkanun atau syarikat-syarikat yang dipengaruhi oleh parti dan juga dalam beberapa jawatankuasa parti sendiri.

Pada zahirnya UMNO Johor sekarang ini bulat memberikan sokongan kepada pimpinan yang ada sekarang ini dan tidak ada masalah untuk menguasai negeri itu jika diadakan pilihanraya.

Negeri yang menjadi masalah sekarang ini kepada UMNO hanyalah Kelantan dan Terengganu dan itu pun kerana peranan PAS.

Sejarah politik di negara kita sejak tahun 1946 menunjukkan bahawa UMNO mempunyai tempat yang istimewa dalam hati sanubari orang-orang Melayu terutama sekali di luar Kelantan dan Terengganu. Saya tidak fikir ada parti lain yang boleh menandingi pengaruh UMNO walaupun ramai di antara pemimpin tempatan yang tidak disegani oleh masyarakat tempatan itu sendiri. Kepada mereka UMNO adalah lebih penting daripada pemimpin-pemimpinnya.

Sejarah perjuangan Datuk Onn Jaafar menunjukkan bahawa UMNO itu lebih penting daripada sebarang pemimpinnya.


Saya percaya Tengku Razaleigh sendiri arif tentang perkara ini dan itulah sebabnya beliau dan rakan-rakan tidak berani menubuhkan

sebuah parti yang tidak dapat menggunakan nama UMNO. Semangat 46 bukan sebuah parti politik; ia hanyalah satu kumpulan menyokong UMNO.

Semua jalan untuk menghidupkan UMNO lama telah ditempuhi dengan tidak mendatangkan hasil. Saya tidak yakin pertolongan PAS, apatah lagi DAP akan dapat memberikan kuasa kepada Tengku Razaleigh dan kumpulannya.

Saya rasa sudah sampai masanya untuk beliau membincangkan perkara ini dengan penyokong-penyokongnya dengan serius dan terperinci. Untuk masa 10 atau 20 tahun ini, saya rasa tidak ada jalan lain untuk mereka daripada balik ke pangkal jalan.

Kemajuan bangsa Melayu sekarang dan di masa depan banyak bergantung kepada kemantapan UMNO dan perpaduan ahli-ahli politik Melayu. Saya percaya ramai di antara mereka sedang memikirkan perkara ini. Yang sudah bakar jambatan, boleh buat jambatan baru.



Politik dan ehwal semasa

Semua rencana yang tidak dimuatkan dalam bahagian UMNO, saya jumlahkannya dalam bahagian Ehwal Awam. Peranan parti-parti politik yang lain di Malaysia adalah penting untuk kesejahteraan negara kita termasuklah parti-parti pembangkang. Akhbar-akhbar di Semenanjung tidak banyak menumpukan perhatian kepada saudara kita di Sabah dan Serawak. Saya berpendapat bahawa hal ehwal Sabah dan Serawak patut mendapat perhatian yang lebih serius daripada yang terdapat sekarang ini. Pembaca akhbar berbahasa Melayu hendaklah juga memberi perhatian yang cukup kepada masyarakat selain masyarakat bumiputera.

KEMENANGAN BN PENTING

KEMENANGAN bagi Barisan Nasional dalam pilihanraya minggu hadapan adalah penting kerana hanya ada 53 bulan saja lagi sebelum tamatnya tempoh Dasar Ekonomi Baru, selama 20 tahun. Kemenangan Barisan Nasional yang akan melebihi dua pertiga kerusi Dewan Rakyat itu terjamin dengan selesainya pergolakan politik di Sabah dan Sarawak. Barisan Nasional akan memenangi hampir seratus-peratus di kedua-dua buah negeri itu.

Di Semenanjung pula barisan pembangkang yang dipimpin oleh PAS tidak akan membawa banyak kejayaan. Mungkin PAS akan menambah kerusinya di Dewan Rakyat yang dulunya hanya satu sahaja.

Kemasukan HAMIM akan menguatkan kedudukan UMNO di Kelantan dan kerjasama PAS dengan CCC di Perak tidak akan membawa apa-apa perubahan besar kepada PAS di Perak dan Kedah. Pengaruh Haji Hadi di Terengganu tentunya akan merosot kerana ucapan-ucapan beliau tidak sedikitpun membayangkan kerjasama PAS dengan parti-parti yang bukan Islam.

Mendengar semula ucapan-ucapan Haji Hadi dari kaset-kasetnya, kita akan tertanya-tanya adakah beliau merestui kerjasama PAS dengan parti-parti bukan Islam yang sedang dirancang sekarang ini.

Saya yakin bahawa satu pergolakan besar akan berlaku dalam PAS selepas pilihanraya ini.

DAP tidak menyertai barisan pembangkang kerana tidak bersetuju dengan perjuangan PAS.

Manifesto DAP kali ini jelas menunjukkan pendirian anti-bumi-putera parti itu. Saya hairan kalau mereka ada pengundi Melayu yang akan memangkah Roket kali ini.

Harapan DAP untuk memerintah Pulau Pinang akan tinggal harapan sahaja. DAP akan dianggap berjaya kalau ia dapat menambah dua atau tiga kawasan lagi. Harapan mereka ialah mengekalkan apa yang ada dan menang di Sungai Besi.

Bagaimana tentang parti-parti baru seperti SDP dan NasMa?

Setiap kali diadakan pilihanraya UMNO akan mengambil kesempatan menggantikan beberapa orang lama dengan orang-orang baru. Ini adalah satu langkah yang bijak yang telahpun diamalkan dalam masa pilihanraya yang lalu. Hanya dengan menukargantikan wakil-wakil rakyat di semua peringkat Parti UMNO dapat mengekalkan kepercayaan rakyat kepadanya. Lagipun ini akan mendorong ahli-ahli yang berhormat sentiasa waspada terhadap tanggungjawab mereka dan menjadi wakil rakyat bukan satu pusaka.

Dalam pengalaman saya mengkaji beberapa keputusan pilihanraya dalam masa 20 tahun ini, ada beberapa perkara yang agak ketara tetapi jarang-jarang diperkatakan. Pertama, manifesto tidak penting; tidaklah sepenting yang difikirkan oleh penulis-penulis manifesto itu sendiri. Kedua, menempah beribu-ribu poster adalah satu pembaziran. Pembaziran ini ialah dari segi harga kertas dan belanja percetakan dan upah menampal poster. Perang poster tidak akan bermakna selain daripada wang yang diperolehi oleh pihak-pihak tertentu. Dalam keadaan ekonomi yang agak meleset ini, kita patut berhati-hati untuk mengeluarkan belanja yang sia-sia. Pada saya, seribu poster sama kesannya dengan sepuluh ribu poster, bezanya hanya dalam pembaziran sembilan ribu poster.

Perkara yang paling penting dalam memenangi sesuatu pilihanraya ialah "organisasi," iaitu pasukan pekerja-pekerja. Pada hari mengundi, kempen-kempen sebelum hari mengundi pun tidak begitu berkesan. Sama ada kalah atau menang hari mengundi itulah yang paling penting.

Berapa ramaiakah pekerja yang boleh menjalankan tugas? Berapa buah kereta atau kenderaan yang dapat diadakan? Berapa banyak nasi bungkus dan minuman yang dapat disediakan? Tegasnya berapa banyakkah wang ringgit yang dapat disediakan.

Undang-undang ada menghadkan perbelanjaan pilihanraya iaitu belanja yang diberitahu dalam borang. Peraturan perbelanjaan pilihanraya ini tidak ada kesannya langsung kepada kempen yang dijalankan

dalam negeri ini.

Yang paling penting siapakah yang akan membawa pakcik dan makcik dari rumah mereka ke tempat mengundi, terutama sekali di luar bandar. Dan di sinilah letaknya kekuatan UMNO. Pengundi-pengundi di luar bandar tidak pandai mungkir janji – kalau dia naik kereta Dacing, maka simbol dacinglah yang akan dipangkahnya.

DAP akan mendapat sokongan pengundi-pengundi bukan bumi-putera, tetapi kawasan pilihanraya bukan bumiputera hanya kira-kira 26 peratus sahaja, dan setengah daripadanya akan memilih calon-calon MCA dan Gerakan, dengan pertolongan undi Melayu. Tahniah saya kepada Barisan.

Pengundian seperti tahun 1969 tidak akan berulang lagi. Saya dan saudara Samad Yahya mengendalikan rancangan RTM pada malam pilihanraya tahun itu daripada pukul 8.30 malam hingga 9 pagi, kerana Menteri-menteri Perikatan pada masa itu meminta RTM meneruskan rancangan hingga Parti Perikatan mendapat majoriti di Dewan Rakyat dan kemenangan Perikatan kalau saya tak lupa, tercapai pada pukul 8.50 pagi. Satu rancangan TV yang tidak akan dapat saya lupai dan hingga ke hari ini orang ramai kenalkan saya kerana satu rancangan itu, sungguhpun saya keluar di kaca televisyen lebih daripada 500 kali dalam masa 10 tahun.

Saya lakukan semua ini, ialah kerana saya memandang tinggi terhadap Dato' Harun Idris dan menghormati beliau sebagai seorang pemimpin.

Saya kenal dengan Dato' Harun di London. Semasa saya baru tiba di London beliau telahpun lulus peperiksaan dan hanya menantikan hendak pulang ke tanahair. Dalam masa sebulan dua itu saya telahpun bersahabat dengannya.

Semasa beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO dan Menteri Besar Selangor, saya dilantik menjadi salah seorang ahli jawatankuasa EXCO Pemuda hinggalah saya meletakkan jawatan untuk berkhidmat semula dengan kerajaan sebagai Pengarah Hal Ehwal Awam RTM di Angkasapuri.

Dato' Harun berasa kecil hati dengan saya sewaktu itu kerana beliau menyangka saya menyokong Tan Sri Ghazali Shafie menentang beliau; secara kebetulan pada masa itu Tan Sri Ghazali Shafie menjadi Menteri Penerangan, dan Datuk Sharif Ahmad menjadi setiausaha parlimennya.

Semasa menunggu perbicaraan beliau di Mahkamah Persekutuan (beberapa jam sebelum beliau menjalani hukuman penjara) sayalah orang yang paling akhir berbicara panjang dengan beliau di kantin mahkamah. Beliau tidak membenarkan anaknya Mazlan dan Onn Ismail (masa itu belum jadi Datuk) dan Mansur Basir untuk minum bersama kami.

Dalam masa lebih dari satu jam menantikan mahkamah bersidang, kami sempat berbicara tentang perbicaraan dan penangkapan beliau, sikap Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn terhadapnya, kenapa saya berhenti daripada Pemuda UMNO dan kenapa beliau mencadangkan Mokhtar Hashim dan bukan saya untuk bertanding di Tampin dan berbagai-bagai lagi.

Satu hari nanti mungkin akan saya catatkan semua ini sebagai satu kajian politik kepada pemuda-pemuda kita.

Kesulitan yang dihadapi oleh Dato' Harun selalunya disebabkan oleh orang-orang di kelilingnya baik penasihatnya mahupun *hangers on* yang tidak ada kerja yang bermanfaat dan selalunya kejatuhan ramai pemimpin ialah disebabkan oleh mereka yang mengelilingi pemimpin-pemimpin ini.

Sebab utama perkara ini terjadi ialah kerana kebanyakan pemimpin suka 'makan diangkat' – bahasa pasar sekarang ialah 'suka diampu'. Dan para pengampu ini terlampau ramai untuk kebaikan bangsa dan negara kita.

Berbalik kepada masalah KUB. Saya bersetuju dengan Dato' Harun dan Syed Hamid Albar (mungkin kerana kami bertiga terlatih sebagai peguam) kalau Datuk Najib dan kawan-kawannya mempunyai bukti bahawa ada penipuan dalam KUB atau dalam anak-anak syarikatnya, buatlah laporan kepada polis kalau tidak, janganlah buat tuduhan yang melulu.

Saya memang tidak bersetuju dengan parti politik mengambil bahagian secara aktif dalam pergerakan koperasi kerana pergerakan koperasi mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu.

Saya bersetuju benar dengan saranan Prof. Ungku Aziz, supaya parti-parti politik mengundurkan diri daripada gerakan koperasi. Lihat apa yang telah terjadi kepada pemimpin-pemimpin MCA yang aktif dalam gerakan koperasi.

Pada pendapat saya masalah KUB mula timbul apabila para pemimpinnya mahu meniru perniagaan ala Tan Koon Swan yang sekarang ini bercuti di Pudu. Ramai orang begitu memandang tinggi pada Encik Tan di zaman kegemilangannya, tetapi saya bukanlah salah seorang daripadanya bahkan saya enggan berkenalan dengan Presiden MCA itu.

Kalau tak percaya tanyalah beliau dan kawan-kawan rapatnya, kerana saya penuh percaya bahawa pada suatu hari nanti penipuan beliau akan dikesan juga. Empayar yang beliau wujudkan pada suatu ketika kononnya bernilai lebih satu ribu juta ringgit sekarang tiada berharga langsung. Ribuan orang telah menanggung kerugian kerana sama-sama tamak seperti beliau.

Bibit-bibit kejatuhan KUB ialah ingin mentauladani Tan Koon Swan. Kenapa saya berani mengatakan demikian? Lihatlah pelaburannya! Falsafahnya senang sekali. Belilah tanah dengan apa sahaja harga yang boleh; kerana ia akan naik harga dan akan menguntungkan. Lagi tinggi harganya lagi banyak komisyennya. Sekiranya kita menguasai institusi kewangan, gunakanlah pengaruh kita. Dan berbagai-bagai lagi.

Dato' Harun dan ramai ahli lembaga pengarahnya mungkin tidak terlibat kerana perkara yang saya sebutkan itu tidak dapat melibatkan lebih daripada seorang dua. Tetapi sebagai pengerusi, walaupun bukan eksekutif, beliau bertanggungjawab atas perjalanan KUB.

Ramai orang yang dekat dengan kerajaan selalu membohongi rakan-rakan mereka dengan berkata 'PM' bersetuju. 'PM' membawa banyak pengertian. Mungkin yang dimaksudkan ialah 'Perdana Menteri' atau 'Prime Minister'. Mungkin juga 'Pak Mat' atau 'Pak Mertua' dan macam-macam lagi.

Tetapi orang kita jarang yang mahu usul periksa. Kelemahan orang Melayu; pandai sikit jampi serapah dipanggil bomoh, pakai saja serban besar dipanggil haji, pakai kopiah putih dipanggil ustaz, nampak sahaja pergi masjid dua kali Jumaat dianggap warak!

Apa kata Datuk Najib dan kawan-kawan beliau? Tindakan ini tidak ada kena mengena dengan politik. Mungkin beliau bercakap benar, mungkin tidak. Kira-kira 20 orang bertemu di satu tempat – mereka kata, ini secara 'spontan'. 'Spontan' dari bahasa Inggeris; lihat apa maknanya dalam kamus bahasa Inggeris.

Bagaimanapun saya bersetuju bahawa Lembaga Pengarah KUB telah cuai menjalankan tugas selama lebih lapan tahun ini. Kita tunggu-lah keputusan mesyuarat agung ini nanti.

Utusan Malaysia hari Rabu menyatakan bahawa Sulaiman Alias sebagai salah seorang ahli lembaga pengarah KUB. Sebenarnya Sulaiman Aris bukan Sulaiman Alias, dan walaupun ada Sulaiman Alias yang lain, beliau itu bukanlah saya.

Saya memang jadi pengarah banyak syarikat, di antaranya kumpulan TTDI-SEA Park Dev. Sdn., anak syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional (ASN). Saya terpaksa tulis ini kerana berpuluh orang telefon saya mengatakan yang saya ini pun 'dua kali lima, macam depa juga'. Saya tidak macam itu.

TAN SRI SENU YANG BANYAK BERJASA

PADA hari Selasa minggu lalu beberapa orang sahabat handai Datuk Senu Abdul Rahman telah meraikan beliau di satu jamuan makan tengah hari di sebuah restoran terkemuka di Kuala Lumpur. Mereka meraikan Datuk Senu atas pengurniaan PMN yang membawa gelaran Tan Sri kepada beliau oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Turut hadir termasuk seorang bekas Timbalan Perdana Menteri, dua orang menteri dalam kabinet sekarang, dua orang bekas Menteri Besar dan dua orang bekas Timbalan Menteri. Di antara mereka yang telah bersara termasuk seorang bekas Ketua Setiausaha Negara, seorang bekas Hakim Mahkamah Persekutuan dan dua orang bekas Ketua Pengarah Penerangan.

Saya telah diminta oleh penganjur untuk memberikan ucapan bagi pihak yang hadir dan dalam masa 15 minit hanya dapat bergurau senda sahaja sambil mengucapkan tahniah kepada "*the late, Datuk Senu*" yang barangkali menerima Tan Srina pun "lambat" juga.

Tan Sri Senu Abdul Rahman banyak berjasa kepada bangsa dan negara. Riwayat hidup beliau boleh dijadikan contoh dan teladan kepada kita semua. Seorang yang sama-sama dengan Tan Sri Mohd Khir Johari dan lain-lain lagi menubuhkan SEBERKAS yang kemudiannya menyertai UMNO apabila UMNO ditubuhkan.

Tan Sri Senu "lari" ke Amerika Syarikat dan belajar sambil bekerja di sana. Pulang ke tanahair dalam tahun 1955 selepas singgah dan bekerja di London, beliau dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Kemudian beliau dilantik menjadi Duta Besar di Indonesia di zaman Presiden Sukarno, kemudian menjadi Duta besar kita di Jerman Barat.

Pulang ke Malaysia beliau bertanding dalam pilihanraya dan dilantik menjadi Menteri Penerangan. Beliau kalah, seperti Dr. Mahathir dalam pilihanraya tahun 1969 tetapi menang semula dalam tahun 1974. Dalam tahun 1969 beliau dilantik sekali lagi menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Dalam tahun 1964 semasa beliau menjadi Menteri Penerangan, beliau bertanding menentang Allahyarham Tun Sardon Zubir untuk jawatan Ketua Pemuda. Pada masa itu Tun Sardon telah memimpin Pemuda UMNO selama 14 atau 18 tahun dan Ketua Pemuda UMNO yang paling popular dalam sejarah UMNO.

Beberapa orang memikirkan bahawa beliau telah memimpin Pemuda terlampau lama dan Pemuda memerlukan pimpinan baru. Tan Sri Senu enggan menentang Tun Sardon dan Tun Sardon pula enggan mengundurkan diri. Ini adalah satu ciri politik – tidak ada orang yang ingin melepaskan jawatan dengan sesuka hati.

Atas desakan beberapa orang rakan beliau dalam UMNO sendiri, termasuk Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar yang pada masa itu menjadi Setiausaha Agung UMNO, beliau pun bersetuju dicalonkan. Beliau sendiri tidak berkempen, tetapi sebagai Menteri Penerangan ramailah pegawai khas penerangan yang membantu beliau.

Pada pendapat saya, beliau menang atas sokongan Setiausaha Agung pada masa itu. Pada masa itu saya bertugas di Ibu Pejabat UMNO sebagai pembantu khas kepada Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar.

Saya mula kenal Tan Sri Senu dalam tahun 1955 beberapa bulan sebelum pergi ke London untuk belajar undang-undang. Haji Abdul Wahab Majid memperkenalkan saya kepada beliau yang pada masa itu menyewa sebuah rumah kecil di Kampung Baru.

Saya sering berjumpa Tan Sri semasa beliau melawat London semasa beliau menjadi Duta Malaysia di Jerman Barat.

Apabila saya pulang Tan Sri Senu baru sahaja memegang jawatan Menteri Penerangan. Beliau menawarkan saya bekerja sebagai Setiausaha Politikanya, sungguhpun beliau telah membuat tawaran yang sama kepada Datuk Syed Kechik yang pada masa itu belum lagi menerimanya kerana menunggu untuk menjadi seorang ahli Majlis Peguam atau *call to the bar* di Malaysia.

Atas nasihat beliau, saya bertugas di Ibu Pejabat Perikatan dan Ibu Pejabat UMNO.

Kira-kira 18 bulan kemudian saya bertugas di Kementerian Penerangan di bawah Tan Sri, sebagai Pengetua Pusat Latihan Tata negara.

Di PLTN inilah diadakan kursus bagi ahli-ahli politik dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai hubungan rapat dengan rakyat. Setiap kali diadakan kursus, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail dan juga Tan Sri Senu bermesra dengan para peserta kursus. Para pensyarahnya terdiri daripada para pemimpin yang terkenal dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan, termasuk Tan Sri Ghazali Shafie, Tun Abdul Rahman Yaacob, Tan Sri Hanif Omar, Tan Sri Rozhan Kuntum, Tan Sri Kamarul Ariffin dan Datuk Paduka Daim Zainuddin.

Seperti biasa dalam UMNO banyakkah fitnah dilemparkan kepada PLTN ini dan saya sebagai pengetuanya terpaksa bertanggungjawab menghadapi berbagai tuduhan dan fitnah ini.

Pada suatu masa Perdana Menteri pada masa itu Tuanku Abdul Rahman Putra mencadangkan Tan Sri Senu supaya saya ditukarkan ke tempat lain, sama ada dalam atau luar negeri. Pada suatu pagi beliau pun memanggil saya ke pejabatnya, barangkali untuk membincangkan kedudukan saya sebagai pengetua.

Apabila kami tinggal berdua dalam pejabat beliau, Tan Sri Senu pun mula hendak menyatakan tujuan saya dipanggil datang ke pejabat. Belumpun sempat beliau menghabiskan cakap, saya telah mencelah dahulu dan menyatakan bahawa saya telahpun mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan dan suratnya telah siap saya buat.

Baru saya hendak memasukkan tangan ke dalam sakû kot saya, apabila Tan Sri Senu menyatakan bahawa tidak perlu saya meletakkan jawatan dan beliau akan berunding dengan Tun Abdul Razak dan berjumpa dengan Tunku mengenai saya dan meminta saya jangan meletakkan jawatan dahulu.

Sebenarnya, tidak ada saya bawa surat itu bersama kerana belum saya siapkan lagi.

Itulah, Tan Sri Senu Abdul Rahman yang sentiasa menolong orang lain walaupun mendatangkan kesulitan kepada beliau. Akhirnya saya tidak meletakkan jawatan dan hanya berbuat demikian setahun kemudian untuk menjadi seorang peguam swasta.

Kira-kira enam bulan kemudian Allahyarham Tun Abdul Razak meminta empat orang rakan saya menemui saya sebagai satu rombongan untuk memujuk saya meletakkan jawatan. Rombongan empat orang itu ialah Mahathir Mohamad, Musa Hitam, Abdullah Ahmad dan Ahmad Mustapha. Lain kali saya akan ceritakan.

Tan Sri Senu Abdul Rahman menjadi kontrovesi sekali lagi apabila kira-kira empat tahun dulu, beliau menulis surat terbuka kepada Perdana Menteri mengenai pindaan perlembagaan. Sungguhpun suratnya itu tidak disiarkan langsung oleh akhbar-akhbar tempatan, ia menjadi tajuk perbincangan dan kerajaan terpaksa mengadakan perhimpunan raksasa di seluruh negara untuk menerangkan pendiriannya dan semua pemimpin UMNO menghentam Tan Sri Senu pada hal sepatah katapun suratnya tidak disiarkan.

Seperti yang saya tulis hampir dua bulan dahulu (17 April), ada orang menuduh saya yang membantu Tan Sri Senu menulis surat terbukanya kepada Datuk Sri. Dr. Mahathir itu.

Pada hari Selasa yang lalu, ada dua orang menteri kabinet, ramai yang menyokong UMNO 46 dan ada pemimpin yang enggan menyertai UMNO (baru) dan beliau memberitahu saya dan orang-orang yang ada di meja kami kenapa beliau berbuat demikian; tetapi saya berasa gembira kerana mereka dapat bertegur sapa, bermesra, sindir-menyindir dan gelak ketawa. Inilah tradisi UMNO yang saya tahu.



Tan Sri Senu Abdul Rahman

YANG PENTING SEMUA PEGUAM MESTILAH FASIH DALAM BAHASA MALAYSIA

SOAL menggunakan bahasa Malaysia di mahkamah telah lama dipertanyakan dan hingga hari ini orang ramai tidak puas hati dengan pelaksanaan bahasa Malaysia dalam perundangan.

Dalam rencana saya minggu ini, saya hendak memperkatakan beberapa perkara yang bersangkutan dengan masalah ini dan bukannya hendak membincangkan secara ilmiah tentang soal penggunaan bahasa kita dalam kehakiman kerana soal ini adalah satu soal yang rumit dan bukan hanya soal bahasa sahaja.

Saya harap para pembaca tidak berkecil hati jika saya katakan bahawa kebanyakan perbincangan mengenai soal ini dibuat dalam suasana keaburan dan tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman; lebih-lebih lagi dibuat mengikut sentimen.

Sekurang-kurangnya saya mempunyai pengetahuan dan pengalaman setelah berlatih sebagai seorang peguam hampir 20 tahun dan telah mewakili pelanggan dalam semua mahkamah dari Mahkamah Syariah hinggalah ke Mahkamah Agung.

Saya menyokong penuh penggunaan bahasa Malaysia dalam kehakiman negara kita. Soalnya, bagaimanakah cara menjalankannya dan apakah jadual yang sesuai dan apakah yang perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum rancangan ini dapat dijalankan dengan lancar.

Banyak soal yang perlu diselesaikan sebelum masalah ini ditumbulkan. Soal bahasa adalah soal yang paling kecil sekali. Ambil sahaja bahasa Inggeris. Seseorang yang pakar dalam bahasa Inggeris, katalah seorang sarjana, tidak mungkin menjadi peguam sekiranya dia tidak lulus peperiksaan undang-undang.

Tetapi di Malaysia, soal bahasa Malaysia ini pun masih menjadi satu penghalang. Berapa ramaikah orang kita yang boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan betul? Menteri-menteri kabinet bagaimana? Bagaimana tentang para pentadbir di peringkat atasan? Bagaimana bahasa mereka? Dapatkah mereka menulis rencana dalam bahasa Malaysia dengan tidak berfikir dalam bahasa Inggeris atau meminta penolong setiausaha kementeriannya menuliskan untuknya? Berapa cekapkah bahasa Malaysia majistret-majistret kita yang perlu untuk memelopori penggunaan bahasa itu sebelum ia digunakan sepenuhnya dalam kehakiman?

Peguam-peguam kita pula bagaimana? Saya cadangkan supaya Saudara Zaid Ibrahim menggunakan bahasa Malaysia apabila bertutur dengan semua peguam Melayu yang ditemuinya dalam masa setahun ini.

Kenapa tidak ada seorang pun peguam yang menggunakan bahasa Malaysia dalam mesyuarat mereka? Dan bilakah mereka akan berbuat demikian?

MCA khabarnya akan menggunakan bahasa Malaysia dalam perhimpunan mereka tahun ini. Syabas, saya ucapkan atas langkah mereka itu. Bagaimana pula MIC? Dan bagaimana pula para wartawan yang banyak mengeluarkan pendapat mereka mengenai masalah ini? Adakah keseluruhan persidangan NUJ dijalankan dalam bahasa Malaysia, dan jika tidak, mengapa tidak?

Dan bagaimana pencapaian bahasa dalam angkatan bersenjata kita? Saya sering mendengar siaran RTM mengenai kegiatan angkatan bersenjata. Pencapaian bahasa terutama sekali di peringkat pegawai, pada pendapat saya kurang memuaskan. Ada di antara mereka menjawab soal yang dibuat dalam bahasa Malaysia dalam bahasa Inggeris, seolah-olah mereka bukan berbangsa Melayu.

Banyak kali saya terasa hendak menulis terus kepada Jeneral Tan Sri Hashim Ali yang kebetulan seorang sahabat dan sedarjah dengan saya di bangku sekolah dahulu.

Para pemimpin dan orang-orang atasan seperti pegawai kerajaan hendaklah menunjukkan teladan yang baik dalam menggunakan bahasa kita.

Cuba kita dengar anak-anak muda berbual di kedai kopi atau dipasaraya. Bahasa Melayu mereka lintang pukang, bercampur aduk dengan bahasa Inggeris yang juga tidak betul dan sekiranya aliran ini tidak diperbaiki penggunaan bahasa Malaysia atau bahasa Melayu akan menjadi kucar-kacir dan bahasa kita tidak akan dapat digunakan dalam

membentuk pemikiran yang sihat.

Pengajaran dari penggunaan bahasa Malaysia hendaklah diperbaiki dahulu sebelum kita melangkah kepada soal penggunaannya di bidang-bidang profesional.

Pada pendapat saya bahasa Malaysia boleh digunakan dalam bidang kehakiman dengan jayanya jika kita mengambil keberapa langkah yang positif ke arah itu. Kita tidak boleh menyalahkan sesiapa. Sehingga tahun 1965 tidak sampai sepuluh orangpun peguam Melayu yang bekerja sebagai peguam swasta dari jumlah hampir 200 orang.

Sebahagian besar pegawai kehakiman tidak begitu berminat dengan perkembangan bahasa dan belum ada langkah diambil untuk menggunakan bahasa Malaysia di mahkamah.

Selepas tahun 1965 berapa langkah telah diambil termasuk meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan untuk meluaskan penggunaan bahasa Melayu.

Sekarang ini semua peguam lulusan Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa menguasai bahasa Melayu dan diharapkan merekalah yang akan mempelopori penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah. Penggunaan bahasa Malaysia boleh dimulakan di Mahkamah Majistret dengan sepenuhnya, termasuk pengambilan nota oleh hakim.

Ini boleh berjalan selama dua atau tiga tahun sebelum ia dibenarkan digunakan di Mahkamah Tinggi dalam beberapa jenis jenayah.

Perjanjian jual beli rumah hendaklah dibuat dalam bahasa Malaysia. Jika sekiranya Kementerian Perumahan dan Jabatan Peguam Negara dapat membuat beberapa peruntukan tertentu, dalam masa beberapa bulan sahaja perjanjian jual beli ini dapat dibuat dalam bahasa Malaysia. Begitu juga perjanjian pinjaman bank patut dibuat dalam bahasa Malaysia.

Pada masa ini semua borang yang bersangkutan dengan penjualan dan pemajakan dan lain-lain yang bersangkutan dengan undang-undang tanah dibuat dalam bahasa Malaysia.

Sekiranya semua dokumen yang bersangkutan dengannya dibuat dalam bahasa Malaysia dan perbicaraannya juga dijalankan dalam bahasa Malaysia akan bermulalah proses penggunaan bahasa itu dalam urusan kehakiman

Perkara yang paling penting sekali ialah semua peguam hendaklah fasih dalam bahasa Malaysia dan kefasihan ini hendaklah dijadikan syarat utama untuk menjadi seorang peguam yang bertauliah.

Apabila peguam Malaysia menggunakan bahasa Malaysia, de-

ngan sendirinya doktor-doktor, jurutera-jurutera dan akauntan-akauntan kita akan fasih berbahasa Malaysia.

Selepas itu semua perbincangan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dijalankan dalam bahasa Malaysia dan semua parti politik menggunakan bahasa Malaysia sahaja.

Sebagai langkah pertama, gunakanlah bahasa Malaysia dengan betul dan jika hendak menggunakan bahasa Inggeris gunakanlah bahasa Inggeris yang betul pula.

POLITIK DAN SEJARAH BAGAIKAN SANDIWARA YANG TAK PUTUS-PUTUS

“HIDUP di dunia ini hanyalah satu sandiwara,” demikian seorang pujangga Inggeris menulis lebih 300 tahun dahulu. Kebanyakan opera atau bangsawan atau sandiwara yang sering di pertunjukkan di panggung-panggung di dunia Barat adalah berdasarkan cerita masyarakat dan cerita istana di masa-masa yang tertentu dalam sejarah mereka.

Begitu jugalah cerita bangsawan kita. Mungkin dua tiga puluh tahun yang akan datang penulis-penulis kita akan menulis bangsawan berdasarkan cerita-cerita politik yang sedang berlaku sekarang ini.

Saya tertarik hati membaca berita tentang Prof. Khoo Kay Kim yang sekarang ini menghabiskan masanya membaca suratkhbar yang diterbitkan dalam masa empat lima puluh tahun ini untuk mengetahui cerita dan sejarah negara melalui tulisan dan berita yang tersiar dalam akhbar-akhbar itu.

Suratkhbar ialah sumber *'instant history'* atau 'sejarah segera'. Ia melaporkan dengan serta-merta apa yang sedang berlaku di sekitar masyarakatnya. Dengan membaca suratkhbar yang diterbitkan dalam sesuatu ketika, kita akan dapat mengetahui apa yang sebenarnya sedang berlaku di masa itu.

Ahli-ahli sejarah berasa bimbang kerana para pelajar kita tidak mempunyai minat mendalam terhadap sejarah. Ada pula yang berpendapat bahawa sejarah tidak penting dan kita selalu mendengar orang berkata “Ah, itu semuanya sejarah!”

Kita belajar dari sejarah. Sejarah mengajar kita tentang kesilapan

orang yang terdahulu daripada kita. Sejarah boleh dijadikan panduan atau teladan untuk merancang sesuatu.

Saya berpendapat apa yang berlaku dalam negara kita dalam masa dua tahun kebelakang ini akan menarik perhatian ahli-ahli sejarah dalam masa sepuluh dua tahun lagi.

Berbalik kepada cerita sandiwara. Sandiwara atau bangsawan yang baik mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Lakonannya hendaklah dalam tempoh yang munasabah; barangkali jangka masa yang baik ialah lebih kurang dua jam. Kalau terlalu pendek penonton berasa tidak puas dan kalau terlalu panjang, penonton akan berasa bosan.

Jalan ceritanya hendaklah menarik. Orang Melayu sukakan tragedi daripada komedi; mesti ada tangisan kerana adanya penyeksaan. Mesti ada kekejaman untuk memperlihatkan keadilan, dan yang paling penting mesti ada hero – satu watak yang jujur, berani berkorban dan ciri-ciri keperwiraan yang lain.

Kalau ada hero tentunya mesti ada *villain* atau penjahat, watak yang menunjukkan semua ciri yang dibenci oleh masyarakat, seperti pengecut, penipu, pembohong dan lain-lain lagi.

Dalam bangsawan Melayu yang menjadi hero hendaklah lebih kacak atau lebih tampan daripada yang mengambil peranan jahat.

Di antara satu babak ke satu babak yang lain, bangsawan Melayu mengadakan beberapa selingan yang berupa nyanyian, tarian atau lawak jenaka. Tujuan utama mengadakan selingan ini ialah untuk membolehkan pengarah pentas mengubah hiasan pentas.

Di antara lawak jenaka itu ada yang berkaitan dengan jalan cerita yang sedang dilakonkan dan kadangkala jenaka itu tidak ada kaitannya dengan cerita yang sedang ditonton. Ia hanya sebagai *comic relief* atau selingan sahaja.

Dalam tahun-tahun 1946–48 bangsawan yang popular di Kuala Lumpur bermain di *Lucky World* dan hero yang saya minati ialah Sharif Medan. Beliau mempunyai gaya dan suara yang tersendiri, sehinggalah beliau menceburi lapangan filem.

Pelawak-pelawak yang terkenal pada masa itu, semuanya telah meninggal dunia, antaranya ialah Wak Bondan dan Sulaiman S.S.

Ada masanya, panggung yang boleh muat kira-kira 200 tempat duduk itu penuh sesak dengan penonton dan akan bersemangatlah lakonan yang dipersembahkan.

Ada masanya hanya 20-30 orang sahaja yang datang. Ramai atau kurangnya para penonton bukan kerana cerita yang dipersembahkan, tetapi mengikut masa; panggung akan penuh di awal bulan dan akan

berkurangan di hujung bulan. Orang-orang Melayu pada masa itu rata-rata makan gaji dan tidak ramai yang berniaga.

Ada kalanya pelakon utama atau pelawak yang menyatakan bahawa lakonan mereka kurang memuaskan kerana orang tidak ramai datang menonton.

Ahli-ahli politik kita pun kadang-kadang macam pelakon bangsawan juga, ramai orang datang mendengar ucapan mereka; berapirapilah pidato mereka. Kurang orang yang datang, kurang pulalah panjangnya ucapan mereka.

Penonton Melayu suka *happy endings* atau cerita yang mempunyai kesudahan yang menggembirakan. "Menangis dulu, ketawa kemudian," adalah resipi penulisan yang digemari oleh orang Melayu.

Minggu ini saya hendak mengingatkan para penulis akhbar supaya melaporkan peristiwa yang sedang berlaku dengan teliti supaya menyenangkan mereka yang akan mengambil tempat Prof. Khoo Kay Kim sepuluh dua puluh tahun lagi untuk menulis sejarah negara kita.

Saya berpendapat semua ahli politik perlu mengambil iktibar daripada apa yang telah terjadi kepada negara-negara asing, baik negara-negara jiran mahupun negara-negara yang jauh dari kita.

Kita sedang mengalami kejutan demi kejutan yang timbul secara mendadak. Ketua Hakim Negara digantung dari jawatannya. Kemudian lima orang hakim yang paling kanan turut digantung jawatan mereka oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dunia luar sudah tentu gempar dengan peristiwa yang sedang berlaku dalam negara kita sekarang ini kerana mereka kurang arif dengan pergolakan yang sedang berlaku.

Doa saya hanyalah satu; semoga Allah Subhanahu Wata'ala melindungi kita semua dari bala bencana. Kepada mereka yang terlibat barangkali keikhlasanlah yang paling penting.

Seperti sandiwara biasa; bilakah penonton boleh meninggalkan panggung?

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

“MENERAPKAN nilai-nilai Islam yang universal.” Ayat ini bunyi macam slogan pilihanraya. Perdana Menteri telah menggunakannya. Dua tiga orang menteri lainpun telah menggunakannya. Berapa orang pegawai yang bersangkutan dengan pentadbiran agama Islam juga telah menggunakannya. Siapakah barangkali yang merangka atau memulakan ungkapan ini?

Cuba kita lihat satu lagi ayat yang sering didengar. “Undang-undang sivil patut diselaraskan dengan undang-undang syariah.” Inipun slogan baru yang selalu kita baca dalam tiga empat tahun ini. Menteri-menteri menggunakannya; Menteri-menteri Besar menggunakannya apabila diundang untuk membuka sesebuah forum, persidangan, khemah kerja dan sebagainya.

Dan sekarang pun seruan ini dibuat oleh alim ulama dan peguam-peguam Islam. Seruan yang paling menarik perhatian saya ialah yang dibuat oleh Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim yang mendapat anugerah Maal Hijrah bagi tahun ini.

Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, yang mula-mula saya kenali lebih dari suku abad yang lalu, ialah seorang peguam yang terkenal dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam kedua-dua bidang undang-undang, iaitu undang-undang Inggeris dan undang-undang Islam.

Beliau telah banyak mengkaji dan menulis tentang perkara ini. Barangkali tidak ada orang lain di Malaysia dan di Singapura yang

mempunyai pengalaman seluas pengalaman beliau.

Apabila kita memperkatakan tentang undang-undang Islam, atau perundangan Islam di Malaysia kita terpaksa memikirkan pertama: reaksi orang-orang Islam sendiri dan kedua, (mungkin lebih penting lagi) reaksi orang-orang yang bukan beragama Islam. Dan di antara yang bukan beragama Islam itu, terbahagi kepada banyak bahagian. Adakah seseorang itu menganut agama Kristian ataupun agama Hindu, Buddha dan sebagainya?

Ramai sahabat handai saya, termasuk mereka yang menjadi peguam bertanya apakah itu undang-undang Islam yang hendak diselaraskan dengan undang-undang sivil, ataupun dengan undang-undang jenayah? Sebagai seorang peguam, saya dapati sukar untuk menjawab pertanyaan itu; apatah lagi bagi seseorang yang bukan peguam.

Saya boleh terangkan seperti yang selalu diterangkan bahawa sebelum datangnya penjajah Inggeris, beberapa buah negeri Melayu seperti Kelantan dan Terengganu menggunakan undang-undang Islam.

Jawapan yang seperti itu tidak memuaskan, kerana akan ditanya lagi undang-undang Islam yang manakah yang digunakan itu. Jelaslah, terlalu banyak kesamaran dalam menghadapi masalah ini.

Akhbar bahasa Melayu sekarang ini banyak menyiarkan berita tentang Mahkamah Syariah berhubung dengan kesalahan berzina dan berkhalwat. Yang didapati bersalah akan dikenakan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya sekali. Hukuman ini berdasarkan rang undang-undang yang diluluskan oleh sesebuah negeri itu.

Ada peguam bangsa Cina yang beragama Kristian bertanyakan saya. Ayat dan surah Al-Quran yang manakah yang dijadikan panduan untuk menjatuhkan hukuman itu. Apakah yang terkandung dalam ayat 15 Surah An Nisaa?

Dan bagaimana pula tentang kesaksian, atau bukti atau *evidence*? Apakah tafsiran "datanglah empat orang saksi di antara kamu" yang digunakan dalam Mahkamah Syariah?

Sambil menulis rencana ini terkenang saya satu peristiwa lucu yang berlaku atas diri saya sendiri. Kira-kira 18 tahun dulu saya mewakili seorang yang dituduh berkhalwat di Mahkamah Syariah.

Selepas menyoal semua saksi bagi pihak pendakwa, saya memberitahu yang Dipertua Mahkamah bahawa keterangan yang diberi tidak mencukupi untuk mendapati pelanggan saya bersalah dan memohon supaya beliau dibebaskan.

Beliau telah dibebaskan, tetapi yang Dipertua itu telah memanggil semua saksi ke dalam mahkamahnya dan berkata lebih kurang begini:

“Saya membebaskan yang dituduh kerana beliau mempunyai seorang peguam yang cekap....”

Belumpun sempat beliau habis bercakap, sayapun bangun membantah perbuatan beliau itu dan menyatakan bahawa pelanggan saya dibebaskan kerana tidak ada bukti nyata tentang kesalahannya.

Yang dipertua itu, tidak mengendahkan saya dan terus memberi ucapan dan saya terus membantah. Akhirnya beliau berkata dan memberi nasihat bahawa janganlah saksi-saksi ini serik untuk memberkas orang-orang seperti yang tertuduh!

Saya terperanjat dengan apa yang terjadi di Mahkamah Syariah itu. Dalam hati saya, mujurlah pelanggan saya dibebaskan, kalau tidak saya akan buat rayuan hingga ke Mahkamah Agung.

Sekarang ini, khabarnya prosedur Mahkamah Syariah agak lebih kemas lagi daripada masa saya berlatih dulu. Ada banyak lagi pengalaman saya di Mahkamah Syariah yang meyakinkan saya bahawa mahkamah itu perlu mendapat perhatian pihak-pihak yang berwajib.

Berbalik kepada penyelarasan undang-undang Islam. Orang-orang yang bukan Islam tentulah khuatir dalam perkara ini tambahan pula ramai yang menyangka bahawa ini adalah satu helah sahaja untuk mengislamkan orang yang bukan Islam.

Bagaimana agaknya kita patut menghadapi masalah ini? Pada pendapat saya, yang paling penting ialah memberi penerangan dengan cara sesuai.

Saya hendak beri satu contoh; kita kaji undang-undang keluarga. Masyarakat Cina mempunyai caranya yang tersendiri membahagikan harta pusaka apabila ayahnya meninggal dunia. Begitu juga penganut agama Hindu, ataupun Kristian. Kepada orang-orang Islam, hukum syariah menentukan pembahagian harta si mati (saya tidak mahu sebut tentang pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan).

Dalam perbualan saya dengan rakan-rakan bangsa Cina, mereka lebih suka kalau pembahagian harta mereka mengikut hukum syariah, melainkan anak sulung lelaki mereka. Mereka yang ingin tahu lebih lanjut, tanya kawan-kawan bangsa Cina untuk mendapatkan penerangan mengapa anak lelaki yang sulung tidak bersetuju.

Sekiranya diadakan pungutan suara di antara rakyat Malaysia yang berketurunan Cina, saya percaya lebih daripada tiga suku daripada mereka akan memilih pembahagian harta mengikut undang-undang Islam.

Adakah sarjana Islam pernah bertanyakan hal daripada rakyat

kita yang berketurunan Cina? Tahukan kita pembahagian mengikut cara mereka dan pernahkah kita nyatakan apakah hukum syariah mengenainya? Tak kenal maka tak cinta.

Dalam undang-undang keluarga juga; bagaimana tentang hukum membuat wasiat jika dibuat perbandingan?

Bukankah ini satu usaha dakwah yang lebih berkesan? Atau lebih baikkah kita lari ke dalam hutan, buat perkampungan sendiri, kerana kalau tujuh orang jiran tidak menunaikan sembahyang lima waktu, semua orang berdosa besar?

Ramai rakyat kita yang bukan beragama Islam sekarang ini berada dalam kegelisahan. Apakah langkah kita untuk mengatasi masalah ini?

Satu lagi contoh; kawan-kawan saya bertanya, betulkah jubah hijau itu pakaian pengikut-pengikut Nabi Muhammad S.A.W. yang setia?

Pada satu musim haji, di Masjid Alharram saya melihat dua orang jemaah memakai jubah hijau di antara ratusan ribu (mungkin tiga ratus ribu orang) orang yang sedang duduk menunggu waktu. Kebetulan pula mereka kenal saya dan secara berseloroh saya tanya sama ada mereka berdua sajakah pengikut setia Nabi Muhammad S.A.W.?

Saya ingin bertanya kepada jemaah haji kita yang baru pulang; berapa ramaikah orang yang mereka jumpa di Mekah atau di Madinah yang memakai jubah hijau?

Khabarnya apabila pulang ke tanahair, mereka tidak lagi memakai jubah hijau.

Saya harap para alim ulama tidak berkecil hati dengan saya kerana menulis tentang agama Islam yang mana pengetahuan saya begitu dangkal sekali.

Cuba kita buat kajian; berapa ramaikah yang telah masuk Kristian di antara rakyat kita keturunan Cina dan India dalam masa 50 tahun ini, jika dibandingkan dengan mereka yang memeluk agama Islam. Bukankah mengislamkan yang bukan Islam itu satu pahala besar?

MENOLEH KE BELAKANG DAN KE MASA DEPAN

TAHUN 1988 yang baru sahaja kita tinggalkan sebentar tadi adalah diantara satu-satunya tahun yang bertuah bagi negara kita dalam masa tujuh lapan tahun kebelakangan ini. Tahun 1989 ini mungkin tidak sebaik tahun yang baru kita tinggalkan itu sungguhpun kita semua berharap dan berdoa semoga tahun baru ini juga akan membawa tuah dan kebahagiaan kepada kita semua; Insyallah.

Pertumbuhan ekonomi negara tahun sudah hampir lapan peratus, satu pertumbuhan yang tinggi dalam masa enam tahun kebelakangan ini. Pelaburan asing dan juga pelaburan dalam negeri mulai meningkat daripada tahun 1987 dan akan berterusan ke tahun ini.

Suasana politik dalam negeri pada tahun sudah tidak membimbangkan sungguhpun belum ada tanda-tanda positif yang menunjukkan bahawa kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah akan menerima pelawaan Perdana Menteri untuk menyertai kerajaan dan UMNO.

Perhimpunan Perpaduan Melayu Johor yang telah meluluskan enam resolusi baru-baru ini telahpun mengemukakannya kepada Perdana Menteri dan khabarnya Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin akan membentangkannya dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dua minggu lagi.

Pendapat saya dalam soal ini telahpun saya nyatakan dua minggu dulu dan tidak ada apa-apa yang hendak ditambah melainkan satu ulasan yang barangkali tidak akan menggembirakan Tan Sri Abdul Jalil Hassan, Pengerusi Perhimpunan Perpaduan Melayu Johor itu. Komen

saya ialah, kenapa mereka memilih seorang bekas mufti untuk menyampaikan hajat mereka kepada Perdana Menteri? Takut nanti, ada orang yang menyatakan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir tidak mahu mendengar cakap siapapun, walaupun cakap seorang bekas mufti dan seorang alim ulama! Pergolakan dalam parti-parti Gerakan, MCA dan MIC terus berlaku tetapi saya fikir tidak membimbangkan melainkan mereka yang terlibat.

Sekurang-kurangnya empat orang tokoh politik negara bertukar parti tahun sudah. Datuk Khoo Kay Phor dan Datuk Micheal Chen meninggalkan Gerakan untuk masuk MCA; Datuk Mak Hon Kam meninggalkan MCA untuk masuk PPP dan Datuk Asri Muda meninggalkan HAMIM yang ditubuhkannya untuk masuk UMNO. Ini tidak termasuk Yeoh Poh San dan C.S. Wong, bekas Setiausaha MCA dan setiausaha penerangannya yang "masuk" kumpulan Semangat 46 untuk menolong Dato' Harun Idris bertanding dalam pilihanraya kecil Ampang pada akhir bulan ini.

Dan akhir sekali, saudara G. Pandithan yang masih memegang jawatannya dalam kerajaan telah menyahut cabaran Datuk Samy Vellu untuk bertanding merebut jawatan Presiden MIC dengan berkata lebih kurang begini: "Kasi saya masuk parti balik, nanti saya boleh lawan...."

Tidak ramai pengikut Datuk Asri yang mengikut beliau masuk UMNO. Pimpinan HAMIM yang tinggal pun nampaknya tidak bergerak banyak melainkan menggantikan mereka yang telah masuk UMNO. Tengku Razaleigh telah berucap dalam satu perhimpunan PAS dan Datuk Najib telah mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap Tengku Razaleigh.

Saya tidak ingat siapa yang mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir apabila beliau berucap di satu perhimpunan PAS di Kuala Selangor kira-kira 18 tahun yang lalu? Perdana Menteri pada masa itu tersingkir dari UMNO dan Datuk Asri yang mengundang beliau untuk berpidato. Masa itu Datuk Najib masih dibangku sekolah, mungkin tidak ingat.

Barangkali ramai orang UMNO tidak tahu bahawa Dato' Harun Idrislah yang mencadangkan supaya Dr. Mahathir diterima semula kedalam UMNO selepas beliau disingkirkan.

Kontroversi mengenai pentadbiran Negeri Kelantan masih berterusan. Untuk hendak meringankan tugas ketua jajahan, kerajaan Kelantan telah memilih beberapa orang anggota Exco dan wakil rakyat untuk mengetuai jajahan. Saya fikir ini adalah satu langkah jangka pen-

dek dan bukan satu langkah yang telah difikirkan dengan mendalam. Malaysia ialah sebuah persekutuan dan apa yang berlaku di sesebuah negeri akan mendatangkan akibat kepada negeri-negeri yang lain.

Orang Melayu Terengganu sekarang ini sibuk dengan mendulang emas daripada mendengar ceramah Ustaz Abdul Haji. Khabarnya solat Jumaat di Masjid Rusila tidak berapa ramai lagi sekarang ini, dan begitu juga kuliah subuhnya, ramai jemaah yang asyik mendulang pasir untuk mendapatkan emas. Dan di Besut telah terjumpa pula batu-batu yang boleh diperbuat permata.

Apakah agenda kita dalam tahun 1989 ini?

Rancangan kerajaan yang paling penting barangkali ialah meneruskan usaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang akan berakhir 24 bulan lagi dari sekarang. Sungguhpun hanya tinggal sepuluh peratus sahaja masa yang diperuntukkan, namun banyak perkara yang akan dapat dijalankan dalam masa yang singkat ini. Seperti lumba lari sepuluh kilometer, kita sekarang berada dalam kilometer yang akhir. Kemajuan dalam masa dua tahun yang akan datang ini mungkin menyamai lima tahun yang telah berlaku atau lima tahun yang pertama semasa DEB dilancarkan dalam tahun 1970 dahulu.

Kerajaan khabarnya telah pun melantik lebih daripada seratus orang untuk menganggotai Majlis Perunding Ekonomi Negara selepas 1990. Majlis ini diharapkan untuk menasihatkan kerajaan tentang bentuk dasar ekonomi yang patut dilaksanakan selepas tahun 1990.

Langkah kerajaan ini adalah satu eksperimen yang luar biasa yang belum pernah dibuat di negara-negara lain. Saya kurang pasti bagaimana sebuah majlis yang begitu besar yang dianggotai oleh berbagai manusia yang berlainan kepentingan dapat mencari satu kata muafakat dalam sesuatu perkara.

Barangkali eksperimen ini akan membuahkan sesuatu hasil yang dapat digunakan. Sama-samalah kita tunggu. Bagi diri saya sendiri tidak ada yang tertentu selain daripada hendak membayar hutang cukai pendapatan, hutang bank, dan meminta mereka yang berhutang dengan saya menjelaskan hutang masing-masing!

Tahun 1989 ini adalah tahun penting kepada saya kerana umur telah sampai untuk bersara. Kalau jadi duta belum tahu dapat sambungan, begitu juga kalau jadi KSU. Pada akhir tahun ini hanya ada seorang dua sahaja yang sama-sama masuk sekolah dengan saya yang belum bersara. Yang masih bekerja hanyalah mereka yang bertugas dibidang profesion ataupun ahli perniagaan.

Saya tidak bercadang hendak bersara, hanya hendak kurangkan kerja sahaja. Saya akan banyakkkan pembacaan dan barangkali juga penulisan dan perjalanan.

Ramai di antara kawan-kawan saya yang sekarang ini bertugas dengan "sendirian berehat," patutlah memikirkan sumbangan mereka kepada masyarakat dan janganlah habiskan masa tua kita hanya untuk bersenang-lenang sahaja.

Kepada bangsa Melayu khasnya, tahun-tahun menjelang abad ke-21 ini adalah jangka masa yang paling penting bagi mereka. Sekiranya mereka mencapai matlamat yang dituju dalam masa dua belas tahun yang akan datang ini, akan selamatlah bangsa Melayu ini untuk setiap masa tetapi kalau kita gagal buruklah padahnya.

Saya tidak pernah membuat "resolusi tahun baru" kerana tidak pernah berjaya walau untuk sebulan pun. Azam kita hanyalah untuk meneruskan kerja, itupun kalau umur panjang. Moga-moga bertemu lagi di tahun hadapan.

umno

Sejarah UMNO adalah sebahagian besar daripada sejarah Malaysia Merdeka. Tahun 1946 adalah tahun yang bertuah kepada bangsa Melayu; begitu juga tahun 1957, tahun negara mencapai kemerdekaan. Saya mula bertugas dengan UMNO pada tahun 1964 sebagai pembantu khas kepada Setiausaha Agung UMNO pada waktu itu, Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar yang saya kenali semasa beliau ditugaskan di Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London pada akhir tahun 50-an. Sebagai Pengetua yang pertama Pusat Latihan Tata Negara, saya mengambil peranan dalam latihan dan penyusunan UMNO sejak tahun 1964.

Saya harap dapat menulis dengan lebih panjang lebar lagi tentang UMNO dan mereka yang bersangkutan dengannya. Parti Semangat 46, juga adalah ekoran sejarah UMNO dan sama ada mereka akan menyertai UMNO atau UMNO menyertai mereka, hanya masa sahaja yang menentukannya.

TEMPOH JAWATAN KETUA PEMUDA PATUT DIHADKAN?

MEMBACA tentang pengumuman Haji Suhaimi Kamaruddin hendak menentang Anwar Ibrahim sekali lagi untuk merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, teringat saya beberapa peristiwa mengenai pemilihan ketua-ketua Pemuda UMNO yang lalu.

Pada tahun 1964/5 Allahyarham Tun Sardon Zubir telah memimpin Pemuda UMNO selama kira-kira 15 tahun dan difikirkan telah terlalu lama memimpin Pemuda. Allahyarham Tun Sardon dikenali sebagai *The perpetual youth leader* (Pemimpin Pemuda yang kekal). Allahyarham begitu popular hinggakannya tiada siapa yang berani menentang beliau.

Datuk Senu Abdul Rahman yang pada masa itu menjadi Menteri Penerangan telah diminta oleh beberapa orang pemimpin UMNO untuk menentang Allahyarham Tun Sardon. Pada mulanya Datuk Senu enggan tetapi Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, ayah kepada Syed Hamid, calon ketiga dalam pemilihan Ketua Pemuda dua minggu lagi, kuat mendesak beliau. Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar pada masa itu menjadi Setiausaha Agung UMNO dan pengaruhnya besar dalam parti. Tidak salah kalau saya katakan bahawa Datuk Senu menang dengan pertolongan Setiausaha Agung UMNO pada masa itu.

Kekalahan Allahyarham Tun Sardon disambut dengan perasaan sedih oleh para perwakilan dan beberapa orang kelihatan menitikkan air mata selepas mendengar ucapan akhir Tun Sardon. Sayugia diingat ramai juga orang yang mendengar ucapan yang penuh emosi itu yang tidak faham akan kandungannya.

Banyak peristiwa yang manis, yang pahit dan yang lucu masih dalam ingatan saya semasa Datuk Senu memimpin Pemuda UMNO kerana pada masa itu saya bertugas sebagai pembantu khas kepada Allahyarham Syed Jaafar Albar – yang secara rasmi menjadi setiausaha Pemuda UMNO. Saya harap Datuk Senu dan kawan-kawan lain tidak keberatan membaca satu kisah lucu yang saya ceritakan dalam ruangan ini; tujuan saya hanya bergurau senda dalam keadaan *tension* sekarang ini.

Peristiwa itu ialah semasa akhbar *Daily Telegraph* yang diterbitkan di London menyiarkan sebuah rencana yang agak menjatuhkan imej negara. Pemuda UMNO telah bersidang dan membuat keputusan membantah kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur. Perdana Menteri kita pada masa itu ialah Tunku Abdul Rahman yang hingga pada hari ini masih cergas lagi. Tunku mengikuti kata Datuk Nik Hassan, Setiausaha Sulit Perdana Menteri, tidak bersetuju dengan langkah yang diambil oleh Pemuda. Pada pagi yang berkenaan Tunku langsung tidak mahu menemui rombongan Jawatankuasa Pemuda UMNO. Akhirnya dapat juga berjumpa. Saya ikut sama kerana mewakili Tan Sri Syed Jaafar Albar.

Sambil berdiri, Tunku bersalaman dengan Datuk Senu dan ahli-ahli yang lain dan bila sampai pada giliran saya, yang penghabisan, beliau berkata lebih kurang begini: "Aah, Sulaiman pun ada, awak pun sama macam budak-budak ini ya?" "Datuk Albar suruh datang, Tunku," jawab saya.

Saya masih ingat lagi Saudara Melan Abdullah meminta supaya Tunku dan rombongan duduk berbincang tetapi Tunku menjawab bahawa beliau tidak ada masa untuk berbincang.

Semasa Tunku dan rombongan Pemuda UMNO berbincang sambil berdiri saya melihat gambar-gambar di dinding kamar; tidak mahu campur budak-budak UMNO berbincang dengan Bapak Malaysia. Dalam kamar pada masa itu – sayalah yang paling muda, baru berusia 28 tahun.

Sebentar lagi Tunku memanggil saya dan meminta saya memberi penerangan kepada pemberita-pemberita yang menunggu di luar dan berakhirlah perbincangan Presiden UMNO dengan pemimpin Pemuda – kira-kira 5 minit sahaja.

Datuk Senu memimpin Pemuda hinggalah peristiwa 13 Mei 1969. Masyarakat Cina di Kuala Lumpur dan di Singapura mengenali peristiwa ini sebagai 135 (seratus tiga puluh lima, dalam dialek masing-masing).



Allahyarham Tun Sardon



Allahyarham Syed Jaafar Albar



Dato' Suhaimi Kamaruddin



Encik Anwar Ibrahim

Selepas Mei tiga belas, Dato' Harun Idris jadi wira orang-orang Melayu dan beliau telah mengalahkan Datuk Senu dan memimpin Pemuda UMNO dengan berkesan dan berjaya hinggalah beliau dimasukkan ke Istana Pudu. Semasa Dato' Harun memimpin Pemuda, Datuk Musa Hitam menjadi timbalannya.

Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri kita yang ketiga selepas Allahyarham Tun Abdul Razak meninggal dunia. Pada pemilihan Ketua Pemuda semasa Dato' Harun "berehat" di Pudu, Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar bertanding menentang Datuk Mohammad Rahmat yang pada masa itu mendapat banyak pencalonan. Allahyarham Syed Albar menerima hanya satu atau dua pencalonan sahaja, tetapi beliau telah menang dan ini menimbulkan kemarahan Tun Hussein Onn. Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar ialah Ketua Pemuda yang pertama meninggal dunia semasa dalam jawatan dan beliau telah disemadikan di pekarangan Masjid Negara. Begitu juga Tun Sardon Zubir.

Datuk Suhaimi Kamaruddin memangku jawatan dan mengekalkan jawatannya hinggalah dikalahkan oleh Saudara Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim adalah orang luar tetapi mempunyai karisme dan berjaya memimpin ABIM dan selepas menyertai UMNO dan mendapat kepercayaan Perdana Menteri dan bertanding untuk Jawatan Ketua Pemuda telah mengalahkan Datuk Suhaimi dengan hanya 10 undi. Pada kali yang kedua beliau mengalahkan Datuk Suhaimi dengan undi yang banyak.

Pada pendapat saya Pemuda UMNO patut menimbangkan sama ada tempoh jawatan ketua itu dihadkan kepada dua atau tiga penggal sahaja, atau tidak seperti sekarang ini.

Pemuda UMNO ialah tempat latihan, tempat permainan dan tempat bermesra dalam parti. Pemuda UMNO boleh memainkan peranan *pressure group*, boleh mengambil bahagian dalam aktiviti sukan, seni dan lain-lain lagi, dan ketuanya ditukar ganti selepas empat atau enam tahun.

Dalam masa pimpinan Dato' Harun had umur dikenakan kepada ahli-ahli melainkan ketuanya. Mungkin sudah sampai masanya jangka waktu pimpinan seseorang ketua dihadkan supaya Pemuda UMNO tidak menjadi gelanggang permusuhan dalam parti.

Siapa akan menang dalam pemilihan yang akan datang? Itu adalah hak para perwakilan.

ETIKA PEMILIHAN UNTUK BENDUNG POLITIK WANG

MINGGU sudah Majlis Tertinggi UMNO telah meluluskan satu etika pemilihan jawatankuasa. Etika khas pemilihan jawatankuasa UMNO ini mengharapkan beberapa cara kempen yang telah menjadi satu tradisi dalam UMNO dalam masa hampir 10 tahun kebelakangan ini, terutama sekali sejak tahun 1980.

Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir mengumumkan dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan sidang MT UMNO pada hari Isnin yang lepas bahawa semua bentuk jamuan makan belanja kewangan, penerbitan risalah atau manifesto puak dan sikap berpuak-puak, seperti mengadakan regu atau pasukan tertentu semasa mengadakan pemilihan jawatankuasa adalah diharamkan. Etika khas ini ditujukan kepada pemilihan jawatankuasa UMNO dari peringkat cawangan, bahagian dan hinggalah ke peringkat Majlis Tertinggi parti.

Satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd. Khir Johari telahpun dibentuk untuk memastikan bahawa etika pemilihan ini dipatuhi. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang telah bersara yang pernah menjadi menteri-menteri dalam kabinet Tunku, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, bahkan ada juga yang pernah menjadi menteri dalam kabinet Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri.

Pada pendapat saya, politik wang dalam UMNO telah mencapai satu tahap yang membahayakan dan jika tidak dibendung dan dihapuskan dari sekarang, mungkin dalam masa yang singkat, UMNO di semua peringkat akan hanya dianggotai oleh orang-orang yang mempunyai wang yang banyak sahaja.

Dalam ingatan saya, politik wang ini mula timbul dalam perbuatan UMNO dalam tahun 1965. Dalam tahun itu seorang siswazah yang baru pulang dari luar negeri hendak bertanding untuk menjadi ketua cawangan sebuah UMNO di Pahang dan beliau telah membelanjakan minum kopi kepada ahli-ahli jawatankuasa cawangan itu dan juga beberapa orang ahli cawangan yang agak aktif. Tujuan beliau ialah untuk mendapatkan sokongan untuk mengalahkan ketua cawangan yang sedia ada. Ada kemungkinan bahawa ahli-ahli UMNO yang datang minum kopi itu juga dibekalkan dengan sedikit wang saku.

Maka mengadulah ketua cawangan itu (yang telahpun meninggal dunia) kepada Allahyarham Tun Razak, barangkali dengan perantaraan Datuk Abdullah Ahmad ataupun Saudara Khalil Akasah bahawa pencabarnya (yang tidak lagi aktif dalam UMNO) memberi makan suap (rasuah) kepada ahli-ahli UMNO. Pada masa itu orang Pahang akan mengadu kepada Allahyarham Tun Razak apa sahaja yang tak kena dihati.

Dari tarikh itu, mulalah sedikit demi sedikit pemimpin-pemimpin UMNO menggunakan apa yang ada pada mereka untuk sama ada hendak mengekalkan jawatan yang sedia ada atau merebut jawatan yang belum ada ataupun ada kalanya untuk menjatuhkan orang lain.

Yang mempunyai wang akan menggunakan wang dan yang mempunyai kuasa atau pengaruh akan menggunakan kuasa atau pengaruhnya. Dan yang tidak mempunyai wang atau kuasa akan meminta daripada bossnya.

Perbuatan ini memuncak pada tahun 1980 semasa Datuk Musa Hitam bertanding dengan Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Ada beberapa perkara yang terpaksa dibincangkan dengan teliti oleh jawatankuasa khas yang baru dibentuk itu. Saya yakin Pak Khir dan ahli-ahli veteran yang lain akan dapat mencari jalan bagaimana hendak mengawal penggunaan wang dalam parti supaya UMNO tidak hancur.

Dalam kempen untuk menjadi ketua bahagian dalam tahun 1980 ramai orang mengadakan majlis kenduri membaca surah Yassin. Banyak kerbau terkorban, ramai imam yang terpedaya dan selalulah orang UMNO dapat makan gulai kerbau! Bagaimana sekarang?

Bagaimana dengan jamuan buka puasa? Dalam tahun 1980 dan 1983, banyak rombongan ke Indonesia, ke Negeri Thai dan ada juga ke Hong Kong dengan tujuan memancing undi. Ada yang meminta pergi ke Mekah.

Selama kira-kira 20 tahun, iaitu daripada tahun 1946-65, amat sukar untuk mendapatkan ahli-ahli jawatankuasa UMNO di peringkat cawangan dan bahagian. Kebanyakan di antara yang dicalonkan akan menolak. Pada masa itu tidak banyak keistimewaan menjadi pemimpin UMNO.

Selama 20 tahun kebelakangan ini, orang akan berbuat apa saja untuk menjadi pemimpin UMNO.

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai sebuah mahkamah. Ia akan mendengar aduan, akan membicarakan dan akhirnya akan membuat keputusan untuk dirujuk kepada Majlis Tertinggi UMNO.

Tan Sri Hamzah Abu Samah bekas Peguam Negara dan sekarang seorang peguambela dan peguamcara tentu dapat memberi nasihat sebagai seorang ahli jawatankuasa ini.

Satu soal yang paling penting ialah apakah hukuman yang akan dikenakan kepada pihak yang didapati bersalah? Dalam sesuatu perbicaraan yang penting ialah hukuman.

Allah S.W.T. dan juga manusia telah banyak membuat hukuman. Ada hukuman bunuh, hukuman rotan dan hukuman gantirugi. Ada hukuman kifaraf, membebaskan hamba, memberi makan orang miskin, fidiah atau berpuasa. Ada hukuman denda, buang negeri, buang daerah dan ada hukuman penjara. Ada juga hukuman berkhidmat kepada masyarakat; dan semasa di sekolah, ada hukuman menulis seribu baris atau berdiri di atas meja atau mencabut rumput di padang. Memang banyak hukuman ini menggambarkan kemajuan atau kemunduran manusia.

Ada hukuman-hukuman Allah diubah oleh manusia; atau manusia memandai-mandai sahaja dan banyak lagi.

Sebagai seorang pelajar ilmu kehukuman saya tertarik hati dengan hukuman yang akan dikenakan oleh Pak Khir dan jawatankuasanya terhadap yang bersalah. Dan bagaimana kalau yang bersalah itu yang sama-sama buat peraturan?

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KALI INI PENTING DALAM SEJARAH PARTI

PEMILIHAN pucuk pimpinan UMNO pada bulan April yang akan datang ini adalah di antara yang paling penting dalam sejarah UMNO dalam masa empat puluh tahun ini.

Akhir bulan Februari ini, semua bahagian UMNO dijangka selesai mengadakan mesyuarat agung bahagian masing-masing dan di antara keputusan penting yang akan diambil ialah mencadangkan nama-nama mereka yang akan bertanding dalam Majlis Tertinggi UMNO, termasuklah jawatan presiden, timbalannya dan tiga orang naib presiden.

Hingga hari ini belum ada pemimpin UMNO yang mungkin akan menentang presiden parti dan besar kemungkinan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan kekal memimpin parti.

Beberapa buah akhbar mingguan bebas meramalkan bahawa Datuk Musa dan Tengku Razaleigh mungkin mahu menentang Datuk Sri Dr. Mahathir, bukan untuk mencapai kemenangan tetapi untuk menyatakan tentangan peribadi mereka terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir. Pada pendapat saya perbuatan sedemikian adalah perbuatan membunuh diri dalam arena politik negara.

Datuk Musa Hitam dikatakan akan mempertahankan kedudukannya sebagai timbalan presiden. Beliau telah dua kali mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pertandingan merebut jawatan timbalan presiden.

Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi salah seorang naib presiden telah menyatakan kesanggupan beliau



Dato' Sri Dr Mahathir



Encik Ghaffar Baba



Dato' Musa Hitam



Tengku Razaleigh Hamzah

rapa perkara lagi sepatutnya telah ditunaikan dengan tidak berlengah-lengah atau apa-apa kesukaran."

"Beberapa jaminan itu telah diumumkan oleh MCA selepas mendapat persetujuan daripada menteri-menteri berkenaan terlebih dahulu. Beberapa janji yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional dalam pilihanraya tahun 1986 dulu masih belum dijalankan lagi."

Gerakan menyifatkan kenyataan Datuk Dr. Ling itu sebagai "menaikkan emosi kaum Cina untuk mendapatkan semula sokongan mereka."

Datuk Dr. Lim Kheng Yaik juga menuduh MCA menggugat kestabilan politik untuk kepentingan mereka sendiri.

Parti Gerakan ditubuhkan oleh mereka yang meninggalkan MCA dan pimpinan yang ada sekarang ini telah meninggalkan MCA semasa mendiang Tun Tan Siew Sin menjadi Presiden MCA. Beberapa orang lagi menyertai Gerakan apabila Datuk Michael Chen gagal mengalahkan Datuk Lee San Choon untuk merebut jawatan Presiden MCA beberapa tahun lalu. Ramai di antara penyokong Datuk Michael Chen mengikuti jejak langkah beliau meninggalkan MCA dan memasuki Gerakan.

Sungguhpun parti Gerakan menerima ahli daripada semua kaum, namun keahlian dan kepimpinannya adalah terdiri daripada kaum Cina. Beberapa langkah telah diambil untuk memberi gambaran bahawa Gerakan adalah sebuah parti berbilang kaum, tetapi pada hakikatnya sebuah parti politik kaum Cina.

Peranan MCA mewakili kaum Cina ini nampaknya telah terganggu dengan adanya Gerakan yang juga mewakili kaum Cina.

Satu lagi perkembangan politik yang tidak menyenangkan MCA ialah ura-ura Gerakan hendak bekerjasama dengan lebih erat lagi dengan Parti Bersatu Sabah di bawah pimpinan Datuk Pairin Kitingan, Ketua Menteri Sabah.

Sungguhpun kerjasama di antara Gerakan dan PBS telah diumumkan kira-kira setahun dulu sehingga hari ini tidak ada rancangan yang konkrit yang telah diambil oleh kedua-dua pihak yang berkenaan.

Saya tidak yakin kedua parti ini dapat bekerjasama seperti yang mereka rancangkan selain daripada kerjasama yang wujud di antara parti-parti komponen Barisan Nasional.

Berbalik kepada perselisihan di antara MCA dan Gerakan. Gerakan ditubuhkan oleh mereka yang tidak puas hati dengan MCA dalam memperjuangkan kepentingan kaum Cina. Dengan perkataan lain mereka yang memimpin Gerakan bolehlah dikatakan sebagai *ultra* bagi

masyarakat Cina.

Dalam masa beberapa tahun yang akan datang ini, kedua-dua buah parti yang mewakili kaum Cina itu (selain daripada DAP) akan terus berlumba-lumba untuk menjadi jaguh kepada masyarakat Cina dan ini akan menimbulkan pelbagai masalah kepada negara.

Datuk Ling Leong Sik menyatakan bahawa MCA masih belum diajak berunding tentang rancangan ekonomi yang akan menggantikan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

Tindakan Datuk Dr. Ling mengambil cuti tanpa gaji ini telah dianggap sebagai menggambarkan ketidakpuashati MCA terhadap kerajaan Barisan Nasional.

Dalam beberapa minggu yang akan datang kita akan menyaksikan perang dingin di antara MCA dan Gerakan, masing-masing akan berlagak sebagai penyelamat kepada masyarakat Cina di negara ini dan mereka akan disertai juga oleh DAP.

Bagaimanakah reaksi orang-orang Melayu dalam masalah ini? Saya fikir orang-orang Melayu akan berasa hairan dan takjub apabila mengetahui bahawa kaum Cina pada keseluruhannya tidak begitu senang dengan perkembangan dan keadaan politik dan ekonomi semasa.

MCA dan Gerakan dan juga DAP sering menyuarakan pendapat yang sama dalam masalah ini terutama sekali tentang pelaksanaan DEB. Pemimpin-pemimpin kerajaan Barisan Nasional daripada Datuk Sri Dr. Mahathir hinggalah pada pemimpin bawahan selalu menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak mencapai matlamat sepenuhnya kerana kemelesetan ekonomi dalam tahun 1983-86 dan DEB hendaklah diteruskan.

Ramai orang bukan Melayu tertanya-tanya apakah bentuk dasar ekonomi yang akan dilaksanakan selepas 1990. Barangkali masanya telah sampai bagi Barisan Nasional membincangkan masalah ini di antara mereka supaya apa saja dasar ekonomi yang akan dijalankan nanti mendapat sokongan semua pihak.

DEB hanya mempunyai masa kira-kira dua tahun sahaja lagi dan sebarang perbincangan akan mengambil masa yang lama.

Yang turut menyulitkan kerajaan Barisan Nasional ialah perbalahan yang sedang berlaku di antara Datuk Sri Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh Hamzah dan juga dengan Datuk Musa Hitam.

MCA dan Gerakan dan juga parti-parti lain sedar bahawa kerajaan negara ini akan dipimpin oleh orang-orang Melayu. Di dalam se-

barang pilihanraya umum, siapa atau kumpulan mana yang memenangi majoriti di antara 85-95 buah kawasan pilihanraya Parlimen Melayu akan menubuhkan Kerajaan Pusat.

Sekiranya UMNO (baru) memenangi majoriti atau terbanyak di antara kawasan Parlimen yang saya sebutkan itu kerajaan Barisan Nasional akan dipimpin oleh Perdana Menteri. Andainya kumpulan Melayu yang lain yang memenanginya, saya percaya sokongan Melayu akan diberikan kepada kumpulan itu.

Jelaslah bahawa pimpinan negeri ini akan diberikan kepada mereka yang mendapat majoriti sokongan dalam kawasan Melayu.

Konsep Barisan Nasional sekarang ini ialah membantu wakil-wakil rakyat bukan Melayu memenangi pilihanraya dalam kawasan di mana pengundi Melayunya yang mempunyai bilangan besar.

Pergeseran di antara MCA dan Gerakan ini mungkin mengambil kira perkembangan politik semasa.

Saya suka menasihatkan kedua-dua anggota Barisan Nasional itu supaya berhati-hati dan sentiasa waspada apabila membuat sesuatu se-ruan untuk kepentingan kaum Cina kerana takut mempunyai implikasi yang buruk kepada rakyat Melayu dan bumiputera lainnya.

Kestabilan politik negara ini bergantung kepada kerjasama yang erat di antara semua rakyat berbilang kaum dan kepentingan masing-masing hendaklah dijaga dengan baik. Kepentingan kaum bukan bumiputera di negara ini adalah bergantung kepada keadilan yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin bumiputera dan saya tidak nampak sebarang bukti yang menggambarkan ketidakadilan pimpinan sekarang ini.

NOTA: Sehingga bulan Julai 1989 tidak ada perjanjian formal di antara Gerakan dengan PAS.



Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik



Datuk Seri Dr. Lim Liong Sik



Encik Ng Cheng Kiat



Dato' Kok Wee Kiat

TAK PERLU DIRISAUKAN TENTANG MASA DEPAN ORANG MELAYU

SELEPAS membaca perutusan 23 orang cendekiawan negara kepada empat orang pemimpin orang-orang Melayu dan membaca reaksi daripada mereka yang terlibat dan rencana-rencana pengarang akhbar-akhbar tempatan, apa lagi yang hendak ditulis? Siapa lagi yang lebih arif daripada 23 orang yang menandatangani perutusan damai itu? Mereka mewakili dunia akademik, korporat dan pentadbiran dan mengikuti perkembangan politik negara dan bangsa dengan teliti. Hampir semua daripada mereka itu adalah sahabat dan kenalan saya. Begitu juga empat orang pemimpin yang sedang bertelagah sekarang ini. Minggu ini saya hanya hendak menulis *a footnote* atau *catatan* kepada perbalahan ini. Barangkali pada masa yang lain akan dapat saya menulisnya secara terperinci.

Seminggu sebelum diadakan pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada bulan April tahun sudah saya berjumpa dengan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di pejabatnya. Dalam pertemuan yang memakan masa lebih daripada satu jam setengah itu, banyakkah perkara yang dibincangkan. Di antaranya ialah tentang tulisan-tulisan saya dalam *Mingguan Malaysia*, kedudukan Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah. Kami juga membincangkan tentang sokongan dan tentangan yang sedang dihadapi oleh Perdana Menteri pada masa itu. Beliau barangkali berasa agak bebas untuk membincangkan semua ini dengan saya kerana saya tidak terlibat dalam rebutan kuasa dalam

UMNO dan tidak lagi aktif dalam politik parti.

Dalam perbincangan itu banyaklah perkara yang selama ini di luar pengetahuan saya yang dinyatakan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir. Mengenai Datuk Musa Hitam pula, Perdana Menteri lebih banyak merungut tentang perbuatan Datuk Musa terhadap dirinya.

Kira-kira setahun dulu saya ada menulis tentang perhubungan di antara empat orang Perdana Menteri kita dengan timbalan-timbalan mereka. Dalam tulisan itu saya nyatakan bahawa mengikut Datuk Musa, perhubungan beliau dengan Perdana Menteri adalah yang paling rapat dan paling baik sekali, tetapi pada pendapat saya perhubungan di antara Tunku Abdul Rahman Putra dengan Allahyarham Tun Abdul Razaklah yang paling baik.

Ada juga seorang dua penyokong Datuk Musa yang "marahkan" saya kerana saya bukan seorang *associate Professor* tentu tidak arif dalam soal ini. Mereka yang pintar semuanya bekerja di universiti belaka! Masya-Allah! Perdana Menteri menyatakan banyak perbuatan Datuk Musa dianggapnya sebagai tidak patut, semasa beliau masih lagi menjadi Timbalan Perdana Menteri. Pada suatu ketika, Perdana Menteri memberitahu saya, seorang menteri kabinet terpaksa disingkirkan atas desakan Datuk Musa.

"Apa lagi yang saya tidak buat ... untuk Datuk Musa," kata Perdana Menteri. Memanglah, semua perpecahan ini tidak akan timbul sekiranya Datuk Musa tidak meletakkan jawatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tetapi ini semuanya telah menjadi sejarah. Utusan Malaysia, hari Rabu minggu sudah menyiarkan satu berita bahawa Datuk Musa akan memujuk Tengku Razaleigh mengambil bahagian dalam pertemuan "lapan mata" dengan Datuk Sri Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba. Saya kira kalau Datuk Musa yang terdahulu menyatakan keengganan beliau untuk berunding, mungkin Tengku Razaleigh pula akan memujuk.

Saya tidak fikir pertemuan "lapan mata" ini akan diadakan. Tambahan pula Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar telah menyatakan bahawa jika kumpulan Tengku Razaleigh hendak menyertai UMNO pimpinan Dr. Mahathir, mereka hendaklah berbuat demikian sebelum 28 Oktober, iaitu sebelum mereka mengadakan perhimpunan agung yang pertama berlangsung pada hujung minggu ini. Berhubung dengan seruan kepada pemimpin-pemimpin orang-orang Melayu supaya bersatu padu, perlulah juga kita berhati-hati. Ia boleh disalahertikan oleh rakyat kita daripada bukan bangsa Melayu. Di mana pula letaknya perpaduan di antara rakyat

Malaysia pelbagai keturunan lain itu?

Tumpuan orang ramai sekarang ini ialah kepada Perhimpunan Agung UMNO yang sedang berlangsung ini. Jika Datuk Sri Dr. Mahathir mendapat sokongan yang bulat daripada para perwakilan, bolehlah beliau meneruskan pimpinannya dalam parti tajaan beliau itu. Saya tidak fikir Datuk Musa dan Tengku Razaleigh serta penyokong-penyokong mereka akan menyertai UMNO selepas mereka mengadakan perhimpunan agungnya.


Datuk Sri Dr. Mahathir nampaknya gagal mendapatkan sokongan daripada orang-orang kuat UMNO yang telah diharamkan itu. Walaupun demikian, beliau tidak patut berasa terlalu bimbang.

Semasa Datuk Onn hendak meninggalkan UMNO dulu, orang-orang Melayu berarak dan menunjuk perasaan beramai-ramai untuk memujuk Datuk Onn supaya terus memimpin UMNO. Akhirnya beliau meninggalkan juga UMNO, dan hanya selepas beliau meninggal dunia sahaja barulah jasa-jasa beliau dikenang semula.

Ada juga orang yang meramalkan bahawa Datuk Musa dan Tengku Razaleigh akan mengikut jejak langkah Datuk Onn. Dan mereka yang berpendapat demikian tidak patutlah risau tentang sama ada Datuk Musa atau Tengku Razaleigh akan menyertai UMNO ataupun tidak.

Saya menaruh harapan penuh bahawa bangsa Melayu ini akan lebih kuat, lebih matang dan lebih *resilient* lagi daripada apa yang difikirkan. Kemajuan bangsa Melayu tidak hanya terletak kepada empat orang pemimpin sahaja tetapi kepada berjuta lagi orang Melayu yang dewasa.

NOTA: Pertemuan "lapan mata" tidak pernah diadakan.



Ibu kota
Kuala Lumpur

Saya datang ke Kuala Lumpur pada tahun 1946 untuk bersekolah Inggeris; bermula di Sekolah Batu Road kemudian di Victoria Institution. Saya tinggal di Kampung Baru bersama-sama keluarga ayah saudara saya, Allahyarham Ibrahim Hj. Ahmad. Kampung Baru pada tahun 1946 tentulah tidak sama dengan tahun 1990. Begitu jugalah Kuala Lumpur. Saya tinggal di Kuala Lumpur selama hampir 45 tahun selain daripada lapan tahun saya berada di London. Pada tahun 1946 Kuala Lumpur hanya mempunyai penduduk kira-kira 100,000 orang; kini penduduk Kuala Lumpur hampir dua juta dan ibu kota kita ini adalah sebuah kotaraya yang terindah di dunia. Saya akan terus menulis tentang Kuala Lumpur seolah-olah Kuala Lumpur saya yang punya.

WAJAH KUALA LUMPUR TAK BANYAK BERUBAH

KIRA-KIRA 17 tahun lalu, dalam pentadbiran MAGERAN dan pengantungan pemerintahan demokrasi berparlimen, Tan Sri Ghazali Shafie bertanya kepada beberapa orang pegawai muda Melayu: "Adakah orang-orang Melayu akan merusuh dan membakar Jalan Mountbatten (Jalan Tun Perak) atau Jalan Tuanku Abdul Rahman jika sebahagian kedai-kedai di situ kepunyaan orang Melayu?"

"Tentu tidak," jawab beliau kepada pertanyaannya sendiri. Stail Tan Sri Ghazali Shafie tidak sabar mendengar jawapan orang lain.

Itulah salah satu peristiwa kecil yang menjadi asas Dasar Ekonomi Baru, iaitu jika sebahagian harta benda di kota-kota besar di Malaysia di-punyai oleh orang-orang Melayu, peristiwa 13 Mei tidak akan berulang lagi!

Saya sendiri tidak berapa yakin tentang teori ini kerana saya tidak percaya bahawa bangsa Melayu adalah satu bangsa yang suka memusnahkan harta orang lain.

17 tahun kemudian daripada tahun 1969, beberapa orang pegawai muda yang bertugas di MAGERAN dan di jabatan-jabatan lain pada masa itu kini menjawat jawatan ketua setiausaha suatu kementerian yang besar, menjadi ketua angkatan bersenjata, Ketua Polis Negara, ketua eksekutif MAS dan menjawat berbagai-bagai jawatan penting dalam pemerintahan ataupun dalam swasta. Bagaimana tentang kedai orang Melayu di Jalan Tun Perak?

Bagaimana tentang kedai orang Melayu di Jalan Tun Perak? Di sekitar Jalan Chow Kit? Bagaimana gambaran di Jalan Pinang atau Jalan

Campbell di Pulau Pinang? Atau di jalan-jalan besar di Ipoh, Johor Bahru, atau Melaka? Dan bagaimana pula di negeri-negeri yang jumlah penduduknya kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu, seperti di Kota Bharu, di Kuala Terengganu ataupun di Alor Setar? Biarlah para pembaca menjawab soalan saya itu berdasarkan pengetahuan sendiri.

Di Kuala Lumpur, kota metropolis yang melambangkan pembangunan dan kemegahan negara, saya ingin memberitahu "orang luar kota" bahawa wajahnya sama seperti tahun 1969 dulu. Bagaimana gambarnya dalam tahun 1957? Pun sama juga. Dan sama seperti pada tahun 1946 semasa saya jalan kaki dari Kampung Baru ke sekolah Inggeris Batu Road, sekarang dikenali sebagai Jalan Tuanku Abdul Rahman. Di Kuala Lumpur yang banyak bertukar ialah nama jalan. Java Road, Jalan Mountbatten, Jalan Tun Perak, hanya sebatang jalan di ibukota yang sama, Circular Road, Jalan Pekeliling atau Jalan Tun Razak adalah jalan yang sama juga. Teringat saya kata Shakespear "*What's In The Name?*" (Apa ada pada nama?)

Tentu sekali tidak wajar apabila saya menyatakan bahawa wajah Kuala Lumpur sama saja baik dalam tahun 1946, atau tahun 1957 atau tahun 1969 atau tahun 1986. Yang hampir sama ialah tuan-tuan punya tanah atau kedai atau rumah di ibukota ini ialah kepunyaan bukan bumiputera; Kuala Lumpur memang sudah bertukar wajah.

Jikalau dalam masa 17 tahun kebelakangannya ini, tidak membawa apa-apa perubahan, masakan tiga empat tahun yang akan datang akan membawa apa-apa perubahan yang bermakna. Dalam masa empat tahun lagi, akan tamatlah Dasar Ekonomi Baru selama 20 tahun, yang bermula dalam tahun 1970.

Gambaran yang saya lukiskan di atas adalah satu gambaran yang nyata, yang diketahui umum, yang tidak dapat disorokkan.

Persoalan yang ingin saya bangkitkan di sini ialah, sejauh manakah berjayanya Dasar Ekonomi Baru? Atau, adakah Dasar Ekonomi Baru memberi kesan kepada pembangunan negara?

Adalah mustahil untuk memperkatakan suatu dasar yang kompleks seperti DEB dalam sebuah rencana akhbar. Saya akan cuba menulis tentang DEB di masa-masa akan datang. Buat masa ini, supaya tidak mengelirukan para pembaca, saya sendiri yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru akan berjaya, dan sedang menempa beberapa kejayaan besar sungguhpun belum ada kedai Cina di Jalan Tuanku Abdul Rahman dibeli oleh orang Melayu dalam masa 17 tahun ini. Saya akan bicarakan tentang pencapaian DEB di lain masa.

PENGANGKUTAN AWAM DI KL

BARU-BARU ini seorang jurucakap Persatuan Teksi Wilayah menyatakan bahawa pengusaha-pengusaha teksi tidak akan membeli saham syarikat yang akan mengusahakan *metrolink*, iaitu sistem pengangkutan yang menggunakan rel Keretapi Tanah Melayu untuk kemudahan pengangkutan orang ramai di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya.

Saya mengucapkan syabas kepada pemandu-pemandu teksi yang menolak tawaran daripada syarikat bumiputera itu kerana pada pendapat saya rancangan mengadakan *metrolink* untuk Kuala Lumpur dalam masa lima-sepuluh tahun ini akan gagal.

Dalam pengalaman saya bergaul dengan pemandu-pemandu teksi, saya dapati mereka mempunyai banyak *common sense* daripada mereka yang lulus daripada universiti. Memang sekarang ini *common sense is not so common*.

Dengan adanya ura-ura untuk mengadakan *metrolink*, kita mempunyai tiga rancangan pengangkutan orang ramai atau *public transport* untuk bandaraya dan sekitarnya.

Pertama LRT - light rail transport, atau pengangkutan rel ringan. Rancangan LRT ini telah dibincangkan sejak tahun 1978 dan laporan lengkapnya telah siap dalam tahun 1980/81. Kajian awalnya telah menelan belanja lebih daripada dua juta ringgit dan perbelanjaan ini telah ditanggung oleh Kerajaan Belgium sebagai bantuan mereka kepada Kerajaan Malaysia. Perbelanjaannya dijangka sekitar dua ribu juta ringgit.

Dalam satu seminar antarabangsa mengenai pengangkutan di Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur dalam tahun 1981, seorang peserta telah bertanyakan tentang LRT kepada Dr. Goh Cheng Teik yang pada masa itu menjadi Timbalan Menteri Pengangkutan. Dr. Goh telah mempelawa saya untuk memberikan jawapan.

Saya telah memberikan pandangan saya bahawa kalau kita banyak duit, apapun boleh dibuat, tetapi saya tidak fikir kerajaan akan membelanjakan 2 ribu juta ringgit sedangkan Dasar Ekonomi Baru belum tentu mencapai kejayaan dan 2 ribu juta ringgit boleh membawa kejayaan kepada DEB. Saya tidak fikir perkara LRT ini akan ditimbulkan lagi sehingga tahun 1990.

Pendapat saya dalam tahun 1981 tidak berubah pada tahun 1987.

Semasa rehat dalam seminar itu saya berseloroh dengan para peserta bahawa Bank Bumiputera patut memberikan 2 ribu juta ringgit itu kepada Datuk Bandar untuk membina LRT untuk kegunaan orang ramai daripada memberikannya kepada George Tan di Hong Kong!

Kedua sistem *aerobus*. Kira-kira dalam tahun 1979 atau 1980, pihak bandaraya telah mengumumkan rancangan *aerobus* untuk Kuala Lumpur. *Aerobus* ialah satu sistem pengangkutan menggunakan bas yang berjalan dengan menggunakan wayar besi yang tergantung kira-kira 10 meter tinggi daripada jalan raya.

Dalam satu kartun Lat, beliau menggambarkan sebuah *aerobus* terhenti di hadapan jam besar – sekarang Mahkamah Tinggi Persekutuan dan penumpang-penumpangannya terpaksa turun ikut pokok pinang.

Selain daripada sebagai satu tarikan kepada perusahaan pelancongan saya berpendapat bahawa sistem pengangkutan ini adalah satu pembaziran dan tidak akan memberi kesan kepada keselesaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Saya percaya kerajaan tidak akan meneruskan rancangan ini walaupun beberapa orang jutawan overdraf berperi-peri dengannya.

Berbalik kepada *metrolink*. Sungguhpun syarikat bumiputera ini mempunyai beberapa orang pakar perunding, saya ingin menyatakan dalam kurang daripada 100 perkataan mengapa projek ini akan gagal.

Wilayah Persekutuan dan sekitarnya mempunyai hampir 300,000 orang menggunakan pengangkutan awam dan hanya kira-kira 250,000 saja yang menggunakan lebih daripada lima hari dalam seminggu.

Kalau ada *metrolink*, kira-kira 15 peratus daripada jumlah ini akan menggunakannya, iaitu 45,000 sehari. Purata syarikat itu akan mengutip kira-kira \$60,000 sehari atau kira-kira \$21 juta setahun. Kalau

mereka paling cekap dan bernasib baik akan mendapat 2 atau 3 juta ringgit keuntungan setahun. Dengan perbelanjaan dianggarkan 180 juta ringgit, tidak akan ada institusi kewangan yang akan mengeluarkan pinjaman.

Pada masa ini bandaraya mempunyai sistem pengangkutan awam yang memuaskan. Pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Klang adalah setanding dengan kotaraya di negara-negara lain. Ianya adalah lebih baik daripada kebanyakan negeri di Asia, Afrika dan Amerika Latin.

Sungutan orang ramai sekarang ini ialah semasa *rush hour* atau semasa sesak, iaitu pada pukul 7 hingga 9 pagi dan daripada pukul 4.30 hingga 6.30 petang.

Dalam masa yang saya sebutkan di atas itu, tidak ada kotaraya dalam dunia yang tidak mengalami kesesakan, baik di London mahupun di Tokyo.

Kita hendaklah ingat bahawa Kuala Lumpur tidak mempunyai sistem pengangkutan awam yang bersepadu. Selain daripada syarikat Seri Jaya, ada enam atau tujuh syarikat bas yang lain. Ini tidak termasuk berpuluh-puluh syarikat bas mini. Jalan-jalan yang sempit menyulitkan lagi perjalanan bas-bas panjang.

Saya yakin bahawa sistem pengangkutan awam yang dikendalikan oleh swasta sekarang ini boleh ditingkatkan lagi prestasinya jika pengusaha-pengusaha ini sentiasa berunding sesama mereka dan dengan pihak yang berkenaan iaitu Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak polis trafik.

Pengangkutan awam di Kuala Lumpur boleh dikatakan murah jika dibandingkan dengan ibu negeri negara-negara lain.

Jarang-jarang sekali kita dengar pujian diberikan kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam di tempat kita. Pengalaman saya tentang pengangkutan di Kuala Lumpur ini adalah sebagai Pengerusi LPPJ awal tahun lapan puluhan.

PERKHIDMATAN KERETAPI RINGAN DI KL TIDAK MENGUNTUNGKAN

MINGGU lalu, pada 12 Ogos, saya terbaca satu berita dalam *The Malay Mail* mengenai Metrolink, sebuah syarikat yang bercadang hendak membina satu rangkaian keretapi ringan untuk Kuala Lumpur.

Berita ini menyebut tentang kesukaran dan keengganan pengusaha-pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Lumpur menyumbangkan \$2 juta kepada Metrolink, untuk mencukupkan modal berbayar syarikat itu sebanyak \$10 juta. Tiada pula dinyatakan bahawa \$8 juta itu telah terkumpul ataupun belum.

Di akhir berita itu dinyatakan pula bahawa syarikat Metrolink tidak mahukan publisiti untuk sementara waktu!

Kira-kira enam bulan dulu saya ada menulis dalam ruangan ini mengenai Metrolink dan memberikan pendapat bahawa rancangan Metrolink ini tidak akan terlaksana dan jika diteruskan juga akan menemui kegagalan. Kegagalan yang saya maksudkan itu ialah kegagalan untuk mencapai keuntungan bagi mereka yang menanam modal dalam projek ini.

Ibukota Kuala Lumpur mungkin memulakan satu perkhidmatan keretapi ringan atau *light rail transport* (LRT) dalam masa 5-6 tahun yang akan datang, dibiayai oleh kerajaan kerana ia memerlukan perbelanjaan yang besar dan tidak akan menguntungkan dari segi pulangan modal dalam tahun-tahun permulaannya.

Ura-ura mengadakan keretapi ringan ini telah dibuat kira-kira 10 tahun dahulu dan rancangan *aerobus* telah dibuat 7 tahun dahulu.

Dalam masa 20 tahun ini penduduk Kuala Lumpur dan sekitarnya bertambah kira-kira 7 peratus setahun. Ini bermakna penduduk Kuala Lumpur bertambah sekali ganda dalam masa 15 tahun – satu pertumbuhan yang pesat jika dibandingkan dengan kota-kota besar lain di dunia. Pertumbuhan ini dijangka menurun ke paras 5 peratus setahun dalam tahun-tahun yang akan datang.

Sebagai satu perkiraan, penduduk Kuala Lumpur yang berjumlah kira-kira 750,000 dalam tahun 1970, bertambah sekali ganda – iaitu 1,500,000 dalam tahun 1984 dan akan bertambah kepada 3,000,000 dalam tahun 2000.

Pertumbuhan penduduk yang cepat ini memerlukan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih cekap daripada yang ada sekarang ini.

Pembinaan rangkaian keretapi ringan ini memerlukan kira-kira dua hingga tiga ribu juta ringgit dan memakan masa tiga empat tahun.

MetroLink atau Master – Carriage (sebuah syarikat yang ber-cadang untuk membuka *aerobus*) tidak mampu untuk menjalankan tugas ini.

HAPUSKAN PERJUDIAN DI PESTA 'FUN-FAIR'

MINGGU sudah Perdana Menteri telah merasmikan pembukaan Lebu Raya Senawang – Air Keruh dan bermulalah sistem tol tertutup Lebu Raya Utara – Selatan yang bermula di Sungai Besi dan berakhir di Air Keruh dengan bayaran 5 sen satu kilometer bagi kereta pakai beroda empat. Pada hari itu juga Perdana Menteri merasmikan karnival Melaka dan pengguna lebu raya yang akan ke Melaka akan dikecualikan bayaran tol selama sebulan.

Pesta atau Karnival Melaka ini bermula sebaik sahaja Pesta Port Dickson berakhir. Dan dalam bulan Disember Pesta Pulau Pinang pula akan bermula selama sebulan. Pesta Pulau Pinang telah berjalan selama kira-kira 20 tahun.

Ada kemungkinan beberapa buah negeri lagi akan mengadakan pesta tahunan mereka.

Saya khuatir, jika kesemua negeri dalam Malaysia mengadakan pesta masing-masing, kita akan berpesta sepanjang tahun.

Dikaji dari beberapa segi, ada baiknya mengadakan tiga atau empat pesta setahun. Pulau Pinang nampaknya berjaya menarik pelancong ke pulau itu dengan mengadakan pesta tahunan mereka.

Di negara kita, apa sahaja pertunjukan atau sebarang temasya atau sebarang pertunjukan berbentuk hiburan akan mendapat sokongan daripada masyarakat Melayu.

Di Port Dickson dua minggu lalu ribuan manusia telah membanjiri pesta mereka yang pertama. Dalam perkiraan saya 95 peratus

pengunjung pesta terdiri daripada orang-orang Melayu dari sekitar Negeri Sembilan.

Yang tidak menyenangkan saya dan juga ramai orang lain, ialah permainan yang bercorak perjudian yang diadakan dalam kawasan *fun-fair*.

Semua gerai perjudian dipunyai dan dikendalikan oleh masyarakat Cina dan hampir semua yang bermain (berjudi) terdiri daripada orang Melayu. Dan yang bermain dan berjudi hampir semuanya kehilangan wang.

Saya berpendapat permainan yang bercorak perjudian ini tidaklah menjadi satu perkara yang wajib setiap kali kita mengadakan pesta. Ianya bertentangan dengan dasar menyerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Islam.

Permainan yang bercorak perjudian ini akan menimbulkan berbagai-bagai gejala buruk dalam masyarakat kita dan saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan memberikan perhatian yang berat terhadap masalah ini.

Nampaknya sudah menjadi satu kebiasaan mengadakan *fun-fair* ini apabila mengadakan sesuatu pesta dan dalam *fun-fair* ini dimestikan pula permainan yang bercorak perjudian.

Saya fikir telah sampai masanya Majlis Agama dalam sesebuah negeri itu menyatakan pendirian mereka kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing mengenai perjudian yang diadakan dalam pesta-pesta ini.

Saya yakin tidak ada mufti atau kadi yang memasuki *fun-fair* ini, tetapi ini tidak bermakna bahawa mereka tidak tahu apa yang dijalankan dalam *fun-fair* ini.

Banyak lagi usaha yang boleh diadakan untuk menarik para pelancong. Bagi Port Dickson dan tempat percutian di tepi laut, yang paling penting ialah kebersihan pantai dan kemudahan untuk orang ramai yang menggunakannya.

Pantai di Port Dickson masih kotor dan tidak dijaga dengan rapi. Kempen membersihkan pantai yang diadakan dari masa ke masa tidak mencukupi. Bersihkan pantai, siapkan kemudahan orang ramai, akan datanglah para pelancong baik dari dalam mahupun dari luar negeri.

KUALA LUMPUR MESTI CERMINKAN MASYARAKAT MAJMUK

SEMASA bandaraya menyambut ulangtahunnya yang ke-14 minggu sudah (saya kurang pasti tarikh bila dikira penubuhan bandaraya yang rasmi) saya teringat semasa saya mula datang ke Kuala Lumpur untuk bersekolah Inggeris 43 tahun dahulu.

Selama tiga tahun, berjalan kaki dari Jalan Hamzah Kampung Baru ke Sekolah Batu Road dan kemudian naik basikal ke Sekolah Victoria Institution hinggalah tamat sekolah menengah.

Dalam masa 40 tahun ini Kuala Lumpur telah bertukar wajah dengan pesatnya.

Selepas Perang Dunia Yang Kedua, Kuala Lumpur mempunyai penduduk kira-kira 150,000 orang sahaja dan sekarang telah meningkat hampir 10 kali ganda kepada 1,200,000 orang. Angka ini penting untuk dijadikan panduan, kerana jika sekiranya kita tidak membuat perancangan yang teliti, 40 tahun dari sekarang Kuala Lumpur akan mempunyai penduduk kira-kira 8,000,000 orang, iaitu sama besarnya dengan kota-kota London, Paris, New York, Tokyo dan Jakarta pada masa sekarang ini.

Dalam tahun-tahun enam puluh dan tujuh puluhan, perkembangan penduduk bandaraya Kuala Lumpur ialah kira-kira 7 peratus setahun iaitu satu-satunya pertumbuhan yang paling tinggi di dunia.

Dalam masa tiga empat tahun ini pertumbuhan penduduk di Kuala Lumpur mungkin telah agak berkurangan tetapi masih lagi mencapai angka 5 peratus setahun. Ini bermakna dalam masa lima enam

tahun yang akan datang ini, penduduk bandaraya akan bertambah di antara 60,000 – 80,000 orang setahun. Begitu juga pertambahan penduduk di kawasan lain di Lembah Kelang ini.

Jelaslah, pada masa bandaraya menyambut ulangtahunnya yang ke-21, yang tentunya akan disambut secara besar-besaran pada tahun 1995 bandaraya Kuala Lumpur akan mempunyai kira-kira 1,700,000 orang penduduk.

Bagaimana rupanya Kuala Lumpur tujuh tahun lagi?

Saya fikir Kerajaan Pusat dan Dewan Bandaraya hendaklah membuat perancangan yang rapi tentang perkembangan Kuala Lumpur dalam jangkamasa ini. Ini tidak termasuk rancangan memperindahkan bandaraya dan menjaga kebersihannya kerana ini adalah tugas harian dan tidak perlulah dibangga-banggakan.

Pada pendapat saya Bandaraya dan Kerajaan Pusat hendaklah memberikan perhatian yang serius kepada sekurang-kurangnya empat aspek pembangunan bandaraya. Pertama, peranan dan kependudukan bumiputera; kedua soal pengangkutan awam, ketiga menjadikan Kuala Lumpur sebuah pusat perniagaan dan kewangan di rantau Asia Tenggara dan keempat menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pelancongan.

Dalam minggu-minggu yang berikutan ini saya harap akan dapat menulis dalam semua bidang ini dan berharap orang ramai akan sama-sama menyumbangkan fikiran ke arah membina sebuah ibu kota yang dapat dibanggakan.

Masalah kependudukan bumiputera di bandaraya adalah satu isu kebangsaan dan tidak harus difikirkan oleh Dewan Bandaraya sahaja.

Asalnya, Kuala Lumpur ialah sebuah Kampung Melayu. Pada awal kurun ini, Kuala Lumpur telah pun menjadi sebuah pekan kecil yang penduduknya terdiri dari pelbagai kaum. Dalam 1900, penduduk yang terdiri dari kaum Cina dan India telah pun melebihi penduduk Melayu. Dalam tahun 1945, semasa saya bersekolah Inggeris di Kuala Lumpur, tidak sampai 22 peratus daripada 150,000 orang penduduk Kuala Lumpur terdiri daripada orang-orang Melayu.

Pada masa itu orang-orang Melayu takut hendak ke Jalan Petaling, kerana orang-orang Cina terlampau sombong. Dalam tahun 1957 apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Kuala Lumpur tidak jauh bezannya daripada Hong Kong atau Taipeh atau pun Singapura. Dalam tahun 1969 penduduk bumiputera di Kuala Lumpur tidak sampai 26 peratus.

Penduduk bumiputera di Kuala Lumpur sekarang baru mencapai sekitar 30 peratus dan orang-orang Melayu tidak lagi takut untuk ber-

siar-siar di Jalan Petaling, atau di mana-mana sahaja dalam Bandaraya. Di Jalan Petaling, atau di Pudu, atau di Jalan Chow Kit, penduduk bandaraya mencerminkan satu masyarakat berbilang kaum.

Dalam tahun-tahun yang akan datang, Kuala Lumpur hendaklah mencerminkan negara ini, iaitu sebuah ibukota yang dapat memberi gambaran Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, tetapi berteraskan kepimpinan bumiputera.

Kerajaan hendaklah mencari jalan supaya penduduk bandaraya mempunyai sekurang-kurangnya 35 peratus bumiputera.

Seimbangkan pandangan tidak banyak perubahan yang berlaku pada bandaraya selepas 18 tahun berlalunya Dasar Ekonomi Baru. Bagaimanapun perubahan struktur dunia korporat akan memberi kesan yang mendalam kepada pembahagian harta di bandaraya ini.

Dasar Ekonomi Baru akan lebih berkesan lagi kepada Kuala Lumpur jika perhatian yang berat diberikan kepada pertumbuhan harta milik bumiputera.

Beberapa kawasan khusus yang dimiliki oleh bumiputera, seperti Kampung Baru, Datuk Keramat, Setapak dan Kampung Pandan hendaklah dibangunkan.

Satu tabung pembangunan, mungkin berjumlah dua ribu juta ringgit patut diperuntukkan kepada pembangunan kawasan-kawasan ini. Jumlah ini sama banyaknya yang di'pinjam'kan kepada George Tan di Hong Kong oleh Bank Bumiputra kira-kira lima tahun dulu.

PENGANGKUTAN AWAM DI KL MASIH 'PI MAI PI MAI TANG TU'

MINGGU ini saya bercadang hendak mencatatkan beberapa fikiran (*some thoughts*) tentang sistem pengangkutan ibu kota negara kita, Kuala Lumpur.

Memanglah sukar untuk membicarakan masalah sebesar ini dalam sebuah dua rencana pendek.

Dalam masa 30 tahun kebelakangan ini, Kuala Lumpur adalah di antara salah sebuah bandaraya yang paling pesat pertumbuhannya di dunia. Di antara tahun 1960 hingga 1980 pertumbuhan Kuala Lumpur mencapai 7 peratus setahun. Pertumbuhan 7 peratus setahun ini akan menjadikan Kuala Lumpur dua kali ganda besarnya tiap-tiap 12 tahun.

Kalau pertumbuhan sebesar ini tidak dibendung atau tidak berkurangan, Kuala Lumpur mungkin mempunyai penduduk hampir empat juta orang menjelang tahun 2000.

Perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Lumpur boleh dikatakan bertambah baik dari tahun ke tahun, tetapi oleh kerana pertumbuhan penduduk begitu pesat, maka tidak berapa ketaralah kebaikan perkhidmatan pengangkutan awam ini.

Begitu juga tentang pembinaan jalan-jalan baru. Lebih banyak jalan dibina atau dibesarkan, atau diluruskan, lebih banyak lagi kereta yang akan menggunakannya.

Di beberapa tempat di Kuala Lumpur, kesesakan lalulintas atau *traffic jam* berlaku tiap-tiap hari dan hampir setiap masa. Di beberapa batang jalan, lalulintas hanya selesa selepas tengah malam dan sebelum pukul 6 pagi sahaja.

Kementerian Kerja Raya berpendapat kutipan tol terpaksa dikenakan untuk membiayai pembinaan jalan-jalan yang lebih besar atau *fly-over* untuk mengurangkan kesesakan jalan.

Kira-kira 15 tahun dulu kerajaan telah meminta sebuah syarikat perunding antarabangsa untuk membuat satu kajian mengenai masalah pengangkutan awam Kuala Lumpur dan mereka telah mencadangkan supaya Kuala Lumpur mengadakan sebuah rangkaian LRT (*Light Rail Transport*). Laporan ini telah pun siap dalam tahun 1980 dan lapan tahun kemudian, pi mai pi mai tang tu juga. Saya tidak pasti sama ada LRT ini lalu Kampung Seri Wangi ataupun tidak!

Dalam tahun 1980 juga kedengaran berita bahawa bandaraya akan mempunyai sistem *aerobus* yang pertama di dunia. Sistem *aerobus* ini ialah beberapa buah rangkaian bas atau koc keretapi yang berjalan di atas rel atau talian yang dibina kira-kira 10 meter tingginya dari tanah.

Ertinya, sistem ini tidak memerlukan ruang jalan baru di atas tanah hanya di ruang angkasa sahaja. Beberapa berita akhbar menyatakan bahawa sistem ini akan dimulakan pada tahun 1985, atau tiga tahun dulu.

Mengikut kajian perunding yang mencadangkan LRT itu, kos pembinaannya dianggarkan \$3,000 juta, harga tahun 1982. Kini mungkin telah naik 25 peratus dan kalau dimulakan pembinaannya tahun depan LRT ini mungkin berharga \$4,000 juta. Bagaimanapun tidak ada tanda-tanda bahawa pembinaannya akan dimulakan tahun depan.

Semasa kerajaan heboh dengan konsep penswastaaan tiga empat tahun dulu, beberapa orang ahli perniagaan Melayu yang terkenal telah mencadangkan supaya LRT ini diusahakan oleh mereka dan kerajaan pun bersetuju. Mungkin syarikat yang 'gatal' ini telah menggendalakan rancangan LRT ini, wallahu'alam.

Rancangan *aerobus* tidak kedengaran lagi dalam masa dua tahun ini. Saya tidak tahu sama ada rancangan ini telah dibatalkan sama sekali ataupun hanya ditangguhkan sahaja. Mungkin kerajaan berpendapat bahawa rancangan ini hanya untuk menggalakkan pelancongan sahaja dan tiak dapat membantu menyelesaikan kesesakan lalulintas di kotaraya kita ini.

Saya sendiri berpendapat demikian dan telah saya nyatakan berulang kali dalam ruangan ini.

Tahun sudah, timbul pula rancangan untuk mengadakan satu sistem seakan-akan LRT tetapi menggunakan laluan yang pendek sahaja. Kononnya satu kajian yang menyeluruh telah dibuat. Hingga hari ini pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM), mahupun bandaraya tidak tahu-

menahu tentang rancangan mereka.

Menurut siaran akhbar, mereka bercadang hendak kerja pada bulan April tahun 1987; lepas itu ditangguhkan kepada bulan September dan yang akhir sekali saya dengar mereka akan memulakan kerja pada bulan November tahun lalu. Tidak tahu saya sampai manakah kerja mereka sekarang. Ataupun mereka masih mempunyai pejabat lagi ataupun tidak.

Saya tuliskan semua ini bukan untuk memperkecilkan usahawan kita atau mengkritik usaha menswastakan pembinaan LRT atau *aerobus*, tetapi untuk menarik perhatian orang ramai terutama sekali mereka yang bertanggungjawab bahawa ada beberapa soal pokok yang patut dipastikan terlebih dahulu sebelum membicarakan tentang hendak mengadakan perkhidmatan pengangkutan awam yang selesa dan cekap dan sepatutnya diwujudkan untuk keperluan orang ramai sebagai suatu tugas kerajaan demokrasi berparlimen.

Pagi ini saya hendak mengemukakan hanya satu soal sahaja, iaitu siapakah yang berwajib menyediakan kemudahan asas atau infrastruktur perkhidmatan pengangkutan awam ini?

Pengalaman di semua negeri, baik di London, Paris atau Singapura, menunjukkan bahawa infrastruktur ini hendaklah dibiayai oleh kerajaan. LRT tidak akan dapat dibina oleh sesebuah syarikat swasta, sama ada oleh Master-Carriage Sdn. Berhad ataupun siapa sahaja. Begitu juga Metrolink atau apa jua syarikat swasta tidak akan dapat mengadakan perkhidmatan pengangkutan awam untuk sebuah bandaraya jika terpaksa mengadakan *rail track* mereka sendiri.

Perlukah Kuala Lumpur mengadakan perkhidmatan pengangkutan awam selain daripada menggunakan bas dan teksi? Untuk bulan depan, mungkin tidak perlu. Tetapi bagaimana keadaannya pada tahun 1992, pada tahun 2000? Tahun 2000 hanya 13 tahun sahaja lagi dan ramai di antara kita yang mungkin akan hidup lagi pada tahun itu. Kalau kajian LRT telah berlalu selama 10 tahun dan tidak ada sebarang tindakan yang konkrit, 10 tahun bukanlah satu masa yang panjang.

Saya akan sambung lagi tentang perkara ini minggu depan.

KUALA LUMPUR: PERLUKAH SISTEM KERETAPI BAWAH TANAH?

KAJIAN dan pengalaman di semua kota-kota besar menunjukkan bahawa perkhidmatan pengangkutan awam yang selesa memerlukan perkhidmatan keretapi bawah tanah. Di London ia dipanggil *Tube*, di Paris – *Metro*, di New York – *Subway* dan sebagainya; semuanya menggambarkan perkhidmatan pengangkutan awam bawah tanah.

Kotaraya yang paling akhir menggunakannya ialah jiran kita, Singapura yang menamakan sistem ini sebagai MRT (*Mass Rapid Transport*). Sungguhpun kecil jika dibandingkan dengan perkhidmatan di kota-kota lain, MRT di Singapura ini adalah yang termoden sekali di dunia. Dalam pengalaman saya sendiri, sistem penjualan tiket, keluar-masuk dan penggunaan tiket berkomputer adalah lebih moden daripada yang digunakan di London, Paris atau Hong Kong.

Bagaimana dengan Kuala Lumpur? Jawapan di Parlimen minggu lalu tidak memberikan maklumat apa-apa. Yang saya hairan, soal Metro-link yang pada sangkaan saya sebuah syarikat kecil swasta pun mendapat jawapan daripada kerajaan.

Sebagaimana yang saya nyatakan pada minggu lalu ada dua rancangan kerajaan untuk mengatasi kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dan memperbaiki sistem pengangkutan awam: LRT dan *Aerobus*.

LRT dirancang akan menghubungkan luar bandar Kuala Lumpur, seperti Bukit Jalil di Sungai Besi, kawasan Taman Melawati, Sentul dan Petaling Jaya dengan Bandaraya. Rancangan ini akan dijalankan tiga hingga lima peringkat dan jika dimulakan tiga tahun dulu patut beroperasi sepenuhnya pada tahun 1992.

Dibandingkan dengan tahun 1978, semasa kajian ini dimulakan hingga sekarang, penduduk Kuala Lumpur dan sekitarnya telah meningkat sekali ganda, daripada satu juta kepada dua juta orang. Dan pertambahan penduduk ini akan bertambah sekali ganda lagi dalam masa 12-14 tahun yang akan datang, iaitu pada awal kurun hadapan.

Apabila kita memperkatakan tentang perkhidmatan pengangkutan awam Kuala Lumpur, kita hendaklah mengambil kira kependudukan sekitar bandaraya yang meliputi Lembah Kelang. Lembah Kelang ialah kawasan Ampang membawa ke Pelabuhan Klang yang mempunyai kawasan kira-kira 450 batu persegi dan penduduk kira-kira 2½ juta. Singapura mempunyai 2.6 juta dan kawasan 224 batu persegi, semasa air surut dan termasuk kawasan penambakan yang terakhir.

Selain daripada Lembah Klang, Kuala Lumpur juga dilawati oleh sejuta lebih lagi manusia daripada negeri-negeri yang berhampiran. Penduduk Malaysia Barat sekarang berjumlah kira-kira 13 juta orang atau lima kali ganda lebih ramai daripada penduduk Singapura.

Saya berpendapat, dan saya percaya ramai lagi orang yang berpendapat seperti saya, bahawa Kuala Lumpur memerlukan MRT dan bukan LRT. MRT akan juga membantu menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di bandaraya.

Masalah kesesakan lalulintas atau trafik jam ialah kerana jalan-jalan yang ada tidak dapat menampung keperluan kenderaan. Selain daripada kereta pakai dan teksi dan bas, jalan-jalan di Kuala Lumpur juga digunakan oleh lori-lori dan ada kalanya oleh jentera-jentera berat seperti traktor dan jentolak.

Sekurang-kurangnya tiga kali sehari KL menempa *traffic* jam: pukul 7 hingga 9 pagi, 12 hingga 2 tengah hari dan pukul 4.30 hingga pukul 6 petang. Beberapa batang jalan berlaku kesesakan sepanjang masa. Hanya satu sistem bawah tanah sahaja yang dapat mengatasi masalah ini. Perkhidmatan bawah tanah akan dapat membawa penumpang pukul rata satu kilometer pada satu minit dan sekiranya Kuala Lumpur mempunyai rangkaian keretapi bawah tanah, seseorang itu akan dapat sampai ke kebanyakan destinasi masing-masing dalam masa kurang daripada 10 minit.

Mampukah kita mempunyai MRT untuk Kuala Lumpur dan Lembah Kelang? Saya harap Datuk Paduka Daim Zainuddin tidak berkecil hati, kerana beliau yang menjadi Menteri Kewangan, tetapi saya pula yang hendak buat kira-kira.

Atau tidak mampukah kita mempunyai MRT untuk Kuala Lumpur dan Lembah Kelang?

Berapakah anggaran perbelanjaan untuk mengadakan satu sistem MRT yang moden? Singapura dikatakan membelanjakan kira-kira S\$5,000 juta untuk MRTnya. Ringgit Malaysia sekarang hampir 28 peratus lebih rendah daripada dolar Singapura. Pada suatu masa dulu, kalau saya tidak silap dalam tahun 1965, beberapa bulan selepas Singapura keluar daripada Malaysia, ringgit Malaysia adalah 4 peratus lebih tinggi daripada dolar Singapura.

Menimbangkan beberapa perkara, seperti harga tanah, gaji pekerja dan lain-lain lagi, sistem MRT yang moden memerlukan perbelanjaan kira-kira \$6,000 juta, hampir dua kali ganda daripada perbelanjaan asal LRT.

Di Singapura dan di kota-kota besar yang lain, perbelanjaan pembinaan sistem pengangkutan seperti MRT ini tidak dapat dibiayai oleh pendapatan daripada penjualan tiket. Dan sekiranya hendak berbuat demikian, tambangnya akan melebihi tambang teksi berhawa dingin.

Kos pembinaan MRT ini hendaklah disifatkan sebagai pembinaan infrastruktur kerjaraya, seperti membuat jalan raya ataupun pembinaan jambatan atau sekolah dan hospital. Memanglah kerajaan sekarang ini menggunakan kutipan tol sebagai menambahkan hasil.

Kita sedar bahawa bukan semua negara akan mampu mengadakan sistem MRT ini. Jakarta dan Bangkok belum bercadang untuk mengadakan sistem bawah tanah; dan trafik jam di Bangkok sekarang ini adalah yang teruk sekali di dunia.

Kaherah baru saja menyiapkan fasa pertama sistem MRTnya. Malaysia sedang pesat membangun dan pendapatan per kapitanya ialah yang tertinggi, selain daripada Jepun dan empat buah negara lain yang disifatkan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara Barat sebagai *The Little Tigers* (Harimau Kecil) Asia, iaitu Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura.

Pendapatan per kapita Malaysia adalah dua kali ganda daripada Thailand dan tiga kali ganda daripada Filipina dan Indonesia.

Jika negara memilih sistem MRT ini ia hanya akan dapat digunakan lima enam tahun lagi dari sekarang dan akan siap dalam 10 tahun lagi. Kalau kerajaan mengutukkan \$500 juta setahun daripada tahun ini, mungkin Kuala Lumpur akan mempunyai MRT yang termoden dan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang akan mempunyai sistem pengangkutan perkhidmatan awam yang baik 10 tahun lagi.

PERUMAHAN DI MALAYSIA ANTARA PALING BAIK

TULISAN saya minggu sudah mengenai perumahan telah menimbulkan beberapa pertanyaan yang sukar untuk menjawabnya. Pertama, tentang mendirikan 80,000 rumah murah dalam setahun dalam tahun-tahun 1986, 87 dan 88. Semua orang mengalu-alukan rancangan untuk mendirikan 240,000 buah rumah harga rendah dan sederhana dalam masa tiga tahun; tetapi soalnya, adakah ini satu perancangan yang munasabah?

Berita-berita yang tersiar di akhbar menunjukkan banyak rancangan rumah murah terbengkalai dan ada yang telah siap beberapa bulan masih belum diduduki orang.

Di Selangor sahaja, masih terdapat beribu buah flat kepunyaan PKNS yang belum diduduki orang dan berpuluh juta ringgit wang terbenam.

Satu perkara yang ketara sekarang ini ialah peninggalan rumah-rumah kampung. Ada berbagai sebab kenapa perkara ini berlaku, tetapi yang paling aneh ialah tuan-tuan punya rumah ini sekarang tinggal di rumah-rumah murah yang dibina oleh kerajaan. Ramai orang berpendapat bahawa rumah-rumah murah ini adalah suatu hadiah politik yang patut direbut walaupun ada rumah sendiri.

Perumahan di Malaysia adalah di antara yang paling baik di Asia dan Afrika. Kita tidak perlu meninjau jauh: lihat sahaja keadaan rumah-rumah di kampung-kampung di Indonesia, Filipina dan Negeri Thai dan bandingkan dengan rumah-rumah kita di Malaysia.

Tidak ada kampung di Asia, Afrika atau Amerika Latin yang sama seperti kampung-kampung kita di Johor, Melaka, Negeri Sembilan atau di tempat lain dalam negara kita dari segi keselesaan rumah kediaman.

Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri telah juga ditugaskan menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita semua berharap suatu dasar perumahan negara yang baru akan siap tidak berapa lama lagi. Saya harap Encik Ghafar akan memberi perhatian kepada pembinaan rumah-rumah kampung yang selama ini tidak diambil kira apabila mereka membincangkan soal perumahan di bilik-bilik dingin di Kuala Lumpur.

13 APR. 1990